Jilid V
No. 2

Hari Ithnin
10hb Jun, 1968

# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN NEGARA (SENATE)

### PENYATA RASMI

### (DEWAN NEGARA YANG KEDUA PENGGAL KELIMA)

## KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN$^2$ MULUT BAGI PERTANYAAN$^2$ [Ruangan 569]**

**URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 571]**

**PENANGGOHAN [Ruangan 571]**

**USUL:**

**Uchapan Terima Kaseh Kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong [Ruangan 572]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, PENGUASA
JOHOR BAHRU
1969

*Harga:* $1

MALAYSIA

# DEWAN NEGARA (SENATE)

*Penyata Rasmi*

Jilid V — Dewan Negara Yang Kedua Penggal Yang Kelima — No. 2

*Hari Isnin, 10hb Jun, 1968*

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi*

YANG HADZIR

Yang Berhormat Yang di-Pertua, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).

" Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).

" TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).

" TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).

" TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).

" TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).

" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Pulau Pinang).

" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).

" PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, A.M.N. (Di-lantek).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).

" TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).

" TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).

" TUAN CHAN KWONG-HON, A.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

" DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).

" DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).

" TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).

" TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).

" TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

" TUAN KOH KIM LENG (Melaka).

" DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).

" DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).

" TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

" TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).

" TUAN MOHAMED ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).

" DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).

" TUAN MD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).

Yang Berhormat DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
,, TUAN S. P. S. NATHAN (Di-lantek).
,, NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).
,, TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, M.B.E. (Sarawak).
,, TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
,, TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).
,, DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
Yang Berbahagia TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
Yang Berhormat TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N., (Kedah).
,, TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM, A.M.N. (Perlis).
,, TUAN WILLIAM TAN (Di-lantek).
,, DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
,, DATO' S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
,, DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
,, WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

YANG TIDAK HADHIR

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
,, DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
,, TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).
,, DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.M.N. (Di-lantek).
Yang Berhormat TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
,, DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).
,, TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
,, RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).
Yang Berhormat DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K. (Kelantan).
,, TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

YANG HADHIR BERSAMA

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
,, Menteri Kebajikan 'Am, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
,, Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

# DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

# JAWAPAN2 MULUT BAGI PERTANYAAN2

## PEREMPUAN2 DAN GADIS2 YANG DI-PAKSA MENJADI PELACHOR OLEH PENIPU2

1. **Tuan Saidon bin Kechut** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan perempuan2 dan gadis2 yang telah menjadi mangsa kapada penipu2 yang telah membuat janji palsu akan memberi kerja2 di-Pantai Barat untok perempuan2 dan gadis2 ini tetapi akhir-nya memaksa mereka menjadi pelachor.

**Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pengaduan diterima oleh pehak Polis tentang gadis2 yang telah di-perdayakan dengan tipu helah sa-bagai janji2 yang menarek untok menawan mereka jadi perempuan2 pelachor. Oleh yang demikian tiada-lah bukti menunjokkan bilangan perempuan2, atau gadis2 yang telah menjadi mangsa.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Soalan tambahan. Saya selalu terbacha di-dalam surat khabar ada kegiatan2 daripada pasokan Polis yang chuba menyelidek dan menangkap kumpulan2 yang masok ka-kampong2 dengan sa-chara orang persaorangan atau pun dengan chara kumpulan yang chuba menarek perhatian gadis2 atau wanita2 dengan mengatakan menawar mendapatkan pekerjaan, tetapi apabila sampai ka-bandar di-jadikan tujuan lain dan pehak Polis ada menjalankan tindakan2 dalam perkara ini. Benar-kah atau tidak perkara ini, kerana ada kita bacha dalam surat2 khabar.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah soalan lain, akan tetapi saya suka menyatakan, ia-itu di-antara gadis2 yang ada dalam tahanan, Rumah Tahanan Kebajikan Masharakat di-Cheras, sa-banyak 56 orang di-antara itu ada 8 orang yang telah mengadu ia-itu mereka telah menjadi mangsa2 penipu, tetapi mereka ini enggan memberi kenyataan atau laporan kapada pehak Polis oleh kerana mereka takut tindakan balas akan di-beri kapada mereka. Tentang Polis, pertanyaan yang kedua itu ada-lah perkara yang tidak bersangkut-paut dengan soalan yang asal.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalan tambahan. Sunggoh pun tidak ada aduan2 yang telah di-buat kapada Polis berhubong dengan perkara ini yang di-soalkan oleh Ahli Yang Berhormat Enche' Saidon itu, tetapi ada-kah Kerajaan sedar bahawa perkara yang saperti itu memang benar berlaku dan sedang berlaku dengan giat-nya dan apa-kah sa-barang tindakan yang akan di-ambil bagi mengatasi masaalah ini yang memang sa-benar2 ada berlaku itu di-seluroh Persekutuan ini?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Ini perkara biasa, Tuan Yang di-Pertua, kita memang faham ia-itu sa-lain daripada perkara2 sa-umpama ini, perkara churi-menchuri, samun-menyamun dan sa-bagai-nya, memang Kerajaan ada mengambil perhatian di-atas satu perkara keburokan yang di-lakukan oleh masharakat dan tindakan sa-wajarnya memang di-ambil apabila perkara2 itu berlaku.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Soalan tambahan. Boleh-kah dapat keperchayaan kalau sa-kira-nya saya mangatakan kumpulan2 yang menjalankan tindakan menipu gadis2 ini pernah menggunakan ruangan2 akhbar sa-bagai iklan ia-itu menyatakan ada Jabatan2 Perniagaan yang di-uruskan oleh badan2 sa-sabuah sharikat yang berkehendakkan kakitangan, maka wanita2 ini juga terpadaya dengan chara iklan2 di-surat2 khabar ini, mereka ini datang menemuï kakitangan yang mengeluarkan iklan ini, kemudian terbukti pada akhir-nya mereka ini juga di-jadikan mangsa penipuan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Perkara itu boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak ada bukti-nya kapada polis.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Sunggoh pun tidak ada apa² complain daripada perempuan² ini, tetapi saya fikir juga sudah tentu-lah Kerajaan telah sedar terjadi-nya perkara ini, ada-kah Polis telah investigate atau pereksa apa², kalau ada, ada-kah dapat sadikit sa-banyak keputusan daripada Polis atas perkara ini.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Saya sudah nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, jika ada pengaduan di-buat kapada Polis baharu-lah di-jalankan siasatan.

## URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

### (USUL)

**Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan,

> Bahawa sunggoh pun ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-timbangkan urusan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini.

Tujuan di-bawa chadangan ini supaya perbahathan Uchapan Terima Kaseh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat di-tamatkan. Ini terpulang-lah kapada Ahil² Majlis Meshuarat sama ada hendak memendekkan meshuarat ini atau di-panjangkan, tetapi hendak-lah di-selesaikan dan meshuarat tidak akan di-tanggohkan sa-hingga perkara itu di-tamatkan.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

> Bahawa sunggoh pun ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-timbangkan urusan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini.

## PENANGGOHAN

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Dato' Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi bangun menchadangkan,

> Bahawa apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis Dewan Negara akan di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Isnin, 17hb Jun, 1968.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

> Bahawa apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis Dewan Negara akan di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Isnin, 17hb Jun, 1968.

## USUL

### UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah:

> Bahawa suatu uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya—
>
> Ampun Tuanku,
>
> Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Negara Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu uchapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara, menguchapkan berbanyak-banyak shukor dan terima kaseh kapada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Yang Kelima Parlimen Yang Kedua (7hb Jun, 1968).

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah di-bawa oleh saudara saya, Dato' Foo See Moi, dan dalam menyokong usul ini saya suka memberi beberapa pendapat saya kapada beberapa Kementerian yang harus mendapat perhatian supaya perkara² yang berlaku itu akan dapat di-buat perubahan² bagi kepentingan negara dan bangsa kita. Sa-belum saya

teruskan dengan menerangkan beberapa pendapat saya dalam beberapa perkara ini saya lebeh dahulu suka hendak berchakap tentang beberapa perkara yang telah di-chakapkan oleh sa-orang daripada Ahli Pembangkang, yang datang di-Dewan ini untok beruchap memberi segala tudohan, segala kechaman dan segala perkara yang bukan² untok mengelirukan Ahli² yang ada dalam Dewan ini dan juga mengelirukan ra'ayat seluroh-nya.

Perkara pertama yang besar telah di-buat tudohan di-dalam Dewan ini ia-lah tudohan yang di-halakan kapada Kerajaan Pusat dan kapada polis kerana menangkap Ahli daripada Parti Islam sa-Tanah Melayu (PAS) daripada negeri Kelantan yang bernama Wan Ismail yang di-tahan dan maseh di-tahan pada masa ini. Ahli Yang Berhormat itu menerangkan kapada Dewan ini dan chuba menerangkan kapada ra'ayat bahawa menggambarkan bagaimana kejam dan bagaimana keras-nya langkah Kerajaan Pusat terhadap kapada anggota² Pembangkang itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa ini satu kesilapan kerana saya melihat sendiri di-atas kelakuan dan perbuatan diri-nya serta kelakuan dan perbuatan parti-nya yang boleh menimbulkan kira-nya tidak Kerajaan Pusat mengambil langkah yang tegas, mengambil langkah yang perlu, saya rasa di-negeri Kelantan itu telah lama dahulu telah timbul rusohan, ia-itu rusohan saudara di-antara sa-sama saudara Islam dengan sebab apa yang telah di-lakukan di-negeri Kelantan itu ia-lah chara memberi sentimen kapada ra'ayat dan kapada penyokong² parti politik di-sana supaya mereka mahu bermusoh sa-sama sendiri, bermusoh sa-sama Islam. Saya dengan telinga saya ini-lah saya dengar sendiri Wan Ismail yang di-terangkan oleh Ahli Pembangkang itu berchakap di-satu tempat di-rapat umum ia mengatakan kapada ramai ahli² Perikatan ini haram saperti anjing dan babi. Bagitu sa-kali perchakapan yang dahshat sa-kali yang telah di-huraikan kapada ramai dan ahli² Perikatan ia-lah orang yang munafek yang halal dan boleh di-bunoh. Ini achoman, ini perchakapan, perkara ini telah di-hasut di-dalam kepala ra'ayat dalam negeri Kelantan, sa-hingga mereka yang mempunyaï sentimen keugamaan itu mahu melanggar hukum Tuhan sendiri untok membunoh dan melakukan rusohan di-dalam negeri Kelantan itu.

Saya rasa kalau Kerajaan Pusat tidak berjaga² daripada awal lagi dan tidak mengambil tindakan² yang keras bukan lagi permusohan perkauman, tetapi permusohan saudara dan pertumpahan darah mungkin timbul di-negeri Kelantan lama dahulu. Saya rasa orang negeri Kelantan tidak lagi ada saudara dan boleh jadi bergadoh di-antara anak dan bapa. Pergadohan² di-antara isteri dan suami yang menimbulkan kachau-bilau di-dalam negeri Kelantan. Jadi apa yang telah di-lakukan oleh Kerajaan Pusat bagi mengawal ketenteraman, bagi mangawal kebaikan itu, saya rasa patut kita semua memberi tahniah, sa-patut-nya polis yang bagitu bijak dan chekap mangambil tindakan bagi mengawal keadaan suasana yang berlaku dalam negeri Kelantan itu sudah sa-patut-nya di-beri pujian kerana tidak ada berbangkit satu permusohan yang besar walau pun ada pergadohan² kechil.

Saya suka terangkan kapada Dato' Yang di-Pertua dan kapada Dewan ini ia-itu saya maseh ingat lagi dalam pilehanraya tahun 1964 sa-ramai 6 orang Ahli² Perikatan telah di-tikam, telah di-tetak dengan pedang dan telah di-masokkan dalam hospital dalam satu kejadian pada satu malam di-mana ahli² penyokong PAS yang telah di-beri sentimen sa-chara keugamaan yang melulu ini sanggup mengeluarkan lembing, mengeluarkan pedang, menikam saudara-nya sendiri. Apabila kes itu di-bawa kapada polis sa-ramai 6 orang telah masok hospital. Saya sendiri melihat kejadian itu sampai pukul 3.00 pagi, saya tunggu di-hospital menengok di-atas apa perkara yang telah berlaku atas tikaman itu, kerana chara di-masokkan perasaan memandang di-atas Ahli Perikatan ini halal

darah-nya. Di-katakan ahli² yang menyokong Perikatan ini orang Islam yang telah berbalek menjadi kafir yang lebeh bahaya daripada orang kafir. Ini benda yang telah di-masokkan dalam kepala ra'ayat di-negeri Kelantan. Kalau bagitu tidak-kah ini bahaya? Ini satu perkara yang patut menjadi tanggongan dan kewajipan Kerajaan, kalau bagitu berdosa-kah Kerajaan kalau menahan mereka yang melakukan fitnah yang bagini dahshat, ada-kah zalim bagi Kerajaan menahan daripada berlaku-nya rusohan? Ini-lah perkara yang berlaku, dan kira-nya tidak di-ambil tindakan yang sa-wajar-nya mungkin berlaku dan akan berlaku sa-terus-nya sa-lagi ada pilehanraya, sa-lagi ada parti, ini-lah chara-nya, kalau tidak di-kawal dengan betul dan baik.

Saya terpaksa terangkan perkara ini, kerana biasa-nya apabila Parti Pembangkang, terutama-nya PAS berchakap, orang yang utama dia maki ia-lah Pegawai² Polis. Pada masa ini kempen sedang berjalan di-negeri Kelantan menchercha dan menchachi Pegawai² Polis di-negeri Kelantan, menchabar dan menyatakan berbagai² perkara kapada Pegawai² Polis, pegawai yang menjaga keamanan, apa-kah sebab-nya? Ada-kah orang baik hendak menchercha Polis? Ada-kah orang yang jujor dengan tidak membuat kesalahan mempunyai niat dan perasaan untok menchela dan memaki hamun Pegawai² Polis?

Ini tidak lain kerana mereka yang ada niat untok melakukan sa-suatu yang di-langgar oleh hukum Kerajaan maka Polis kerana ada orang menyekat, ada orang yang chuba mengawal maka si-pengawal itu-lah yang menjadi tumpuan untok di-maki hamun mereka² ini. Jadi itu-lah sebab-nya bagi pehak-nya di-sini, sa-kali lagi saya memberi tahniah kapada Pegawai² Polis, kapada mereka yang menjaga keamanan di-negeri Kelantan itu, mereka telah menjalankan tugas dengan sempurna, mereka telah mengawal keadaan sunggoh pun ada sadikit sa-banyak berlaku-nya pertelingkahan, pergadohan kechil, tetapi rusohan saudara belum berlaku di-negeri Kelantan, ini dengan sebab mereka ini chekap dan tahu mengawal supaya tidak berlaku-nya rusohan² yang sa-umpama itu.

Saya tidak hendak menerangkan atau mengulaskan perkara² lain yang telah di-keluarkan oleh Ahli Pembangkang itu dengan kerana saya tahu itu pekerjaan biasa apabila kita adakan Pembukaan Parlimen bahathan di-atas Uchapan Titah Seri Paduka itu maka beliau sa-orang-lah yang sentiasa berchakap mengeluarkan berbagai² keterangan, berbagai² statistics dan rekaan² yang di-antara satu dengan lain bertelingkah, berseliseh pendapatnya sendiri yang mana pada saya tidak-lah menjadi keberatan bagi kita untok mengambil tahu perkara-nya yang telah di-huraikan itu, kerana kita tahu tiap² perkara itu telah di-huraikan dengan satu rekaan sahaja, rekaan dalam kepala-nya sahaja, apa yang berlaku yang sa-benar-nya mereka tidak tahu. Jadi itu-lah sebab-nya saya tidak hendak ulas panjang berkenaan dengan perkara² lain apa yang telah di-huraikan oleh Ahli Pembangkang itu.

Saya suka hendak menyentoh perkara Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dalam masaalah peratoran quota atau pun lesen berkenaan dengan import. Saya suka menarek pandangan kapada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang mana saya tahu telah mengadakan satu peratoran quota bagi barang² yang hendak di-masokkan ka-dalam Malaysia ini. Dalam peratoran yang telah di-buat oleh Kementerian itu ia-lah di-kenakan satu sharat, ia-itu barang² yang hendak di-bawa masok, beberapa jenis barang yang penting dan satu senarai yang tidak lebeh dan tidak kurang daripada hampir 100 jenis barang telah di-kenakan quota dan pada masa ini maseh ada beberapa barang lagi sedang di-kenakan quota. Tetapi quota² yang di-kenakan itu di-kenakan pula peratoran ia-itu sa-siapa yang hendak membawa masok

barang² yang di-quota ini hendak-lah mendapat lebeh dahulu lesen daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Kemudian telah di-kenakan peratoran-nya, mereka yang berkehendakkan kapada lesen itu hendak-lah mereka yang telah pun berniaga dengan membawa masok barang² itu dalam masa tahun 1966 dahulu. Jadi berma'ana mereka yang baharu buka perniagaan dalam 1967 umpama-nya atau pun mereka yang menjalankan perniagaan dalam tahun 1967 tetapi tidak berniaga barang yang telah di-kenakan quota itu atau pun mereka yang berniaga dalam tahun 1967 tetapi tidak pernah membawa masok barang yang ada dalam senarai itu, maka mereka itu tidak dapat di-beri lesen² bagi membawa masok barang² yang di-quota. Dengan kerana itu banyak-lah pedagang² bumiputera yang hendak membawa masok barang² yang di-quota itu tidak dapat hendak membawa barang² itu.

Jadi saya rasa menghadkan peratoran mengeluarkan lesen kapada gudang² perniagaan yang telah ada yang telah membawa masok barang dalam tahun 1966 itu ada-lah satu peratoran yang menyekat bumiputera menjalankan perniagaan atau menyertaï sama dalam perdagangan yang telah di-keluarkan quota itu. Jadi pada saya dan saya kata kena-lah pada masa-nya bagi saya berchakap dalam perkara ini supaya Yang Berhormat Menteri kita, Tuan Abdul Ghafar Baba, sa-bagai Pengerusi MARA yang mengambil tanggongan berkenaan dengan hal bumiputera ini untok mengemukakan perkara itu dengan sa-chara praktikal kapada Kabinet atau pun kapada Kerajaan supaya peratoran quota ini, had dan chara mengenakan lesen ini hendak-lah di-ubah dan di-adakan khas atau pun di-timbang khas kapada bumiputera yang mahu berniaga dan mahukan lesen untok membawa masok barang² itu.

Saya rasa ada sadikit silap kira-nya hendak di-kenakan peratoran lesen itu bagi kesemua dengan tidak kechualikan orang Melayu dan orang yang bukan Melayu, sebab dalam Perlembagaan Malaysia kita, hak keutamaan dan keistimewaan itu terang di-sebut. Dalam hak istimewa itu bagi orang² Melayu ia-lah lesen² perniagaan. Perkara lesen perniagaan ini di-sebut dengan nyata dan terang dalam Perlembagaan. Orang² Melayu akan di-beri keutamaan untok mendapatkan lesen perniagaan. Jadi kalau sa-kira-nya lesen perniagaan membawa masok barang yang di-keluarkan, di-kenakan had bumiputera tidak dapat mengambil bahagian, berma'ana peratoran itu melanggar atau bertentangan dengan semangat Perlembagaan kita sendiri. Jadi itu-lah sebab-nya saya rasa sudah sampai-lah masa-nya bagi Kerajaan kita mengkaji di-atas hak keistimewaan berkenaan dengan lesen perniagaan ini dan menggubal satu undang² khas yang mengenaï lesen perniagaan, sama-lah Kerajaan menggubalkan undang² bagi mengenakan lesen perjalanan pengangkutan saperti lesen kereta sewa dan bas dan sa-bagai-nya yang mana ada hak keistimewaan yang di-berikan kapada bumiputera atau pun orang Melayu yang mahu berniaga, mahu menjalankan perniagaan pengangkutan telah di-gubalkan satu undang² dan dalam undang² pengangkutan sendiri telah di-masokkan hak istimewa itu. Jadi saya rasa kalau lesen berkenaan dengan pengangkutan ini telah ada di-masokkan di-dalam Undang² Pengangkutan mengapa-kah kita tidak dapat hendak masokkan atau menggubal satu undang² yang lain yang ada kaitan dengan lesen² sa-lain daripada lesen² pengangkutan itu?

Jadi saya shorkan kapada Menteri yang berkenaan mengemukakan perkara ini kapada Kerajaan supaya Kerajaan dengan sa-berapa segera yang dapat menggubal atau menyemak keadaan hak istimewa orang Melayu dalam perkara lesen ini supaya dapat kita melihat dalam masa 10 atau 20 tahun ka-hadapan ini orang² Melayu dapat mengambil bahagian sama dalam perdagangan dan perusahaan. Kita telah melihat bagaimana kejayaan yang telah kita dapati daripada kita kenakan peratoran dan undang² dalam perkara lesen pengangkutan. Kita telah

lihat hari ini di-bandar Kuala Lumpur telah ada pengangkutan yang di-punyaï oleh bumiputera atau orang Melayu ia-itu Sri Jaya. Kita telah tengok di-Kelantan kita ada Sharikat Pengangkutan orang² Melayu di-negeri Kelantan dan hari ini kita tengok berapa banyak pengangkutan² bas yang telah di-keluarkan lesen di-bawah peratoran yang sama, di-bawah undang² yang sama. Kejayaan bagi orang² Melayu dalam perniagaan pengangkutan ini makin sa-hari makin meningkat dan di-satu sa'at, di-satu masa nanti dapat-lah Yang di-Pertuan Agong mengishtiharkan penyamaan dalam perkara hal pengeluar lesen ini sa-telah jumlah peratus orang² Melayu yang mengambil bahagian dalam pengangkutan itu telah meningkat sama dengan orang² lain yang ada dalam negara kita ini. Jadi saya rasa, kalau kita boleh berjaya buat dalam Undang² Pengangkutan, maka kita boleh menjayakan juga dalam undang² yang lain. Jadi itu-lah pandangan saya dalam hal Kementerian Pengangkutan.

Dalam perkara² lain saya suka menarek perhatian Kerajaan supaya segera menyemak, membaiki dan menghalusi segala General Orders— G.O. yang di-panggil yang di-tinggalkan oleh penjajah itu supaya di-semak dan di-susun kembali; F.G.O. atau Financial General Orders yang telah di-tinggalkan oleh penjajah itu, dan saya meminta Kerajaan segera menyemak dan menyusun balek Schemes of Service yang telah di-buat oleh penjajah itu supaya sesuai dengan keadaan dasar dan perjalanan Kerajaan kita pada hari ini. Kita tidak mahu tengok Kerajaan kita telah menetapkan dasar umpama-nya memberikan keutamaan kapada bahasa kebangsaan, memberi nilaian yang tinggi kapada mereka yang lulus dalam bahasa kebangsaan. Tetapi kita belum lagi menukarkan peratoran² ini yang tidak dapat membolehkan Pegawai² Tinggi Kerajaan kita mengikut susunan yang telah di-ator oleh dasar kita untok mengutamakan mereka yang telah lulus, yang telah berkebolehan dalam bahasa kebangsaan ini. Jadi nilai bahasa kebangsaan itu terhentinya pada pembaikan yang akan kita buat di-dalam Schemes of Service, dalam General Orders dan lain² hal Peratoran Tetap Kerajaan yang berjalan semenjak ada-nya Kerajaan kita. Kalau sa-kira-nya kita dapat baiki lagi perkara ini dengan segera, saya rasa dapat-lah kita sadikit sa-banyak mengubahkan chara bekerja, mengubahkan perasaan Pegawai² dan Kakitangan² Kerajaan dalam menjalankan kerja. Sebab kita melihat dan kita mendengar Timbalan Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak, pernah mengishtiharkan kapada ramai, pernah memberi arahan kapada Pegawai² Tinggi Kerajaan, jangan ada banyak red tape, jangan banyakkan cherewet dalam menjalankan tugas, tetapi sa-tengah² Pegawai Kerajaan sahaja yang boleh mengikuti arahan dan seruan yang telah di-buat itu. Banyak lagi mereka yang maseh beku dan maseh berpegang kapada G.O. dan peratoran², yang maseh mengikut dan tidak mahu indahkan seruan itu yang boleh melambatkan, yang boleh melemahkan, yang boleh mengkakukan jentera Kerajaan kita itu. Jadi itu-lah saya rasa sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan melantek satu Surohanjaya atau pun satu Jawatan-kuasa Khas untok mengkaji peratoran² yang ada itu supaya dapat di-buat perubahan dengan sa-berapa segera.

Sa-lain daripada itu saya suka menyentoh sadikit tentang hal pelajaran anak² kita. Saya nampak pada masa ini dan pada masa hadapan ini, kedudokan hal kemudahan pelajaran ini telah bertambah dan bertambah dengan pesat-nya. Saya nampak banyak murid² yang terpaksa ditinggalkan tidak boleh masok sekolah di-dalam Tingkat VI kerana tidak ada tempat² bagi murid² itu untok masok ka-Tingkatan VI. Hari ini Tingkatan VI di-adakan dengan terhad di-beberapa buah negeri sahaja dan terutama kalau kena kapada bahasa kebangsaan, lebeh terhad lagi darjah² bagi Tingkatan VI itu. Jadi, saya rasa sudah sampai masa-nya bagi kita dalam Budget ini atau pun dalam anggaran

yang akan di-buat oleh Kerajaan pada tahun hadapan bagi memberi keutamaan yang lebeh kapada pembenaan kelas² dan mengadakan guru² bagi murid² yang hendak memasoki Tingkatan VI ini, terutama-nya dalam aliran kebangsaan, kerana saya tengok ramai daripada ibu bapa telah kechewa dengan kerana anak-nya yang masok dalam aliran bahasa kebangsaan, apabila sampai kapada Tingkatan V maka anak-nya itu tidak dapat mengambil tempat dalam Tingkatan VI dalam aliran kebangsaan. Dan perasaan kechewa ini-lah yang akan menimbulkan perasaan iri hati kapada Kerajaan dan menimbulkan perasaan was² di-atas bahasa kebangsaan kita sendiri. Jadi kita tidak mahu ra'ayat kita pada masa hadapan tidak perchaya kapada kekukohan, kapada kebolehan, kapada keadaan dalam sikap bahasa kebangsaan itu sendiri. Jadi itu-lah sebab-nya saya rasa Kerajaan kita hendak-lah memerhati dan mengambil tindakan yang chergas supaya ibu bapa dan murid² ini tidak hampa hati dalam masaalah pelajaran ini. Kalau sa-kira-nya Kerajaan tidak dapat hendak mengadakan kelas² Tingkatan VI ini dengan banyak-nya, Kerajaan boleh menggalakkan kelas² Tingkatan VI di-buka oleh mereka yang suka membuka kelas² private, bebaskan dengan memberi kemudahan, memberi kesenangan kapada siapa juga yang ada kebolehan, yang ada kewangan, atau pun pertubohan² umpama-nya yang hendak membuka darjah² Tingkatan VI ini supaya dapat memberi tempat kapada murid² itu.

Saya tidak ada perkara lain hendak terangkan kapada Dewan ini, saya rasa chukup-lah buat sementara dan saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menguchapkan sokongan kapada usul yang di-sampaikan oleh rakan saya Ahli Dewan ini di-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sabelum saya menyentoh beberapa perkara yang saya fikir mustahak, terlebeh dahulu saya ingin menyentoh uchapan² yang telah di-keluarkan oleh rakan saya juga di-dalam Dewan ini, ia-itu daripada pehak PAS atau pun pehak Pembangkang yang saya rasa ini-lah uchapan² yang paling menarek hati dalam beberapa perkara yang telah saya dengar kechaman² dan tudohan² yang telah di-lemparkan kapada UMNO dan Perikatan.

Saya tidak-lah bersikap sentimen dalam perkara parti, tetapi sa-bagaimana kata pepatah: "Ada ubi, ada batas-nya, ada budi ada balas-nya", ia-itu Ahli Pembangkang telah pun menyebutkan terang² soal Perikatan dan soal UMNO dalam masa membuat kechaman dan tudohan.

Satu perkara yang di-mushkilkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ia-lah dalam siri Titah Uchapan yang menyebutkan kalimat "Memanda Perdana Menteri". Saya ingin menyatakan ia-itu kekesalan yang di-keluarkan oleh Ahli daripada Parti Pembangkang itu tentang Uchapan Tahniah dan Terima Kaseh daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-atas kalimat "Memanda Perdana Menteri" ini konon-nya tidak tepat dan di-tudoh sa-orang Perdana Menteri yang tidak bijak, yang memboroskan kewangan negara sa-hingga di-masa ini kewangan negara bagitu penting sa-kali, kata-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sabelum Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ini di-lantek menjadi Perdana Menteri atau di-pileh menjadi Perdana Menteri ra'ayat jelata di-dalam negeri ini daripada sa-genap pehak dan juga semua manusia² yang ada di-permukaan dunia ini juga terutama dunia² blok demokrasi ada-lah menghormati Perdana Menteri Malaysia ini sa-bagai satu negarawan ulong, negarawan besar dan sa-belum beliau di-pileh menjadi Perdana Menteri, jasa² pengorbanan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ini di-ketahui bukan-lah satu pengorbanan yang kechil yang boleh di-tandingi oleh mana² pehak, apa-tah lagi oleh pehak Pembangkang saperti PAS yang di-sebutkan² itu.

Pengorbanan beliau dari segi harta benda, tenaga dan masa jawatan-nya yang besar dan jasa yang paling besar ia-lah memimpin ra'ayat, memimpin dan membentok negara Malaysia menjadikan satu negara yang merdeka, yang terlepas dari chengkaman penjajahan; mendatangkan keamanan dan ketenteraman, mengadakan ranchangan[2] pembangunan untok kepentingan ra'ayat seluroh-nya yang mana keadaan Malaysia pada hari ini ada-lah boleh di-katakan memang menuju kapada kema'moran dan telah pun terbukti kema'moran-nya sekarang dapat dirasakan oleh sa-tiap ra'ayat di-negara kita ini.

Barangkali Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang ini tidak bagitu faham apa-kah yang di-tafsirkan ma'ana "boros" atau ma'ana "mengeluarkan belanja yang besar". Tudohan Ahli Yang Berhormat daripada PAS ini mengatakan keborosan yang dilakukan oleh Perdana Menteri dengan sebab membena bangunan[2] yang indah[2] yang ada di-negara kita pada masa ini yang dapat nombor satu dan dua yang boleh di-tandingi dalam kawasan dunia di-sabelah sini. Saya rasa kalau kita mengerti benar[2] apa yang di-ma'anakan boros ia-lah mengeluarkan wang, mengeluarkan perbelanjaan dengan tak ada faedah-nya kapada ra'ayat atau kapada negara. Maka bangunan[2] indah di-dirikan oleh Kerajaan kita yang di-bawah anjoran Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Malaysia ini ada-lah bangunan[2] untok kepentingan Kerajaan, kepentingan negara dan kepentingan ra'ayat-nya sendiri. Maka kita tahu satu daripada sumber[2] hasil negara ia-lah dengan banyak-nya dapat menarek perhatian pelanchong[2] datang ka-negara kita ini.

Saya hairan dalam satu nafas Ahli Yang Berhormat puak Pembangkang kita ini mengatakan bangunan[2] yang indah ini tidak berguna, membazirkan belanja Kerajaan dan ra'ayat, tetapi dalam satu nafas yang lain kita dengar pula rayuan yang di-minta kapada Kerajaan Pusat supaya di-buat sabatang jalan daripada Kota Bharu sampai ka-Pulau Pinang supaya dapat menarek pelanchong[2], kata-nya. Jadi yang mana satu-kah pendirian-nya pehak Pembangkang ini buat yang indah[2] tak guna, tetapi satu nafas yang lain pula buat yang indah[2] di-Kota Bharu, rupa-nya bukan di-negeri lain tetapi di-Kota Bharu, buat yang indah[2] ini tidak memboroskan, tetapi kalau di-negeri lain di-tudoh memboroskan. Yang sa-benar-nya rayuan untok membuat jalan daripada Kota Bharu dan Taman di-Raja atau apa-kah yang di-katakan untok menarek pelanchong[2] ini telah berkali[2] dan saya pun kasehan-lah Ahli Yang Berhormat selalu merayu dan saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memang ada pertimbangan hendak melaksanakan apa yang di-rayukan oleh puak Pembangkang walau pun mereka di-hulur dengan bunga di-balas dengan tahi. Tetapi barangkali oleh kerana Kerajaan Pusat memikirkan tanah[2] di-negeri Kelantan itu sudah tidak ada hendak di-buat jalan, kerana sudah habis tergadai dan terjual ta' lama lagi.

Dato' Yang di-Pertua, saya teringat bila saya membacha buku sejarah Presiden, salah sa-orang dari Presiden Amerika Sharikat, ia-itu Abraham Lincoln mengatakan di-dalam bukunya, apabila dia berhadapan dengan pehak Pembangkang[2] yang selalu menudoh bagitu dan bagini, apa yang di-lakukan tidak ada memberi faedah dan tidak memberi guna kapada ra'ayat betul[2] keadaan-nya sa-rupa bagaimana yang di-hadapi oleh Kerajaan Perikatan sekarang. Apa saja yang di-lakukan oleh Kerajaan bagi puak Pembangkang, terutama-nya orang PAS tidak berguna. Jadi Presiden Amerika Sharikat, Abraham Lincoln ini pernah mengatakan kalau hendak saya ibaratkan kedudokan saya sabagai Kerajaan sekarang ini dengan ra'ayat yang menudoh saya dengan sa-chara tidak bertanggong-jawab sa-umpama saya di-buatkan satu jambatan tali, maka di-buatkan saya satu jambatan emas yang hujong-nya di-beri tali, maka yang memegang di-hujong tali jambatan ini di-pegang oleh puak[2] Pembangkang ini, saya di-suroh melalui titian jambatan ini.

Tali hujong jambatan ini di-goyang² oleh pehak Pembangkang ka-kiri dan ka-kanan. Kemudian menyuroh Presiden ini atau Kerajaan berjalan tolong ka-kanan sadikit dan ka-kiri sadikit, tetapi dia menyuroh Presiden berjalan dengan betul, tetapi jambatan ini di-goyang²-nya sedangkan Presiden hendak berjalan dengan betul, tentu-lah tidak dapat berjalan betul, kerana hujong jambatan ini di-goyang oleh orang² yang tak bertanggong-jawab daripada pehak Pembangkang.

Saya terkenang sejarah ini kerana apa yang di-timbulkan di-dalam Dewan ini oleh puak² Pembangkang, ia-itu daripada rakan yang saya katakan tadi tentang kemajuan² yang di-kehendaki oleh ra'ayat. Tujuan² kita menchapai kemerdekaan ia-lah bagaimana yang tersebut di-dalam manifesto Pilehanraya Perikatan yang pertama ia-lah kerana hendak memberi nikmat, hendak memberi keamanan, kesejahteraan dan kema'moran kapada ra'ayat. Maka sa-telah menchapai kemerdekaan janji² daripada Parti Perikatan bagaimana yang tersebut dalam manifesto Perikatan semua-nya telah di-jalankan, barangkali tentu-lah ada Ahli² Pembangkang merasa tak puas hati, kerana barangkali hendakkan sa-suatu yang di-jalankan itu berjalan saperti kilat dapat di-hasilkan sa-berapa chepat. Maka keadaan ini tentu-lah agak ganjil, dan kalau Ahli Yang Berhormat ini suka saya menarek perhatian untok memikirkan, menghetongkan satu perkara, kalau benar² PAS berdasarkan perkembangan Islam chuba menyelideki dan mengetahuï sadikit sa-banyak apa-kah hikmat-nya Al-Qur'an, ayat² Qur'an itu tidak di-turunkan oleh Allah dengan sa-kali gus? Di-turunkan-nya sadikit, di-turunkan-nya satu ayat, di-turunkan-nya satu ayat lagi sa-hingga sempurna-lah menjadi sa-buah Kitab Suchi Al-Qur'an. Kerana Allah Yang Maha Adil mengetahuï nikmat² yang di-kehendaki oleh manusia ini tak boleh di-beri sa-kali gus.

Barangkali Ahli Yang Berhormat ini pernah mendengar ada orang² yang kena tiket loteri, dia balek² buka surat khabar atau dengar radio, nombor tiket yang dia beli itu kena $400,000.00 dengan sa-kejap² itu dia terkejut, mati tegak. Kerana nikmat ini datang-nya sa-kali gus dengan chara yang bagitu besar, maka ada orang mati kerana nikmat. Ini-lah hikmat² Qur'an itu di-turunkan-nya sadikit². Jangan-lah ada perasaan tamak dan haluba daripada orang² yang memikirkan sa-suatu hanya daripada fikiran yang sengkat dengan tidak memikirkan lebeh jauh lagi keadaan dan sebab²-nya.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa di-dalam soal apa yang di-katakan perbuatan boros oleh Perdana Menteri Malaysia bagaimana yang telah di-kecham hebat oleh Ahli Yang Berhormat dari PAS, saya ingin menyatakan lagi satu perkara yang saya sendiri merasa sedeh. Saya katakan soal ini dari segi saya sa-orang pendudok negara Malaysia. Sa-bagai sa-orang ra'ayat jelata, yang mana sa-telah menchapai kemerdekaan ini, ra'ayat ternanti², ra'ayat inginkan nikmat², kemudahan² hidup dari sa-barang segi dan jurusan, dari lapangan kehidupan, dari lapangan pergaulan, dari lapangan kesihatan dan apa sahaja yang lain².

Di-zaman penjajah kita tahu memang ada anak kandong, anak emas dan anak perak dan perbezaan² yang di-lakukan oleh kepentingan penjajah. Saya berasa dukachita oleh kerana di-zaman kemerdekaan kita ini, ada pemimpin² masharakat, ada di-antara Kerajaan², sama ada kechil, tidak saya kira-lah besar atau kechil-nya sa-bagaimana yang ada di-Kelantan ini, pehak² yang menyambong sisa² penjajah, ia-itu chuba menyekat kemahuan² ra'ayat dari segi kemudahan². Ranchangan² yang di-jalankan oleh Kerajaan untok membena masjid², surau², kelinik², Pusat² Kesihatan, jalan² raya di-anggap juga oleh ahli Pembangkang perkara ini membazir, menghabiskan wang negara dan wang ra'ayat.

Saya tahu benar² di-dalam beberapa kawasan pilehanraya, pilehanraya²

kechil baharu² ini, saya nampak balai² raya yang di-dirikan oleh Kerajaan Perikatan di-gunakan oleh Parti² Pembangkang khas-nya PAS sendiri untok mengadakan cheramah² dan penerangan² pilehanraya-nya, walhal dia mengatakan balai² raya ini semua tidak berguna. Pusat² Kesihatan pula yang di-adakan oleh Kerajaan di-seluroh negara kita ini juga, kerana tujuan-nya ia-lah untok hendak membaiki dan hendak meninggikan taraf kesihatan ra'ayat, maka pehak Pembangkang mengatakan tidak berguna juga.

Saya ingin mengatakan di-sini sachara berterus terang satu kejadian yang telah berlaku pada tahun 1964. Kerajaan Pusat sibok membuka Pusat² Kesihatan, ka-sana ka-mari, ada saja-lah pemimpin² negara yang merasmikan pembukaan Pusat² Kesihatan. Tetapi pada masa itu ada Ahli Yang Berhormat daripada PAS bukan membuka Pusat Kesihatan, tetapi chuba hendak membuka 'Pusat Bidan'. Dan perkara ini telah pun menjadi perkara yang di-ketahuï oleh umum, kerana perkara ini di-bawa ka-mahkamah dan juga tersiar di-dalam surat² khabar, apa-kah hukum yang telah di-kenakan.

Soal-nya yang ada di-kepala saya, Dato' Yang di-Pertua, ranchangan² luar bandar ini kata Ahli Yang Berhormat daripada PAS ini membazir dan tidak berguna. Andai kata tahun 1969 Pilehanraya Kebangsaan akan di-adakan sa-kali lagi dan di-mithalkan PAS akan mendapat sokongan dan akan memegang tampok kuasa pemerentahan negara Malaysia. Di-hari ini ra'ayat di-rachun segala kemudahan² pembangunan luar bandar ini tidak berguna kata orang PAS di-mana² sahaja cheramah-nya, di-mana² sahaja kempen pilehanraya-nya, rachun ini di-taborkan. Kemudian PAS mengatakan pula di-hadapan kita, di-hadapan orang ramai, benda ini tidak di-gunakan oleh ra'ayat, dengan sebab itu benda ini membazir. Jadi, kalau sa-kira-nya PAS berkuasa dalam tahun 1969 mithal-nya, apa-kah ranchangan² yang hendak di-beri kapada ra'ayat? Kalau hari ini jalan raya tidak berguna, bangunan indah tidak berguna, kelinik² tidak berguna, sekolah² tak berguna, Pusat² Kesihatan tak berguna, dan semua bangunan² yang lain tidak berguna, saya rasa tentu-lah kalau PAS memerentah nanti, tak ada satu benda pun yang dapat di-buat-nya dan ra'ayat tidak dapat mengharapkan satu pun daripada kemudahan² yang di-kehendaki bagaimana di-jalankan oleh Perikatan pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, dalam beberapa perkara kechaman² lagi, saya ingin-lah menerangkan lagi, ia-itu berhubong dengan ranchangan pelajaran dewasa yang di-kecham oleh Ahli Yang Berhormat ini juga. Ahli Yang Berhormat ini mengatakan bahawa kelas² dewasa ini hanya pada nama-nya sahaja, membazirkan wang, ia-itu ada dua "sa", sa-orang guru dan sa-orang pelajar, maka ini-lah yang di-heboh²kan dan kelas² dewasa ini tidak memberi guna dan tidak memberi faedah sama sa-kali kapada masharakat.

Saya, Dato' Yang di-Pertua, suka menyentoh perkara ini sadikit kerana sa-panjang yang di-ketahuï oleh ra'ayat negeri ini, ini satu daripada beberapa nikmat yang besar sa-telah kita menchapai kemerdekaan. Zaman penjajah memang tidak di-kehendaki ra'ayat² dalam sa-buah negara yang di-jajah-nya mempunyaï pengetahuan dan pelajaran. Maka dengan sebab kita telah merdeka, Kerajaan Perikatan yang tahu tanggong-jawab-nya pada hari ini telah menyampaikan pengetahuan² dan pelajaran² dari jurusan dan dari tingkatan mana sa-kali pun yang dapat di-usahakan. Di-dalam sa-sabuah negara yang ingin mendapat kemajuan ada-lah menjadi tiga kesimpulan asas yang harus di-jalankan oleh sa-sabuah negara yang ingin membena dan ingin hendak membangun menchapai kemajuan bagi negara itu. Yang pertama-nya, Kerajaan itu hendak-lah memerangi kemiskinan dan yang kedua hendak-lah memberikan pengetahuan, dan yang ketiga ia-lah menjamin kesihatan ra'ayat negara itu sendiri. Saya rasa, saya berani menchabar pehak² dari gulongan mana sa-kali

pun, terutama-nya daripada ahli[2] PAS yang mengatakan kelas[2] dewasa ini ta' berguna dan membazir sahaja, kerana di-dalam kelas[2] dewasa, kita mengajar orang[2] yang hendak belajar, ia-itu pengetahuan[2] membacha dan menulis, pengetahuan[2] menulis jawi dan ugama, pelajaran urusan rumah-tangga dan berbagai[2] mata pelajaran di-sampaikan melaluï saloran kelas[2] pelajaran dewasa. Kalau dari segi Islam sa-kali pun, kalau PAS betul[2] sentimen kepada ugama Islam, saya takutkan hanya perasaan Islam itu ada, tetapi pengertian Islam itu tidak ada, sedangkan di-dalam Islam mementingkan benar[2] soal pelajaran dan pengetahuan ia-itu di-suroh tiap[2] orang mempelajari segala ilmu pengetahuan. Ada-kah pelajaran menulis, mengenal huruf, membacha itu bukan pengetahuan dan bukan pelajaran? Chabaran ini harus di-jawab oleh orang[2] PAS, terutama oleh Ahli Yang Berhormat di-dalam Dewan ini sendiri kalau beliau berani mengatakan ia-itu menulis dan membacha itu bukan pengetahuan. Saya rasa pengetahuan[2] yang datang dari sa-suatu jurusan yang boleh menaikkan taraf membaiki kedudokan, memashhorkan sa-saorang pengetahuan asas-lah yang maha penting kerana daripada tahu-nya membacha dan menulis, maka sa-saorang dengan sendiri-nya dapat menambah pengetahuan-nya dengan membacha buku[2], siaran atau akhbar[2].

Saya ingin menyatakan di-sini sa-chara terus terang di-dalam kempen[2] pilehanraya di-Baling Barat, Kedah, di-Bachok Utara, Kelantan dan di-Chukai di-Trengganu soal kelas dewasa ini di-bawa—terbawa[2] di-dalam kempen[2] pilehanraya oleh PAS, dan saya rasa agak kasar benar perkara itu di-sampai dan di-terangkan kapada ra'ayat di-dalam kawasan[2] pilehanraya mengatakan ia-itu orang[2] yang bertugas dalam kelas[2] dewasa, guru[2], penyelia[2] dan pegawai[2] yang lain adalah anjing Perikatan—kata orang[2] PAS. Dan perkara ini pernah di-jawab di-dalam rapat[2] umum juga apabila orang[2] PAS mengatakan orang[2] yang bertugas dalam kelas dewasa ini anjing Perikatan yang menggonggong dan menyalak. Orang[2] Perikatan dan saya sendiri juga mendengar telah memberi jawapan ia-itu anjing[2] Perikatan ini menggonggong dan menyalak kerana babi[2] PAS masok dalam kebun Perikatan. Saya kata bunyi-nya perkara ini memang tidak patut kita keluarkan perkataan[2] yang bagitu biadab, tetapi kita sendiri tidak dapat menafikan pula dengan membiarkan sa-chara bagitu sahaja orang[2] PAS menjalankan di'ayah[2] kotor, di'ayah[2] yang tidak bertanggong-jawab yang sangat[2] tidak kita ingini di-dalam suatu masaalah yang di-timbulkan di-dalam Dewan atau pun di-luar Dewan.

Saya ingin mengata dengan bagitu lantang suara yang di-keluarkan oleh Ahli Pembangkang daripada PAS ini mengatakan Perikatan ini menurut jangka waktu-nya barangkali telah pun sampai sa'at-nya tidak akan dapat menjalankan apa sahaja ranchangan[2] dan untok kegiatan[2] pilehanraya tahun 1969 sa-bagaimana yang di-sebutkan pada persidangan 7 haribulan yang lalu ia-itu kata-nya: tahun 1955 Perikatan boleh menepok[2] dada, boleh membanggakan ia-itu *issue* pilehanraya pada masa itu ia-lah kerana hendak menchapai kemerdekaan, kemudian tahun 1959 Perikatan mendi'ayahkan kerana pembangunan, tahun 1964 kerana konfrantasi dan tahun 1969 ini belum tahu lagi apa yang hendak di-di'ayahkan pula oleh Perikatan. Dan boleh jadi perkara kemah s u l i t Corregidor Filipina, kata Ahli Yang Berhormat ini memang di-sengajakan di-ada[2]kan, sudah di-rundingkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dengan Presiden Marcos supaya menarek perhatian pengundi[2] dalam pilehanraya tahun 1969.

Saya ingin mengatakan di-sini dalam perkara ini daripada semenjak tahun 1955 hingga-lah pilehanraya tahun 1964, dasar dan pendirian Perikatan tidak pernah berubah. Dasar yang telah di-chatitkan dalam manifesto pilehanraya Perikatan dari semenjak mula[2] tahun 1955 sampai hari ini, ini-lah yang di-terangkan dan ini-lah yang di-sampaikan dalam tiap[2] kali pilehan-

raya kebangsaan di-adakan. Tetapi saya sendiri tahu benar² bagaimana kedudokan Parti Islam atau pun PAS yang chuba membuat tudohan² kapada Perikatan daripada semenjak mula PAS berkechimpong dalam politik dan chuba menchampor-adokkan pilehanraya yang di-adakan semenjak tahun 1955.

Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya tahu, tahun 1955 PAS menggunakan simbol jari tangan yang lima. Tiap² hujong jari tangan ini dalam gambar itu ada-lah ayat² suchi yang di-sebutkan ada dengan tujuan²-nya, apa sebab-nya jari itu kechil, apa sebab jari itu pendek dan panjang dan sa-bagai-nya. Dan pada masa itu dasar yang di-gunakan oleh PAS ia-lah dasar hendak menjadikan bumi Allah Malaya atau Malaysia satu bumi yang betul² shurga kapada manusia dan di-redzaï oleh Allah. Saya tidak payah menyebutkan ayat² yang di-bachakan, tetapi dengan pengertian-nya sahaja ia-itu pada masa simbol jari tangan ini dasar ini-lah yang di-gunakan oleh PAS ia-itu hendak menjadikan negeri ini shurga, hendak menjadikan negeri ini aman dan ma'amor serta bahagia sa-panjang masa. Jadi sa-hingga hari ini apa-kah shurga yang telah di-bentok oleh PAS walau pun dia memerentah satu negeri ia-itu negeri Kelantan? Saya malu hendak mengatakan di-sini ia-itu keburokan² yang ada di-negeri Kelantan oleh kerana dalam kawasan pilehanraya Bachok, saya telah menjelajah ka-seluroh negeri Kelantan, khas-nya dalam kawasan pilehanraya ini, saya maseh nampak perkara² yang memalukan ia-itu saya tengok ada surau² yang sudah lama dan kechil atap-nya bertampal-timpong dan senget hendak roboh yang maseh di-gunakan lagi oleh ra'ayat, yang benda² ini kita tidak dapat tengok di-kawasan pantai barat ia-itu di-kawasan pemerentahan Perikatan yang lain.

Jadi, pelawat² pernah datang ka-pekan Kota Bharu, jadi orang² PAS chuba memerangkap rombongan² pelawat ini ia-itu apabila di-soal oleh pelawat² bandar Kota Bharu ini berseh kata pelawat², kata orang² PAS ini-lah pemerentah PAS bagaimana menjaga kebersehan, kemudian ranchangan² rumah murah yang tidak berapa jauh daripada pekan Kota Bharu ini maka PAS membangga²kan pula bahawa Kerajaan PAS-lah yang paling utama menchari jalan bagaimana hendak menampong ra'ayat² yang tidak mempunyaï tanah dan rumah membuka rumah² murah yang ada berhampiran dengan pekan Kota Bharu.

Saya rasa orang² PAS patut sedar-lah, jangan-lah chuba selalu hendak menipu ra'ayat kerana pekan Kota Bharu itu ada-lah di-bawah pentadbiran Lembaga Bandaran yang daripada Perikatan sendiri, dan rumah² murah yang di-dirikan di-kawasan yang berhampiran dengan bandar Kota Bharu ini ada-lah di-modali, di-usahakan dan di-jayakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-lah daripada projek Kerajaan Pusat, tetapi PAS sanggup membohongi, sanggup menyatakan mana yang baik untok dia, mana yang tidak baik untok Perikatan. Saya rasa dalam soal apa yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat PAS ini berterus-terang-lah berani saya mengatakan tidak ada satu pun dalam sa-ribu ayat yang di-keluarkan, kalimat yang di-keluarkan, dapat di-pertanggong-jawabkan, malahan dusta dan bohong yang sa-habis² besar.

Apa yang ingin saya katakan lagi, pada tahun 1959 PAS chuba mengeluarkan satu dasar daripada ayat Qur'an pula hendak menarek perhatian pengundi², khas-nya orang² Melayu. Sentimen² keugamaan dan kemelayuan ini di-jalankan oleh PAS dengan menggunakan satu ayat yang berbunyi, barang siapa yang memerentah tidak menjalankan hukum² Allah, tidak menjalankan hukum² Rasul orang itu zalim dan orang itu kafir. Ayat ini di-keluarkan oleh PAS ia-lah pada tahun 1959 sa-telah dia gagal mendirikan satu negara shurga khas-nya di-Kelantan, maka ayat ini-lah yang pada puncha-nya menimbulkan soal kafir-mengkafir, ia-itu barang sembelehan orang² Melayu dalam UMNO

tidak boleh di-makan, sembahyang berjema'ah dengan orang² UMNO tidak dan timbul masaalah² pencheraian di-antara si-isteri-nya PAS si-suami-nya UMNO dan berbagai² perkara yang mendukachitakan. Ini-lah yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat, ini tangkapan yang di-lakukan kapada orang² PAS yang konon-nya tidak bertimbang rasa dengan tekanan² politik yang konon-nya di-takuti akan berlaku lagi pada tahun 1969.

Tuan Guru Haji Omar kita tahu pada hari ini, kalau tidak silap saya, maseh ada lagi di-Hospital Gila Tanjong Rambutan, ia-itu kerana ayat² mengkafirkan ini dan chuba mengeluarkan penerangan² mengatakan darah orang² Melayu dalam UMNO ini halal di-minum bagaimana yang di-terangkan oleh rakan saya tadi, maka pehak yang berkuasa telah pun menangkap Tuan Guru Haji Omar ini. Sa-masa dalam tahanan, kerana beliau ini sudah mereng otak-nya, telah pun memukul polis sa-hingga membunoh sa-orang polis. Kemudian dia di-hantar ka-Hospital Gila, Tanjong Rambutan. Saya tidak hendak mengulas apa yang di-katakan oleh rakan sana tadi, tetapi soal-nya kita harus dapat memikirkan bagaimana dosa-nya, bagaimana besar-nya akibat-nya oleh kerana perbuatan² yang tidak bertanggong-jawab. Ahli² PAS yang fanatic yang bagitu mahu menempoh segera jalan ka-shurga yang di-laung²kan oleh PAS telah membuat angkara di-masa dia hidup yang sa-patut-nya dia berkeadaan sejahtera dengan keluarga dan sa-chara hidup-nya yang tersendiri, maka hari ini mereka menerima kekechewaan dan kehanchoran oleh kerana di-buat oleh pengaroh daripada PAS.

Saya rasa banyak perkara² yang boleh di-terangkan dan soal² ini-lah yang sekarang ini menjadi pemikiran oleh orang² yang benar² tahu dan mempunyaï pengetahuan p o l i t i k, pengetahuan masharakat, bagaimana hendak membimbing masharakat dan negara kita ini ka-arah kemajuan, ka-arah keamanan dan ketenteraman bagi menchiptakan kema'amoran yang sa-benar²-nya untok seluroh ra'ayat yang ada di-dalam negara kita ini. Maka daripada apa yang saya katakan tadi terbukti-lah segala apa yang di-keluarkan sa-bagai tudohan daripada pehak Pembangkang, terutama-nya PAS ini, tidak dapat di-pertanggong-jawabkan oleh mereka dan ada-lah di'ayah fitnah yang sangat merbahaya yang tidak akan memberikan faedah dan kebajikan kapada siapa juga. Kalau hendak di-katakan soal pilehan-raya satu perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini mende-sak supaya Undang² Pilehanraya di-ubah, ia-itu hendak-lah di-adakan undi wajib kata-nya pada 7 haribulan Jun sa-malam kerana Perikatan dalam pilehanraya telah merompak Kad² Pengenalan pengundi² dengan beribu² banyak-nya, maka dengan sebab hen-dak menchari kemenangan dengan sebab Kad² Pengenalan ini telah pun di-rampas oleh orang² Perikatan, maka undi² PAS telah bagitu berkurangan.

Jadi, Dato Yang di-Pertua, saya tahu keadaan ini, kerana saya sendiri ber-kechempong sama² dalam kawasan² pilehanraya saperti yang mana Yang Berhormat Enche Amaluddin Darus juga, saya di-mana ada, di-situ dia ada, di-mana dia ada, di-situ juga saya ada. Saya tahu kejadian ini yang pertama sa-kali berlaku ia-lah di-kawasan Pilehanraya Baling Barat, Kedah, yang mula² melakukan perkara ini tidak siapa dapat menafikan ia-lah orang² PAS sendiri. Kita tahu berapa ramai orang² jahat, samseng² daripada Kelantan yang di-masokkan oleh orang² PAS dan satu daripada kerja-nya ia-lah merampas Kad² Pengenalan ini menyuroh anak² kechil yang ada di-rumah itu menchuri Kad² Pengenalan ibu bapa-nya kemudian PAS simpan dengan menjanjikan ia-itu lepas pilehanraya Kad Pengenalan ini akan di-pulangkan balek dan perkara ini saya rasa bukan orang² PAS, kalau orang² PAS jujor dia tentu ada mem-buat pengaduan, tetapi kami daripada Perikatan yang lebeh dahulu telah pun membuat pengaduan menyatakan bahawa ada di-lakukan rampasan² Kad Pengenalan ini oleh Ahli² PAS kerana hendak membantukan undi² dalam pilehanraya.

Saya maseh ingat bagaimana pembohong-nya PAS ini 27 haribulan ia-lah hari mengundi kalau tidak silap saya di-Baling Barat, tetapi PAS telah menda'ayahkan 27 haribulan ini siapa yang hendak mengundi PAS sahaja yang di-benarkan keluar mengundi, tetapi siapa hendak mengundi Perikatan, kena-lah keluar pada 28 haribulan kata-nya, sedangkan hari mengundi ia-lah sa-hari itu sahaja—27 haribulan. Jadi, kalau-lah PAS telah memulakan gejala² yang tidak sehat untok memenangi pilehanraya, tidak tahu siapa-kah bersuara naga dan siapa-kah bertenaga semut. Saya rasa yang kechil, yang sadikit itu ia-lah bertenaga semut, bersuara semut, tetapi yang bersuara naga dan bertenaga saperti naga, ia-lah orang daripada kumpulan yang lebeh ramai dia-lah yang lebeh kuat. Jadi, kalau PAS saperti semut chuba hendak menjadikan naga, tentu-lah perkara ini tidak mendatangkan faedah kapada PAS, malah apa yang di-keluarkan ada-lah menunjokkan ketakutan-nya kapada bayangan-nya sendiri, ia-itu keburokan² yang dia sendiri telah lakukan.

Saya ingin mengingatkan kapada PAS dalam menjalankan segala tektik perjuangan-nya terutama daripada sekarang dan di-masa yang akan datang, jangan-lah chuba menyorokkan keburokan² di-balek sa-helai lalang, berlindong dan bersembunyi di-sabalek sa-helai lalang. Jalankan-lah kewajipan²-nya dengan penoh kejujoran mengikut peratoran dan undang². Pehak UMNO dan Perikatan jangan di-jolok². Saya takut nanti di-ibaratkan sa-bagai menjolok sarang tebuan, salah² ia bengkak-bengkel di-sengat oleh sang tebuan itu, kerana di-dalam Perikatan ini sudah ada barisan gerak gempor, sudah ada barisan² kemas dan ada berbagai² barisan lagi yang kalau sa-kira-nya chuba di-usek², di-jolok² akan berterbangan-lah nanti sang sengat ini untok menyengat orang² yang tidak bertanggong-jawab.

Satu kejadian yang saya berasa patut saya terangkan di-sini, ia-itu perkara ini berlaku di-Bachok Utara. Saya mengeluarkan perkara ini kalau Yang Berhormat Enche' Amaluddin menudoh dengan bagitu terang dan lantang saya juga mempunyai kenyataan bagi menerangkan keadaan yang sa-benar²-nya. Dalam kawasan Bachok Utara satu kejadian yang berlaku betul² pada masa berada bersama² di-dalam kawasan itu, ia-itu di-mana tempat kumpulan orang ramai Perikatan, orang ramai UMNO berlonggok² di-pusat² kerja² pilehanraya di-kawasan pilehanraya kechil Bachok ini, maka pada satu ketika datang-lah dua orang yang berpakaian pereman, mereka dudok bersama² dengan orang² Perikatan yang ramai jumlah-nya dalam sa-buah pondok dan mereka chuba² menunjokkan diri-nya mengatakan, membisekkan kapada orang² Perikatan di-situ ada-kah orang² PAS datang mengachau orang² Perikatan di-sini. Kalau ada beritahu, saya akan tangkap mereka. Saya akan chuba jalankan tindakan kapada mereka.

Sedang dua orang ini berchakap² dengan orang Perikatan ini—saya tidak mahu sebutkan nama-nya, datang sa-orang Ahli Yang Barhormat daripada PAS, dia sa-orang loyar—ini saya boleh terangkan, datang² dengan kereta-nya berdesup berhenti, dia pun terus berkejar kapada dua orang sedang berchakap² dengan orang Perikatan ini. Dia datang² sahaja dia kata apa awak buat di-sini, awak daripada C.I.D. bukan, awak daripada intelligence bukan, siapa suroh awak datang di-sini? Maka yang dua orang yang mengaku C.I.D. ini pun menyembah² ma'afkan saya Dato'. Saya ini di-perentah oleh orang atas, saya datang di-sini menjalankan kewajipan. Awak mesti balek. Awak jangan kachau. Awak jangan ganggu. Beritahu dengan orang besar awak, jangan suroh ganggu² pilehanraya di-sini yang kami ada mengambil bahagian bertanding di-sini. Jangan kachau² chuba hendak usek orang PAS. Jadi orang yang mengaku mata² gelap ini tadi menyembah² lagi, baik-lah Dato', baik-lah Dato' dia pun keluar. Jadi orang Perikatan yang menengok ini tadi hilang sama sa-kali, harapan kalau sudah orang Kerajaan, kalau mata²,

pegawai keamanan, mata[2] gelap, intelligence, C.I.D. yang bagitu takut kapada PAS apa guna-nya kami bersusah payah hendak bermati[2] kerana Perikatan. Mereka dengan segera menarek simbul[2] Perikatan, gambar[2] kapal layar, mereka buang terus. Rupa[2]-nya orang[2] yang mengatakan diri-nya C.I.D. ini musang daripada PAS. Perkara ini telah pun di-adukan kapada C.P.O. Negeri Kelantan yang mana saya sendiri menjumpaï Pegawai Tinggi Polis ini dan penyiasatan dengan segera di-jalankan. Ini-lah chara[2] PAS yang sa-benar-nya hendak menchari kemenangan, kemudian membuat perkara[2] yang tidak bertanggong-jawab, maka perbuatan-nya itu di-laporkan pula kapada orang[2] Perikatan yang bagitu adil dan bagitu jujor dalam menjalankan sa-suatu yang di-kehendaki oleh kebaikan.

Saya rasa kalau saya hendak cheritakan lagi tentu-lah banyak perkara[2] yang boleh di-jadikan bahan untok menghentam puak[2] Pembangkang terutama PAS yang kita dengar pernah melaungkan[2] fitnah di-dalam Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam perkara yang ingin saya hendak menerangkan, ia-itu masaalah apa yang di-katakan Ahli Yang Berhormat dari PAS ini ia-itu belia[2] kita sekarang ka-mana hendak di-bawa? Boleh jadi belia[2] kita ini satu masa akan menjadi sa-orang yang tak mempunyaï penganut dalam sa-barang ugama, ia-itu free thinker kata-nya. Saya rasa dari segi belia[2] kita tentu-lah segala apa yang di-sampaikan oleh Kementerian Belia di-bawah Kerajaan Pusat (Perikatan) pemimpin[2] belia apa yang di-usahakan dalam negara kita ini, saya tidak nampak tidak ada perkara[2] yang mendatangkan kebaikan masharakat dan kapada negara kita. Masaalah[2] kerja gotong-royong, masaalah[2] kesenian, masaalah[2] pelajaran, masaalah memberi tenaga sukarela yang di-berikan kapada masharakat[2] di-kampong[2] di-luar bandar ada-lah di-ambil dengan sa-chara pesat oleh kesatuan atau pun pertubohan[2] belia.

Soal menjadikan free thinker atau tidak free thinker, saya rasa satu perkara yang terpulang kapada keperibadian pada sa-orang yang saya rasa bagi belia[2] kita ini memang-lah ada nasehat[2] dan pelajaran[2] untok memberikan pengetahuan[2] bagaimana saorang harus hidup sa-bagai satu bangsa dan sa-bagai satu manusia yang berguna. Tetapi kalau belia[2] ini di-tudoh ka-mana-kah mereka hendak di-bawa oleh Kementerian Belia dan Sukan bagaimana yang di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari PAS ini, saya rasa bagaimana pula burok-nya akibat yang akan terjadi nanti kalau hari ini orang[2] PAS sendiri telah sanggup merachun fikiran[2] ra'ayat dari segi pembangunan dan kemajuan hidup dan dari segi ugama juga bagaimana yang saya kata selalu, ia-itu memutarbelitkan keperchayaan dan i'tikad orang[2] Islam sendiri terutama-nya yang berlaku di-negeri Kelantan.

Saya terpaksa membandingkan perkara ini untok pengetahuan umum khas-nya untok jawapan kapada Ahli Yang Berhormat ini, ia-itu petua[2] yang di-keluarkan yang bertentangan dengan dasar Islam, ia-itu kalau sa-kira-nya sa-siapa juga datang menghadhiri cheramah[2] PAS sa-banyak empat kali berturut[2], dia lepas daripada seksa kubor, kemudian 44 kali datang menghadhiri rapat[2] umum PAS, dapat pahala Haji dan berjalan beberapa tapak daripada beberapa batu di-rapat[2] umum, pahala akan di-kira mengikut berapa banyak bilangan tapak-nya; sa-olah[2]-nya PAS ini mengajar ada lagi Islam yang lain daripada Islam yang di-bawa oleh Nabi Muhammad. Kalau Ahli Yang Berhormat dari PAS bertanya ka-mana belia[2] hendak dibawa oleh Kerajaan Perikatan, kita juga harus bertanya ka-mana orang[2] Melayu hendak di-bawa oleh PAS.

Saya rasa dalam jangka waktu yang pendek, atau terutama-nya dalam jangka waktu yang panjang, jikalau PAS ini maseh berjalan dan pula mendapat kejayaan nanti, maka akan timbul-lah pertentangan dan huru-hara di-antara gulongan[2] yang ada di-tanah ayer kita ini khas-nya bagaimana yang di-terangkan oleh rakan saya tadi dan

peperangan saudara akan timbul yang mana ini kita harap dapat di-jauhkan ia-itu dengan PAS ini di-berikan tekanan² atau pun tindakan² yang boleh mengawasi dan mengawal daripada keadaan² yang boleh melakukan akibat yang burok, ia-itu walau pun rayuan² yang di-katakan tadi telah tidak bertimbang rasa menangkap orang² PAS memechah-belahkan dengan keluarga mereka, maka perkara ini patut di-ambil perhatian yang tegas dan di-jalankan dengan tidak menghiraukan apa yang di-rayukan, apa yang di-katakan keburokan² yang di-lemparkan oleh PAS, kerana perkara ini ada-lah perkara yang benar, perkara yang di-chakapkan lain, perkara yang di-buat oleh mereka ada-lah lain perkara.

Saya ingin menyatakan kejayaan PAS yang ada pada hari ini ia-lah dua perkara sahaja sa-bagai kesimpulan daripada jawapan² saya kapada PAS. Yang pertama-nya PAS sa-takat ini telah berjaya memusingkan i'tikad atau keperchayaan orang² Islam kapada ugama Islam yang maha suchi dan yang kedua PAS sa-takat ini telah berjaya memechah-belahkan perpaduan di-antara orang² Melayu sendiri. Maka perkara yang demikian harus-lah di-pertanggong-jawabkan kapada PAS sendiri, kerana mereka mahu menchari kemenangan dan kejayaan dalam perjuangan politik mereka dengan mengadakan perkara² yang tidak mementingkan orang lain, tidak mementingkan negara, tetapi mementingkan diri mereka dan parti PAS sahaja.

Satu perkara yang saya berasa agak kesal sadikit di-sini saya mendengar Ahli Yang Berhormat dari PAS mengatakan ia-itu very very worst kata dia berulang² kali dan kita pun tertanya² apa-kah benda yang di-keluarkan-nya itu. Jadi saya rasa perkataan ini bila di-ulang-nya sa-mula, kita dapat menangkap ia-itu pehak² atau pun karangan² buku² yang di-bacha konon-nya, itu merendah²kan, menghina²kan taraf Dewan Negara. Kata-nya dengan sebab Ahli² Dewan Negara ini bertambah², Ahli² Dewan Ra'ayat bertambah², sa-hingga tidak chukup masa, sa-hingga timbul beberapa perkara yang tidak memuaskan hati sama ada dengan sebab dia-lah yang berchakap banyak orang Perikatan berchakap sadikit sahaja jadi ada orang yang merendah²kan taraf Dewan Negara. Saya rasa, Ahli Yang Berhormat ini kalau benar² bertanggong-jawab, kalau ada tudohan² yang chuba hendak memperhina²kan Dewan ini dan chuba hendak merendah²kan taraf Ahli Dewan ini. Saya rasa patut-lah Ahli Yang Berhormat itu dengan sachara tegas mengemukakan soalan supaya sa-suatu tindakan dapat di-jalankan. Kita tidak mahu orang² yang tidak mengetahuï keadaan yang sabenar-nya, yang tidak mempunyaï hak untok menchampori kuasa² yang ada untok menjaga nama baik dan taraf Dewan Negara ini. Kalau hanya tahu berkata sahaja tetapi tidak sanggup menunjokkan bukti, maka perkara itu hanya membuang masa dan sia-sia sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, soal-nya dalam perkara ini sa-bagai kesimpulan yang akhir ia-itu saya ingin-lah mengatakan kalau 10 tahun Perikatan telah memerentah Malaysia di-katakan tidak mendatangkan satu kejayaan, tidak memuaskan hati ra'ayat, dan bersuara saperti suara naga sedangkan tenaga saperti semut, patut-lah pertanyaan ini kita minta orang² PAS memberi jawapan-nya terutama-nya Ahli Yang Berhormat dari PAS di-Dewan ini ia-itu hampir 9 tahun PAS telah memerentah negeri Kelantan, yang kita tahu di-negeri Kelantan bukan-nya shurga hari ini ia-lah neraka kapada orang² Melayu negeri Kelantan. Sembilan tahun PAS memerentah negeri Kelantan kalau hendak kata saya katakan bersuara saperti suara naga bertindak saperti tenaga semut, barangkali itu ada juga mempunyaï ma'ana dan pengertian. Saya nampak PAS di-negeri Kelantan sembilan tahun sa-buah negeri yang kechil yang telah pun di-kuasaï oleh PAS yang sa-hingga hari ini hampir² putus bukan-nya genting untok menyambong tenaga pentadbiran dan kuasa-nya di-negeri Kelantan ia-itu kata orang² tua "Jangan putus, biar

dia genting". Genting lebeh baik daripada putus, tetapi apa yang telah berlaku di-negeri Kelantan bukan-nya genting lagi, tetapi telah putus, kalau sa-kira-nya tidak di-sambong oleh Kerajaan Pusat, barangkali PAS di-Kelantan telah tamat riwayat-nya. Jadi kalau suara naga dan tenaga semut ada ma'ana, saya katakan-lah PAS di-negeri Kelantan ini dan Ahli² PAS yang ada yang berchakap macham senapang buloh, ada-lah saya umpamakan sa-bagai suara punggok, bukan suara naga dan bukan tenaga semut tetapi suara punggok yang mendayu², merayu² sang bulan yang kita tahu sampai hari kiamat pun tidak akan mendapat kejayaan dan menchapai tujuan sampai bila² masa pun.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara lain saya ingin sentoh sadikit ia-itu saya ingin menyatakan di-sini perkara yang mengenaï sadikit kapada Kementerian Penerangan. Saya salah sa-orang yang suka juga menonton siaran² talivishen dan saya nampak peranan² bahasa kebangsaan bagaimana yang di-timbulkan selalu memang Kerajaan mempunyaï kegiatan untok melaksanakan-nya. Dalam siaran² talivishen ini, kalau kita hendak mengambil sempena menuju kapada matlamat menarek perhatian orang ramai terhadap kepentingan bahasa kebangsaan, maka siaran² talivishen harus-lah mendapat perubahan daripada masa dahulu dan di-waktu sekarang ini.

Saya nampak siaran² talivishen kita dari minggu ka-minggu, dari bulan ka-bulan, ranchangan² yang di-siarkan melaluï talivishen, saya tidak mengatakan mesti mengeluarkan perkataan² atau pun senikata² yang berbentok bahasa kebangsaan, tetapi saya mengatakan dari segi siaran² yang di-siarkan melaluï talivishen ini, saya nampak yang paling banyak sa-kali siaran² yang di-keluarkan ia-lah siaran² yang mengenaï pertunjokan atau pun tayangan bahasa Inggeris yang tidak sadikit pun berunsorkan untok memberi keistimewaan kapada pertunjokan² bahasa kebangsaan. Mithalan-nya saya mengatakan sa-lain daripada gambar² bahasa Inggeris, gambar² yang di-tayangkan gambar² Inggeris yang berbahasa Inggeris dalam siaran² talivishen ini yang kurang sa-kali ia-lah gambar² yang berbahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita. Jadi mithal-nya saya hendak tunjokkan di-sini ia-lah masaalah pertunjokan atau siaran² drama yang saya tahu mithal-nya drama "Che Minah Sayang" dan ada sa-kali² drama macham drama "Lembing Awang Pulang ka-Dayang" yang bila di-tunjok dalam siaran talivishen ini pula timbul dalam surat² khabar pengkeritik menghentam ia-itu drama² ini tidak bermutu dan tidak menurut sa-bagaimana cherita yang sa-benar-nya. Jadi kalau sa-kira-nya kita berkehendakkan peranan bahasa kebangsaan kita dengan sa-chara lambat laun akan menuju kapada matlamat-nya, satu daripada sumber² yang penting yang dapat menuju ka-arah yang kita maksudkan ada-lah siaran² daripada peti talivishen yang menjadi tuntunan ramai ini hendak-lah mengutamakan, mengistimewakan dan mengadakan ranchangan yang lebeh banyak yang berunsorkan gambar² yang mempunyaï perkataan² daripada bahasa kebangsaan.

Maka perkara ini satu perkara yang saya rasa memang pada tempat-nya harus mendapat perhatian terutama-nya kalau boleh banyakkan lagi siaran² yang berbentok drama yang ada kaitan-nya dengan unsor² kehidupan masharakat yang menggunakan bahasa kebangsaan. Jadi drama² yang ada pada hari ini, drama² yang hanya memberi lawak dan menggelikan hati yang tidak mempunyaï satu² kesan yang boleh di-banggakan, malahan drama² ini mendapat tentangan pula, maka pehak Kementerian ini harus-lah mengambil perhatian dan sa-kurang²-nya dapat membawa siaran² talivishen ini ka-arah kepentingan bahasa kebangsaan yang kita harap²kan.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua .........

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.35 pagi.*

*Persidangan di-sambongkan sa-mula pada pukul 11.50 pagi.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*).

**Tuan Saidon bin Kechut:** Dato' Yang di-Pertua, bagi menyambong uchapan saya yang di-tanggohkan tadi, saya ingin hendak menyentoh sadikit soal buah²an yang di-masokkan dari luar di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Di-pasar² bila saya berjalan² saya selalu ternampak bertimbun² ada buah² yang di-masok daripada negara Israel. Di-peti² buah²an ini ada terlekat label² yang bertulis ia-itu Jaffa (JAFFA) menandakan buah² ini di-masokkan daripada negara Israel. Saya rasa dalam soal kita sekarang ini dalam soal yang berlaku sadikit sa-banyak pertarongan sa-chara langsong dan sa-chara tidak langsong di-antara soal negara² Islam oleh kerana pencherobohan Israel terhadap Arab Palestine, maka perkara ini yang merugikan perdagangan dan perusahaan negara kita ini yang mana kita tahu negara ini tak kurang daripada buah²an yang dapat di-adakan yang di-sediakan oleh negara kita sendiri. Kalau membanjir pemasaran dan pasaran yang ada di-negara kita ini, ini satu soalan yang agak menjadikan masaalah dan menjadi tanda tanya kapada pehak² yang ingin mengetahuï mengapa-kah Kerajaan tidak menjalankan sa-suatu sekatan atau menjalankan sa-suatu tindakan supaya buah²an daripada negara Israel tidak bagitu meluas sangat dengan sa-chara yang ada pada hari ini. Saya rasa buah²an kita, terutama-nya memang banyak buah²an yang bernilai dan bermutu yang boleh di-gunakan kalau hendak menchari dari segi kesihatan, ia-itu buah²an yang mempunyaï vitamin², banyak boleh dapat kita adakan di-negara kita di-samping kita dapat menolong pengeluar² hasil daripada petani². Perkara ini harus-lah mendapat perhatian daripada pehak yang berkenaan untok memberikan penjelasan sadikit di-dalam Dewan ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak berchakap chepat² kerana hendak memendekkan masa, ia-itu satu daripada sumber² kewangan negara ini, ia-lah hasil pelanchongan. Saya tahu di-Kuala Lumpur ini satu²-nya yang biasa di-lawati oleh pelanchong² ia-lah Hot Spring atau pun ayer panas yang tidak berapa batu jauh-nya daripada Ibu Kota, ia-itu bertempat di-Setapak atau pun di-Jalan Ayer Panas, Setapak. Pelawat² atau pelanchong² ini selalu datang kadang² hendak melihat² kawasan perkampongan baharu pula ada di-situ dan perigi ayer panas-nya ada di-situ. Saya nampak kolam ini atau perigi ayer panas ini, walau pun kita sudah 10 tahun merdeka, tetapi tempat yang bagini mustahak yang menarek perhatian pelanchong² langsong tidak di-ambil perhatian oleh Kerajaan, oleh siapa juga, mithal-nya Jabatan Persurohjaya Ibu Kota atau pun Municipality, Kuala Lumpur. Jadi, saya menimbulkan perkara ini bukan sahaja segi menarek perhatian pelanchong², tetapi saya juga berasa malu dengan sebab tempat² yang di-lawati oleh orang² luar ini bagitu burok keadaan-nya dengan bangunan-nya yang tidak sesuai dengan keadaan kawasan-nya yang tidak di-kawal dan bagitu kotor, tidak di-jaga dan di-awasi oleh pehak² yang menjaga kebersehan. Maka perkara ini patut-lah di-ambil perhatian dan perkara ini harus di-jadikan sa-bagai satu sumber yang boleh menarek perhatian pelanchong² dengan erti-kata yang sa-benar-nya.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin hendak terangkan di-sini dan memang menaroh minat yang penoh oleh kerana Yang Berhormat Pengerusi MARA kita ada di-sini, ia-itu tentang untong nasib peniaga² yang menjual barang² makanan, ia-itu bertempat berhampiran dengan Pejabat Pos Chow Kit Road, Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur ini. Perkara ini pernah saya timbulkan dulu di-dalam Dewan yang mulia ini dan usaha² telah pun di-jalankan dengan beberapa chara yang pada masa ini tempat peniaga² yang menjual makanan², berhampiran dengan Pejabat Pos di-Jalan Chow Kit ini sudah pun mendapat perhatian dan

ada ranchangan² yang saya dengar yang hendak di-jalankan, ia-itu peniaga² Melayu di-sini menjalankan usaha² perniagaan-nya. Saya rasa sudah hampir sembilan tahun dan kalau hendak saya katakan di-kawasan Ibu Kota ini, kalau pelanchong², ada pelawat² daripada luar dan siapa² juga yang ingin hendak merasakan makanan² masakan chara Melayu, maka di-kawasan tempat penjualan barang makanan berhampiran dengan Pejabat Pos ini-lah tempat-nya yang mereka boleh dapati makanan² masakan Melayu. Dan penderitaan yang di-tanggong oleh peniaga² ini, ia-itu kereta² tolak mereka daripada pukul enam petang di-tolak ka-tengah, pada pukul 12.00 malam di-tolak ka-tepi. Tempat ini asal-nya ia-lah tempat letak kereta dan memang yang boleh menentukan, mengubah dasar tempat letak kereta ini menjadi tempat penjualan makanan² yang saya tahu ia-lah bergantong lagi di-atas kuasa Kerajaan Negeri Selangor.

Saya sendiri telah memperjuangkan soal ini lama dan apabila saya kemukakan pada kali yang pertama-nya di-dalam Dewan ini, saya mendapat kechaman² dari sa-tengah² pehak, terutama-nya daripada akhbar², mengatakan yang saya tidak bijak membawakan soal² yang bukan menjadi tanggong-jawab Kerajaan Pusat di-bawa ka-dalam Dewan ini. Oleh kerana memikirkan bukan soal publicity, bukan soal hendak menchari nama dan bukan soal Kerajaan, bukan tanggong-jawab siapa, tetapi soal yang ada kapada saya ia-lah penderitaan yang di-tanggong oleh orang² yang berniaga, menjual barang² makanan di-tempat ini yang sa-hingga hari ini belum dapat pembelaan dari pehak yang berwajib. Kalau hendak kita katakan orang² Melayu tidak mempunyai semangat berniaga, tempat ini boleh menjadi chabaran, kerana mereka daripada peniaga² yang telah menjalankan usaha tenaga-nya sa-lama lebeh kurang sembilan tahun dengan chara menghadapi berbagai² anchaman dan penderitaan, tetapi mereka sa-hingga hari ini membuktikan sa-bagai peniaga yang benar² yang bersemangat ingin maju dalam lapangan iktisad dan sa-kurang²-nya untok menunjokkan kesanggupan orang² Melayu berniaga daripada semenjak beberapa tahun, sa-hingga sembilan tahun sekarang maseh lagi mereka terus menjalankan khidmat baik mereka.

Dalam Ibu Kota Kuala Lumpur, kalau hendak di-chari barangkali tempat masakan makanan orang² Melayu, barangkali banyak orang yang tidak tahu dan kalau ada pun barangkali tidak bagitu medan tempat-nya, erti-nya tersembunyi. Tetapi di-tempat ini-lah boleh menjadi satu kebanggaan bukan sahaja kapada orang² yang berniaga ini, tetapi juga kapada negara kita juga, ia-itu ada tempat² yang boleh memperkenalkan dan boleh dapat di-rasa makanan masakan² orang Melayu. Jadi, soal-nya perkara ini telah bagitu lama di-timbulkan. Jadi, kalau saya pernah mendapat kechaman sa-bagai orang yang tidak bijak membawa soal ini di-dalam Dewan ini sedangkan saya mengharapkan supaya penderitaan sa-bahagian daripada ra'ayat dan masharakat ini dapat di-berikan pembelaan. Saya berdukachita-lah mengatakan dalam Dewan ini sa-kali lagi, saya merasa amat kesal, terutama-nya kapada Wakil² Ra'ayat yang dudok di-dalam Majlis² Meshuarat Undangan Negeri Selangor, yang mana kawasan tempat berniaga ini juga, ada Wakil² Ra'ayat Negeri, kalau hendak di-katakan Kerajaan Negeri bertanggong-jawab dalam soal ini, Wakil Ra'ayat Negeri di-pileh dengan sa-chara undi di-kawasan ini. Sa-hingga hari ini, saya rasa, saya bawa di-dalam Dewan ini perkara ini juga sudah memakan masa kalau tidak salah saya tiga empat tahun dulu. Tetapi saya, yang sa-hingga hari ini belum nampak sa-barang reaksi walau sadikit pun tentang pembelaan atau simpati daripada mereka² yang berkenaan. Kalau saya menerima kechaman, maka kechaman ini harus-lah di-lemparkan kapada Wakil² Ra'ayat Negeri yang bertanggong-jawab, khas-nya dalam kawasan ini supaya memberikan pembelaan dan simpati mereka kapada

mereka² yang menderita dalam menchari nafkah hidup sadikit sa-banyak menjual barang² makanan di-tempat ini.

Dato' Yang di-Pertua, bagaimana yang saya katakan tadi, saya harap dengan ikhsan dan timbang-rasa, belas kasehan daripada Yang Berhormat Pengerusi MARA yang ada di-dalam Dewan ini akan dapat memberikan sadikat pandangan dan saya harap semoga dapat memberikan pembelaan sa-bagai rasa simpati terhadap nasib kapada mereka.

Dato' Yang di-Pertua, yang peng-habisan sa-kali saya ingin hendak menyentoh sadikit di-perengkat akhir ini, soal dasar luar negeri. Sa-bagai-mana yang kita tahu bahawa di-Amerika Sharikat telah terjadi perkara yang paling mengejutkan, paling tidak kita ingini sa-bagai negara demokrasi, sa-bagai sa-buah negara yang inginkan keamanan dan ketenteraman, ia-itu pembunohan dua Kennedy. Perkara ini walau pun telah di-timbulkan, tetapi saya ingin timbulkan sa-kali lagi, ia-itu pembunohan yang berlaku baharu² ini yang di-katakan sama ada betul atau tidak, oleh sa-orang pemuda yang bernama Sirhan, keturunan daripada Arab Jordan yang di-tudoh membunoh Kennedy, ia-itu telah pun di-tangkap dan di-tahan dan akan di-bicharakan. Perkembangan² akhir yang kita dengar, ia-itu bapa Sirhan ini sendiri yang tinggal di-kawasan tanah Arab yang di-bawah pemerentahan Israel telah pun di-cholek oleh pelampau² Arab. Pembunohan Kennedy oleh pemuda Sirhan daripada keturunan Jordan ini di-katakan oleh sebab Kennedy chuba memberikan simpati kapada Israel kerana hendak memberi bantuan kapal² terbang jet dan lain². Pencholekan kapada bapa Sirhan ini pula oleh pelampau² Arab kerana memberikan simpati di-atas kematian Kennedy yang baharu² ini ter-bunoh oleh pemuda Sirhan. Dua perkara ini menjadi persoalan di-kepala saya sendiri, ia-itu tentang kejadian² yang tidak di-ingini daripada pembunohan dua Kennedy dan pen-cholekan bapa Sirhan ini ada kaitan-nya dengan soal Israel, mencheroboh tanah Arab Palestine terutama-nya menodaï kesuchian Masjidil Aksa di-tanah Palestine.

Jadi, yang harus saya perkatakan ia-lah soal kedudokan Bangsa² Bersatu yang konon-nya di-beri amanah dan mempunyaï tanggong-jawab untok menjaga kepentingan negara² kechil, untok menjaga keadilan, untok membasmi segala penganiayaan dan kezaliman, terutama-nya negara kechil yang tertindas yang mengharap-kan pertolongan dan bantuan. Kita maseh tahu soal Kerajaan Haram Ian Smith di-Rhodesia Selatan, kita tahu perbezaan warna kulit di-Afrika Selatan dan kita tahu beberapa soal² lain lagi yang berlaku di-dalam dunia ini dan juga yang akhir sa-kali soal kegentingan yang berlaku di-negara Palestine di-Tanah Arab berhubong dengan pencherobohan Israel ini. Apa-kah Bangsa² Bersatu bagaimana yang telah di-katakan tidak lagi mempunyaï jiwa dan tenaga untok mengawasi, untok mengawal dan untok per-tanggong-jawabkan kedudokan-nya dan tanggong-jawab-nya bagaimana yang di-kehendaki oleh Perlembagaan Bangsa² Bersatu itu sendiri. Kalau-lah soal², mithal-nya, macham perbezaan warna kulit Kerajaan Haram Ian Smith yang sudah berlarut² dan bertahun², sekarang ini timbul soal Kennedy telah pun terbunoh oleh kerana peristiwa kekechaman orang² pelampau yang berunsorkan kapada sentimen² di-antara Israel dengan Arab.

Dunia tahu soal-nya bagaimana munchol-nya Kerajaan Israel, bagai-mana munchol-nya Kerajaan Ian Smith dan kita tahu siapa yang berdiri di-belakang-nya. Kalau hari ini Kerajaan Malaysia mewakili atau pun menjadi wakil keanggotaan dalam Bangsa² Bersatu itu tidak memikirkan perkara ini dan tidak menjalankan peranan sa-chara yang bersunggoh² bagi men-jayakan matlamat Pertubohan Bangsa² Bersatu ini saya khuatir kalau silap² gaya nanti ia-itu kalau di-Amerika terjadi-nya pembunohan yang di-sebab-kan oleh pertentangan dan sentimen² daripada beberapa pehak yang menye-

belah ka-sana dan yang menyebelah ka-mari. Di-dalam negara kita ini juga barangkali, di-jauhkan Allah, jangan-lah sampai terlibat keadaan² yang tidak di-ingini sa-bagaimana yang berlaku di-Amerika Sharikat pada hari ini.

Saya patut menarek perhatian Dewan ini bagaimana di-dalam negeri Selangor ini baharu² ini telah pun bersidang satu perjumpaan ramai ia-itu yang di-anjorkan oleh Da'awatul-Islamiah, kalau tidak silap saya, chawangan negeri Selangor. Perjumpaan ini telah pun membuat satu ketetapan akan mengadakan satu rapat umum—rapat umum kerana menentang pencherobohan Israel terhadap kapada tanah Arab Palestine. Ini bunga² yang boleh menimbulkan fahaman² yang akan menarek perhatian sa-gulongan pehak yang chuba bersimpati dengan pehak yang lain dan sa-gulongan pehak lagi bersimpati pula dengan pehak yang lain, maka apabila pertentangan telah hebat telah menjadikan semangat yang berkubar², maka akan terjadi-lah nanti perkara² yang sa-chara langsong atau pun tidak langsong huru-hara atau pembunoh² yang tidak di-ingini. Oleh kerana negara kita ini adalah negara yang menjalankan dasar politik untok menchapai sa-suatu tujuan rapat² umum sering di-adakan, perjumpaan², uchapan² dan sharahan² di-tempat² yang terbuka di-hadapan khalayak ramai, maka keadaan ini patut-lah di-ambil perhatian kerana keadaan-nya tidak berbedza sa-bagaimana yang berlaku di-Amerika maka dua² jagoh Amerika ini terbunoh ia-lah di-hadapan khalayak yang ramai. Sa-baik²-nya dan sa-elok-nya saya rasa Pertubohan Bangsa² Bersatu harus-lah di-gesa oleh anggota Malaysia ini sendiri supaya dapat menjalankan apa yang di-fikirkan sa-benar²-nya untok kebaikan dan kepentingan d u n i a seluroh-nya terutama sa-kali siapa yang mencheroboh mesti-lah menerima hukuman dan siapa yang berhak harus-lah di-berikan layanan. Dengan chara demikian sahaja-lah kita harapkan kepentingan keamanan dunia akan terjamin pada akhir-nya dengan erti kata yang sa-benar-nya.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sampai di-sini sahaja-lah saya membuat uchapan dan saya uchapkan terima kaseh kapada Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong Usul Terima Kaseh di-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sadikit dalam perbahathan Usul Uchapan Terima Kaseh kapada Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Foo See Moi dua hari dahulu, dan dalam dua hari ini saya telah dengar beberapa banyak alasan yang di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat, sa-tengah²-nya pula lupakan ini Majlis Dewan Negara di-fikirkan-nya ini-lah tempat berkempen pilehanraya, dan saya rasa habis modal saya hendak berchakap ......

**An Honourable Senator:** Itu yang sa-betul-nya.

**Tan Sri Haji Mohamed Noah:** ...... di-dalam pada itu saya bangun ini hendak menyokong sa-kuat²-nya atas apa yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat Dato' Cheah Toon Lok. Di-dalam uchapan-nya yang bagitu panjang. Ada dua perkara yang menarek perhatian saya, yang pertama ia-itu kata-nya Kerajaan mesti-lah bertindak dengan tegas-nya ka-atas petani² dan peladang² yang meninggalkan tanah² mereka terbengkalai dengan tidak mengerjakan-nya. Saya tahu sendiri di-negeri Johor ada beribu² ekar yang sa-umpama itu tanah ketinggalan yang tidak ada orang yang mengerjakan-nya. Bila di-tanya tuan tanah-nya itu tidak ada di-situ. Sa-tengah-nya kata-nya tuan tanah itu tinggal di-negeri lain atau di-daerah lain atau di-kampong lain, maka ini-lah saya rasa yang banyak mendatangkan kerugian kapada negara kita.

Perkara yang kedua yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Cheah Toon Lok ia-itu Dato' Cheah berchakap

berkenaan dengan kerajinan peladang² di-Taiwan, sebab kata dia, dia tengok sendiri dengan mata kepala-nya bagaimana rajin-nya orang² Taiwan. Sunggoh pun bagitu ada pula Yang Berhormat Dato' Y. T. Lee berkata itu sa-paroh sahaja yang di-chakapkan dalam Majlis ini, ada sa-paroh lagi yang tidak di-keluarkan-nya. Saya tidak-lah hendak berchakap apa dia sa-paroh yang tidak di-keluarkan-nya itu, tetapi yang saya hendak chakapkan ada satu perkara yang sangat² menarek perhatian saya yang saya sokong dengan sa-kuat²-nya, ia-itu berkehendakkan orang² kita ini berlebeh² rajin bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita tahu petani² dan peladang² negeri kita ini harus tidak ada mempunyaï kerajinan yang boleh kita katakan 50% jika di-bandingkan dengan kerajinan² yang di-buat oleh peladang² di-negeri Taiwan. Saya suka-lah di-hadapkan sekarang kapada Yang Berhormat Menteri yang tidak berjabatan ia-itu Senator Enche' Ghafar Baba yang sekarang memegang, menjalankan serta mengetuaï MARA yang saya tahu dia sa-orang yang ada mempunyaï sikap dynamik kerana dalam masa yang sengkat sahaja kita telah nampak dengan terang beberapa kemajuan yang telah di-dapati dalam MARA dan di-sini tidak-lah payah saya hendak sebutkan satu persatu-nya.

Kita tahu sekarang kita dengan beberapa orang daripada pemimpin² yang berseru kapada orang² kita supaya bertukar chara berfikir. Itu satu perkara yang molek, yang bagus, yang patut di-jalankan, tetapi saya tambah lagi pada hari ini patut pula kita serukan kapada orang kita ini supaya di-ubah chara bekerja, kerana dalam pendapat saya chara² bekerja yang dahulu itu tidak-lah sesuai lagi dengan keadaan yang pada masa sekarang ini. Keadaan yang ada pada hari ini, kalau kita hendak betul² negara kita maju, hendak-lah kita berubah chara² bekerja dan ini saya fikir mustahak di-tanamkan semangat bekerja, rajin bekerja itu kapada petani² dan peladang² dan lain² pekerja. Di-sini saya ada satu shor kapada MARA ia-itu sa-bagai hendak menggalakkan orang² kita berlebeh² rajin bekerja, saya fikir patut-lah sa-bagai MARA ini memperhargakan kapada mereka² yang bersunggoh² rajin bekerja dengan mengadakan gelaran saperti kejohanan peladang, kejohanan petani, kejohanan nelayan pada tiap² tahun, kerana kita ada dengar pada hari ini Kerajaan mengadakan johan keberanian dan johan lain² lagi pada tiap² tahun, kenapa kita tidak boleh membuat atau mengadakan satu ranchangan di-beri satu gelaran kapada sa-saorang yang betul² lebeh dia bekerja dan nampak pekerjaan-nya itu jaya dengan gelaran johan petani atau johan peladang dan di-beri pula sadikit sagu hati. Ini-lah satu perkara saya fikir yang boleh menggalakkan orang² kita berlebeh² rajin bekerja di-dalam sama ada berladang atau lain².

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kapada MARA yang pada hari ini nampak-nya telah mengubahkan dasar-nya, dahulu kita dengar di-dalam MARA dasar-nya itu hanya-lah meminjamkan wang kapada orang² yang hendak berniaga atau mendirikan perusahaan, tetapi apa yang telah jadi sekarang. Saya tahu sendiri berapa banyak wang itu hilang dan terpaksa di-hapuskan dan sa-tengah-nya kubor-nya pun tidak tahu di-mana. Salah-nya, kebanyakan daripada orang kita tahu dan pandai meminjam, meminta, tetapi bila masa hendak bekerja tiada tahu, selok-belok berniaga pula. Maka ini satu perkara yang saya fikir saya beri tahniah-lah kapada MARA yang telah mengubahkan dasar-nya sekarang dan saya nampak ada tanda² yang membawa kemajuan, tetapi dengan ada-nya kita memberi sadikit lagi galakan dengan semangat yang di-beri kapada mereka yang memberi gelaran macham², atau sagu hati saya fikir harus barangkali boleh lagi bertambah² orang kita berlebeh² rajin lagi dalam pekerjaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak chakapkan, ia-itu berkenaan dengan chadangan Surohanjaya Gaji Suffian khas-nya

tentang gaji sama wanita. Saya bersimpati dengan Kerajaan Persekutuan yang pada masa ini tidak boleh atau tidak dapat melaksanakan sa-penoh²-nya chadangan² yang di-buat oleh Surohanjaya itu. Maka di-sini saya suka-lah merayu khas-nya kapada wanita khas-nya Ahli² wanita Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya memberi sokongan kapada Kerajaan supaya wanita² yang ada pada hari ini berlebeh² sabar dan tidak mengambil langkah² saperti bermogok atau lain²-nya, kerana saya tahu jikalau-lah wanita² mengambil langkah mogok barangkali ramai daripada Ahli² Yang Berhormat di-sini mendapat kesusahan, barangkali yang tidak susah saya sa-orang—saya tidak tahu berapa orang lagi sa-macham saya khas-nya yang saudara saya yang sa-belah sini takut benar-lah kalau boleh jangan-lah wanita² mengambil langkah mogok berkenaan dengan perkara ini; hendak-lah sabar sadikit dan saya perchaya Kerajaan akan melaksanakan shor² itu, jika keadaan kewangan kita ini berlebeh² baik. Pada hari ini nampak-nya ada lebeh baik sadikit dengan sebab harga getah nampak-nya ada sadikit bertambah, kalau bertambah lagi, lekas pula Kerajaan melaksanakan chadangan Surohanjaya Gaji Suffian itu memberi gaji sama kapada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam uchapan saya membahathkan peruntokan belanjawan sa-bagai tahun 1968 saya ada menyebut bagaimana mustahak-nya Kerajaan mesti bersunggoh² berikhtiar mengurangkan per cent penganggoran daripada 6½% kapada 4½% di-dalam 3 tahun. Dua hari dahulu Majlis ini telah mendengar daripada Yang Berhormat Dato' E.E.C. Thuraisingham yang mengingatkan Kerajaan supaya apa² yang telah berlaku di-Paris dan di-negeri² lain hendak-lah memberi chontoh tauladan kapada Kerajaan kita. Ini satu ingatan yang baik, saya fikir patut Kerajaan mengambil ingatan kerana pada pandangan saya hanya negeri kita ini boleh mendapat ma'amor, aman tidak ada huru-hara di-dalam-nya, jika Kerajaan dapat memberi kerja² pada orang² kita pemuda² yang makin bertambah dari sa-tahun ka-satahun. Sa-suatu negeri yang ada mempunyaï pemuda²-nya yang tidak puas hati—discontented—itu-lah selalu-nya yang menyebabkan huru-hara di-dalam negeri itu bagaimana yang telah berlaku di-Paris (France) pada hari ini. Saya sekarang hendak berchakap atas perkara² yang lebeh² dalam lagi—(most serious matters). With your permission, Sir, I shall speak in English.

Mr President, since independence our economy has always been on the forward move. In this we had partly been helped by extraneous circumstances. Of late, the influence of these favourable factors has considerably weakened. We are now almost entirely dependent on our own capacities and capabilities. Sir, this new situation demands a new approach—it needs men of character and conviction. As I said on the last occasion on the floor of this House, the progress of this nation to a significant degree will depend on the excellence of her people. Sir, to achieve accelerated economic progress, men alone will not be sufficient; money and machinery to implement the various plans and programmes are also necessary. Time does not permit me to speak on the subject of money. Within the limited time I have at my disposal, I would like to say a few words on the machinery needed to accelerate the pace of economic development.

Sir, I must congratulate the Government for having established various statutory bodies to tackle the urgent problems confronting the nation. Such institutions are now growing in every field of economic activity in Malaysia and it, therefore, becomes an increasingly tricky task to find the right men to manage them efficiently. In view of the paucity of trained and experienced men, I would like to urge that a limit be put on the proliferation of statutory institutions in each sphere of economic activity; otherwise, it will lead to "what the right hand does, the left hand not knowing" situations.

Sir, what is uppermost in my mind in this connection is the industrial

sector. We have a proliferation of bodies dealing with one or the other aspect of industrialisation. Even with these large number of organisations I regret to say that industrialisation has not yet made its impact on our economy. Its contribution to the G.N.P. is yet about 10 per cent., whereas in Taiwan, Hong Kong and in other newly industrialising neighbouring countries, the growth rate of the industrial sector has been much higher. Sir, we should examine critically to see the way and the wherefore for this slow industrial development. There appears to be a general consensus that to accentuate industrial development a unified organisation to deal with industrial problems under one roof and one chief is essential. Such an organisation will avoid the duplication of effort, wastage of limited trained manpower, facilitate economy in expenditure, co-ordinated and expeditious decision and action and a host of many other advantages. I see considerable amount of wisdom in such thinking and I warmly subscribe to this view point. Bodies like F.I.D.A., M.I.D.F.L., the Standards Institution of Malaysia, the Industrial Development Division of the Ministry of Commerce and Industry and the Tariff Advisory Board should be brought together. As a first step in this direction, I would very strongly urge the immediate formation of a co-ordinating committee to streamline some of the urgent and important activities of these different bodies.

Sir, our exports are mainly in raw form and not much attempt has been made to examine ways and means of processing some of these products before they are exported. The different types of minerals mined in this country, along with timber and other agricultural products, can be processed further before they are marketed abroad. This will bring more employment and much more profit. In the case of processed metals, we can be guided by the world market prices instead of being bargained down by powerful consumers, which is what is happening at present. It is technologically possible to process the several metals mined in this country in one plant at competitive rates. It appears to me that it may be useful to establish a National Products Development Board, to look into this matter whose functions could later be fused into the unified body I have just suggested earlier.

Sir, some of our industrial and processed raw materials along with the products of our agricultural sector have to be exported to earn valuable foreign exchange. Though some of our manufacturers have learned how to produce goods, most of them have not learned how to market them abroad. Ignorance, fear, inability or impatience with documentations, an inbuilt belief that export marketing is expensive in terms of products, adjustments, and unstable and unpredicatable in outcome are some of the factors which stand on the way of our manufacturers. In most countries, Sir—both developed and developing countries—machinery has been erected to facilitate the flow of goods abroad. We have to emulate them soon and not rest content with sending only 6 young Trade Commissioners abroad. Export Councils to deal with market research, advertising, public relations and quality control have to be established. These Councils have to be supported by institutions like the Export Credit Guarantee Scheme and Export Houses. In the absence of these institutions, it may be difficult to stimulate expansions of export.

Sir, finally, I would like to say a few words about research and the rich rewards it provides by assisting the transformation of potential abundance into reality. Every developing nation is now becoming aware of the need to work out a national science policy aimed at rapid development of research activities and the modernisation of the economy. All our lives are ultimately affected by the research and development activities that is going on today. I would like to say, Sir, that the horizons that are being opened up today by research appear limitless. Unfortunately, Sir, we do not yet have

a Council for Scientific and Industrial Research to formulate research policy and to co-ordinate research activities which is being undertaken in Malaysia, often in rather scattered and small groups with insufficient liaison between them. Further, we do not yet have a properly constituted body to advise the Government on scientific methods. Sir, the formation of such a body should receive top priority. As far as possible, several academic disciplines must be represented on this Council, which should include leading public figures, for science and research cannot be disassociated from the public welfare. Thank you. (*Applause*)

**Tan Sri G. Shelley:** (*dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support the Motion before the House.

The Gracious Speech of Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong reflects the excellent and successful administration of the Alliance Party during the past 12 months. The ambitious and enterprising projects and plans envisaged in the Gracious Speech are unhappily overshadowed by the life and death background of events which are happening outside this lovely country of ours. I refer to the tension in Thailand, where militant communism has raised its ugly head. Not least of these significant events is the Paris talks between the Viet Cong and the United States. It is my belief that in the Paris talks, the destinies of countries in South-East Asia will be decided for better or for worse. In the event that it is for the worse, we may look in the direction of the United Nations, but how singularly ineffective it has been in the case of South Vietnam! The echo of the voices of member nations calling on the United States to stop bombing still rings in our ears. However, now that the bombing has ceased and the Viet Cong are taking full advantage of the resulting weakness to launch full-scale attacks on the weakened defences of Saigon, there is not a murmur from these nations which have brought about the imbalance of military struggle between the two warring sides. This is the hard fact of life facing the nations of South-East Asia as they look into their destiny and the future. This, together with the British pullout in 3 years' time and the Americans making a decision to stay in or stay out in South-East Asia at the forthcoming presidential elections, we may well ask, "*Quo vadis Malaysia*"? I repeat the suggestion I made at the Budget meeting: it is that a serious attempt be made to initiate a dialogue between Peking and South-East Asian countries either through the offices of the United Nations or outside that world body. It could be an attempt to probe Mao's thoughts and intentions on South-East Asia countries.

In Malaysia, we will continue to put our faith in the Alliance Party, which has guided us in the past through critical times during the Emergency and confrontation. We pray for the successful deliberations and outcome of the five-country defence talks which are now taking place in this city. More than ever before, the people of Malaysia are being called upon to exercise their national obligations and responsibilities sanely and soberly to give the Alliance Party full and complete mandate to carry our country to success and victory in the political chess boards in the aftermath of the Paris talks. With the Tunku at the lead we are filled with optimism and hope.

**Tok Pangku Pandak Hamid:** Dato' Yang di-Pertua, saya berasa sukachita kerana dapat peluang berchakap sadikit. Saya sangat$^2$ menyokong Uchapan Terima Kaseh terhadap Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tiga hari sudah yang di-bawa oleh sahabat saya Dato' Foo See Moi. Dalam Titah di-Raja pada hari itu ada mengatakan tidak lama lagi Kerajaan British akan menarek ashkar-nya daripada Malaysia kita ini. Dengan bagitu Kerajaan Malaysia akan menubohkan lagi ashkar$^2$ kita yang kuat di-negeri ini. Di-sini saya mengulang kaji chakap yang telah sudah, jika baik, tegas-nya yang dahulu ada-lah

dalam bahagian Orang Asli ada mempunyaï sa-gulongan ashkar dia bernama Senoi Pra'ak. Sekarang ini saya dengar akan hampir hendak hapus nama Senoi Pra'ak, dia akan bertukar ka-lain unit sama ada Polis-kah, apa-kah, bagitulah saya ingat, dan lagi dalam Kuala Lumpur ini sudah habis Headquarters-nya dan akan berpindah ka-Keroh sekarang ini.

Di-sini saya nampak bagi pehak orang Asli yang ada berusaha di-dalam Pegawai² Senoi Pra'ak ini tidak puas hati, dengan sebab itu saya anjorkan kapada Kementerian yang berkenaan, jika ada kebaikan sa-masa mereka bertugas dahulu, ia-itu masa dharurat dahulu, ada baik, harap-lah di-fikirkan, jika tidak baik, di-buangkan-lah sama ada ashkar-nya atau nama-nya pun, tetapi saya suka di-sini bagi pehak Kerajaan Malaysia sekarang ini sedang bertanya² meminta sokongan kapada orang ramai gerakan kominis di-sempadan Thailand sana yang akan merebak ka-Malaysia kita ini, jadi saya dapat tahu Orang Asli ini sangat bijak berjalan di-dalam hutan, tidak payah peta, tidak payah dengan ration banyak, mereka boleh hidup dalam hutan dengan makan segala² barang hutan, jikalau putus segala ration² yang di-beri oleh Kerajaan. Di-sini saya harap sangat baik mereka ini jangan di-susahkan hati-nya, sekarang ini telah di-tolak kapada Polis, mereka ini berma'ana apabila di-tolakkan pekerajaan mereka ini daripada dahulu ka-tempat lain, berma'ana pekerjaan mereka itu sudah mati segala²-nya, sama ada dia sendiri atau dengan pekerjaan itu.

Di-sini saya suka juga menerangkan bagi pengetahuan Kerajaan, elok-lah Kerajaan menimbangkan dengan sa-wajar²-nya supaya jangan susah Kerajaan kemudian hari apabila tanya kapada Orang Asli kata tidak tahu, saya bukan ambil bahagian lagi menyiasat kominis, orang jahat-kah, apa-kah dalam hutan, saya tak laku dia kata. Perkara ini barangkali berbangkit esok, jadi saya minta ma'af. Sekian sahaja, Dato' Yang di-Pertua.

**Dato' Pengiran Mohamed Digadong Galpam:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6hb Jun, 1968, yang telah lalu yang mana uchapan Baginda itu sangat-lah memuaskan hati ra'ayat semua.

Dato' Yang di-Pertua, di-sini saya suka hendak menyentoh berkenaan dengan tuntutan Philippine ka-atas Sabah yang mana saya dan semua ra'ayat Sabah ketahuï Philippine tidak berhak sama sa-kali atas bumi Sabah ini.

Negeri Sabah mendapat kemerdekaan menerusi Malaysia ada-lah dengan kehendak ra'ayat bumiputera Sabah sendiri dan ra'ayat Sabah tetap berdiri di-dalam Malaysia daripada awal hingga-lah bila² masa dan sa-lama²-nya. (*Tepok*)

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun berchakap di-atas usul yang telah di-bawa ka-dalam Dewan ini, saya ada-lah menyokong di-atas usul itu. Chuma saya hendak menyentoh di-dalam perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pelajaran sahaja. Oleh sebab yang lain² semua telah di-chakapkan dalam Dewan ini, macham² ada yang menerangkan fikiran², ada yang membawa sa-chara kempen² di-dalam Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya sa-mata² menyentoh dalam bahagian pelajaran, kita tahu perbelanjaan bagi negara kita ini, ada-lah pelajaran-lah yang paling banyak sa-kali. Sa-bagai sa-buah Kerajaan yang memerentah dengan sa-chara demokrasi-nya yang kita tahu bahawa pemerentah itu datang-nya daripada seluroh ra'ayat atau pun warganegara yang di-katakan khas-nya, maka hasilan² itu kesemua-nya datang-nya daripada ra'ayat seluroh-nya yang dapat di-peruntokkan kapada Kementerian², maka yang banyak sa-kali ada-lah Kementerian Pelajaran. Masa-alah pelajaran ada-lah amat penting mengikut fahaman saya, di-dalam pemerentahan sa-sabuah negara mengandongi ada empat jurusan yang mana jurusan² itu kesemua-nya berkehendakkan kapada pelajaran. Jurusan yang

pertama di-dalam pemerentahan atau pentadbiran. Jurusan yang kedua di-dalam pembenaan, kema'amoran negara. Jurusan yang ketiga mengawal hak² dan negara. Dan jurusan yang keempat pelajaran² bagi memikat hati² nafsu kejam, nafsu burok, nafsu lemah atau pun nafsu beku. Jadi empat jurusan ini sahaja, yang sa-tahu saya, maka dalam jurusan pentadbiran atau pemerentahan sadikit, bukan banyak, di-dalam Dewan Ra'ayat tidak sampai dua ratus orang. Di-dalam Dewan Negara, tidak sampai 100 orang, tetapi mewakili tiap² sa-orang yang masok di-Dewan sama ada di-Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara; Dewan Negara mewakili Negeri, Dewan Ra'ayat mewakili kawasan boleh di-katakan datang-nya mereka dalam Dewan ini mewakili seluroh ra'ayat yang mengundi, tidak peduli si-kaya tidak peduli si-miskin, tidak peduli si-chapek, tidak peduli si-penyapu longkang, tidak peduli siapa juga yang berhak mengundi, kalau sa-kira-nya kita tahu satu undi sahaja lagi yang kita hendak dapat menang, satu sahaja, kalau-lah tahu, tetapi fasal tidak tahu itu-lah yang susah, kalau tahu, harus orang yang menjadi chalun itu suroh kuchup kaki pun, tentu dia kuchup, suroh buat apa pun dia buat, ada satu lagi, erti-nya ini ada-lah hak yang boleh mengangkatkan dia, sama ada siapa juga yang hendak dudok ting-katan pemerentahan, maka sudah sa-wajib-nya, pelajaran pula kalau kita tahu orang² yang mengangkatkan, orang² yang dudok di-dalam pemeren-tahan kesemua-nya datang-nya dari-pada orang² yang tidak tahu sama ada tingkatan-nya daripada bawah atau ka-atas, maka pelajaran juga terpaksa di-ageh²kan mengikut keadaan-nya, kalau hasil juga yang di-dapati oleh Kerajaan, ada sa-chara besar, ada datang daripada orang² kaya, ada sa-chara pertengahan yang datang daripada hidup pertengahan, ada yang daripada bawah, orang yang hasil-nya sadikit, jadi pelajaran juga terpaksa di-ageh²kan mengikut keadaan² hasil yang masok. Kalau di-ambil susunan pelajaran dengan sa-chara mengageh²-kan kapada tiap² bahagian², maka di-situ sudah tentu masing² akan memahami rupa²-nya gulongan kami sahaja tak dapat berjalan dalam tahun ini, gulongan kami sahaja tak dapat berjalan, terpaksa hendak di-chantum-kan keempat² jurusan itu, baru-lah pemerentahan ini di-jalankan dengan aman dan damai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang ini.

*Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 2.30 petang.*

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*)

## UCHAPAN TERIMA KASEH KA-PADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menyam-bong uchapan saya pagi tadi, apa yang saya maksudkan dalam uchapan saya ini ia-itu kita tahu pelajaran ada-lah satu perkara yang paling penting lebeh² lagi di-masa kita berada di-dalam kemerdekaan. Tuan Yang di-Pertua, sebab²-nya saya membawa empat jurusan itu kita tahu di-dalam jurusan pemerentahan atau pentadbiran telah pun ada sa-hingga kapada universiti dan layanan² memang telah pun ber-jalan dan juga di-dalam jurusan pembenaan kema'amoran negara ada tempat²-nya, sekolah² pertanian sa-kali pun tidak berapa chukup, tetapi dari sa-masa ka-samasa boleh di-pertam-bahkan lagi di-dalam jurusan supaya dapat anak² negara menjadi pengawal negara-nya sendiri, ada tempat-nya juga di-Sungai Besi atau pun boleh di-tambah atau di-lanjutkan lagi dan ada layanan kapada-nya, tetapi di-dalam jurusan pengikat hati ia-itu dalam jurusan ugama ini ada-lah penting.

Bila saya terbacha Hujongan Khas ini kerana bukan di-dalam Hujongan Khas ini sahaja, tetapi di-luar² juga selalu berbunyi pelajaran ugama,

dalam bidang ugama Islam bukan di-suroh belajar sa-mata$^2$ ugama sahaja, tetapi di-kehendaki mempelajari sains, teknoloji dan lain$^2$ sa-hingga tumboh tempelak$^2$ kapada sekolah$^2$ yang mengajar hal ehwal ugama tempelak$^2$ kapada ulama'$^2$. Ini ada-lah di-sebabkan kurang faham dan kurang mengerti oleh orang$^2$ yang selalu mengeluarkan perkataan bagitu atau pun orang$^2$ yang mengambil bahagian dalam pelajaran ugama kurang faham betul. Padahal angkara$^2$ yang terjadi, keburokan$^2$ yang berlaku dalam negara kita ini atau pun kelemahan$^2$ sa-hingga Ahli Dewan ini sendiri pun ia-itu Ahli dari Kedah membandingkan kedudokan Taiwan dengan kedudokan negara kita ini di-atas kedudokan perusahaan$^2$ di-atas muka bumi. Kita mengaku negara$^2$ itu maju. Apa-kah sebab-nya negara kita ini telah jadi lemah di-atas perusahaan di-atas bumi dalam berchuchok tanam dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah sebab-nya asohan$^2$ atau pun latehan$^2$ yang di-beri di-masa$^2$ lalu ada-lah latehan$^2$ dan asohan$^2$ yang tidak memberi kesan kapada penuntut$^2$ yang bakal jadi orang dewasa mahu hidup di-atas dunia ini dengan keadaan selamat. Maka sebab itu-lah sa-belum merdeka dahulu telah pun ada keputusan bagi pehak pertubohan UMNO supaya mendesak pehak Kerajaan untok mengadakan taman asohan kanak$^2$. Perbahathan yang paling hangat dan ada sa-tengah$^2$-nya mengatakan kerana perkara itu saya bawa sendiri tarek-lah Tuan Haji perkara ini tidak akan siapa menyokong, saya kata saya tidak akan tarek kerana perkara ini ada-lah mustahak kerana negara kita akan menuju ka-matlamat kemerdekaan untok menjadi umat yang merdeka saperti umat$^2$ lain. Alhamdulillah, perbahathan berjalan, keputusan di-ambil dengan bersetuju menang dengan suara terbanyak supaya di-adakan Taman Asohan Kanak$^2$, dan di-situ-lah puncha-nya dapat di-salorkan anak$^2$ itu kejurusan mana yang ada kesan$^2$, atau kelayakan kapada anak$^2$ yang telah di-didek dalam Taman Asohan itu. Tetapi malang-nya perkara itu tidak berjalan pada hal kita mahu supaya warganegara seluroh-nya menjadi warganegara yang ta'at, ikhlas, jujor dan dari situ tidak akan berbangkit perkara$^2$ yang tidak di-ingini sa-masa Allah Yarham Aminuddin Baki untok mengadakan jurusan$^2$ di-dalam pelajaran.

Saya telah bertanya mengapa-kah di-ambil penuntut$^2$ sa-telah dia belajar dalam bahagian menengah sampai lulus L.C.E. dari situ bawa kapada jurusan$^2$, mengapa tidak di-ambil daripada mula$^2$-nya anak$^2$ itu tamat dari sekolah permulaan pada masa 6 tahun. Jawab-nya terpaksa di-buat malang-nya kerana hendak di-ambil mengikut jalan$^2$-nya yang sa-benar kerana tingkatan untok mendidek anak$^2$ dan membawa kapada saloran$^2$ yang sesuai dengan anak$^2$ itu tidak ada dalam negeri kita ini.

Saya tahu Taman Kanak$^2$ banyak tempat yang buat, tiap$^2$ sa-bulan ibu bapa-nya membayar yuran \$10.00 berkuasa dan boleh di-bayar oleh ibu bapa-nya sa-banyak \$10.00 Kalau-lah Kerajaan mengambil bahagian ini di-letakkan di-mana$^2$ ada sekolah rendah, sekolah permulaan patut di-adakan di-tepi-nya Taman Asohan Kanak$^2$, dari situ-lah rekod$^2$ anak$^2$ itu dapat di-beri oleh pendidek-nya atau pengasoh-nya kapada pehak$^2$ yang bertanggong-jawab untok menyalorkan anak$^2$ mereka kapada tempat$^2$ mana yang sesuai. Kita tahu pehak Kerajaan meletakkan kapada ibu bapa untok di-pileh anak$^2$-nya itu hendak di-hantar ka-mana, ka-sekolah mana dan bahagian mana atau pun kapada anak$^2$ sendiri. Ibu bapa tahu apa, anak$^2$ juga tidak tahu, tetapi orang$^2$ yang mengasoh-nya itu-lah hari$^2$ yang memerhati tahu kesan$^2$, tahu bakat$^2$ ka-mana-kah anak$^2$ itu dapat di-salorkan supaya dia jadi sa-orang terpelajar kapada bahagian$^2$ yang tertentu kapada-nya. Kita tahu bukan semua orang hendak jadi kerani, bukan semua orang hendak jadi pemerentah, ada yang hendak jadi ahli perniagaan, ada yang suka kapada pertanian, ada yang suka menjadi askar$^2$ dan lain$^2$. Jadi, kalau di-masokkan anak$^2$ ka-dalam bahagian$^2$ sama ada bahagian pertanian, perusahaan atau perniagaan dan lain$^2$, tetapi anak$^2$

bakat-nya katakan-lah bakat-nya dia hendak hidup di-atas kaki sendiri, kita masokkan dia itu ka-tempat yang lain. Saya dapati ada-lah sa-tengah anak² yang di-hantar dalam pelajaran ugama—lemah, hantar kapada pelajaran Inggeris, naik maju sa-hingga jadi D.O., jadi Magistrate ada pula yang pergi dudok belajar dalam sekolah² Inggeris—lemah, hantar dalam sekolah ini, naik; sebab bakat² itu yang ada kapada anak² bukan semua manusia mahu itu sahaja, Tuhan tidak jadikan manusia ini mahu sa-rupa kapada semua sahaja—tidak ada, kalau sa-kira-nya manusia ini kehendak-nya sa-rupa belaka, senang-lah, tidak gadoh. Tetapi ada manusia ini mahu macham ini, ada manusia ini, mahu macham ini, kerana di-anatra satu dengan lain itu ada perhubongan kalau di-beri asohan² daripada mula masok kapada bahagian rendah di-asoh betul², maka anak² itu kejurusan mana juga dia masok, anak² itu akan berjalan dengan baik, kalau dia sudah jadi dewasa, dia jadi sa-orang warganegara yang ta'at, yang patoh kerana dia faham betul², lebeh² lagi di-dalam tangga asas daripada asohan kapada sekolah rendah permulaan di-situ pelajaran² asas di-beri kapada-nya, di-beri pelajaran² yang boleh mengikatkan hati anak² itu supaya dia jadi sa-orang warganegara, atau jadi manusia yang patoh, manusia yang baik, manusia yang bahagia.

Saya teringat masa Jepun dahulu, kalau yang tua² berchakap berjumpa sama dengan dia pun, dia tidak berapa hendak dengar, silap sadikit hendak di-tampar, silap sadikit hendak di-tendang, tetapi kapada anak² dia chuba layan, dia chuba sayang, kerana dia tahu sa-hingga dia kata, telinga saya terdengar, yang mana tua² dewasa ini selalu di-chap, "*Kurah*! *Nandishka*" sampai macham itu, tetapi kapada anak² yang kechil² itu-lah di-layan chukup², kerana dia tahu yang anak² ini bila sudah di-asoh daripada kechil, bila esok dia jadi warganegara, dia yang betul² patoh kapada-nya. Kita tahu dengan masa yang singkat sa-hingga anak² kita dalam sekolah pun kelam-kabut, chelek² mata, a, i, u, e, o; ba, bi, bu, be, bok; ta, ti, tu, te, to sampai kita dengar pun jadi runsing; sampai macham itu keadaan-nya. Ini ada-lah kesan-nya, tetapi perkara ini tidak di-buat, saya rasa kalau perkara ini di-ambil betul² oleh pehak Kementerian Pelajaran supaya di-tiap² sekolah rendah di-letak di-tepi-nya Sekolah Taman Asohan. Ini saya shorkan, kalau kita hendak negara kita berjalan dengan aman-damai, berjalan chara warga negara ta'at dan setia, kerana bukan kita hendak memerentah sa-tahun dua, sa-lagi dunia tidak kiamat, kita hendak perentah. Dan kita boleh dapat banyak faedah² dalam dunia ini. Tidak-lah akan terjadi tempelak² sa-hingga ada orang berani berchakap dalam Dewan ini takut segala tanah² kosong tidak ada orang yang hendak bekerja, peluang² yang terbuka tidak ada siapa yang hendak bekerja, tidak ada siapa yang berkehendakkan, maka perkara ini akan terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya kedudokan susunan pentadbiran dalam pelajaran bagaimana-kah chara-nya supaya negara atau supaya Kerajaan atau seluroh ra'ayat tidak akan mengalami, menghadapi, perkara² sa-demikian di-masa hadapan, hendak-lah puncha-nya pelajaran itu di-susun betul² supaya sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di-dalam jurusan² yang lain telah di-adakan berjalan dengan terator dan ada layanan di-dalam jurusan ugama, saya terbacha di-sini sukatan² pelajaran baharu yang telah di-luluskan oleh Majlis Raja² daripada apa yang di-susun oleh pehak Kementerian, Kolej Islam itu-lah tempat-nya untok membaiki, untok mengubati supaya penuntut² dapat memahami bagaimana chara mendapat ubat² untok mengubati hati² manusia dan dapat mengikat supaya perbuatan² yang burok itu tidak berlaku. Maka sudah tentu sekolah itu akan di-masoki oleh penuntut² yang telah pun lulus dalam bahagian² yang sesuai yang boleh masok ka-dalam kolej, tidak-lah hendak hantar budak² yang baharu hendak belajar, tidak pula hendak hantar baharu belajar empat, lima atau enam tahun hendak hantar

pergi Kolej Islam, tidak. Sebab saya terdengar angin[2] Kolej Islam itu akan di-jadikan Universiti Islam, maka jurusan ini-lah yang paling mustahak sa-kali kerana dapat di-keluarkan guru[2], pendidek[2] untok menaborkan kapada sekolah[2] seluroh-nya, sama ada dalam sekolah rendah, sama ada di-dalam sekolah menengah, sama ada di-sekolah tinggi yang mana penuntut[2] yang mendapat pelajaran itu dapat mengasoh kapada lapisan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu manusia sa-telah dia jadi dewasa, dia hendak hidup kerana dia sudah terlepas daripada tanggong-jawab, lebeh[2] lagi manakala telah sampai umor 21 tahun, dia ada-lah sa-orang warganegara yang terpaksa memikul segala[2]-nya. Jadi maksud saya di-dalam sukatan pelajaran hendak di-beri kapada sekolah[2] ugama yang penuntut[2] itu untok bakal boleh pergi sampai kapada Kolej Islam yang bakal menjadi Universiti Islam, sukatan dari sa-tahun di-adakan sukatan[2], pada hal Islam menjadi ugama rasmi bagi negara ini, bantuan di-beri, maka bukan hendak-lah di-jadikan tidak buat langsong, tetapi kalau asohan[2] anak[2] itu tidak di-beri dengan betul[2], maka apa yang telah kita buat, sama ada membanyakkan masjid dengan di-beri bantuan yang bagitu banyak berjuta[2], sama ada surau, berjuta[2] di-keluarkan di-seluroh Malaysia ini, sekolah[2], tetapi kalau masjid bukan bertambah penoh malahan bertambah kurang, bagitu juga surau[2] yang telah di-beri bantuan banyak di-dalam pembangunan dan sekolah[2] banyak bantuan[2] yang telah di-beri di-seluroh Malaysia ini. Kalau-lah tidak di-chepatkan sukatan pelajaran itu betul[2] untok di-beri kapada seluroh sekolah[2] dan sukatan pelajaran itu, kerana saya tidak tengok macham mana chara-nya, biar-lah sukatan[2] pelajaran itu yang betul[2] boleh membawa kapada kebahagian kapada penuntut[2] yang masok dalam bahagian jurusan keempat yang saya katakan tadi, ia-itu ugama. Kerana mengikut dasar pelajaran di-mana[2] sekolah yang orang Islam sa-ramai 15 orang penuntut, pelajaran di-beri, sudah tentu berkehendakkan guru banyak, tidak kira dalam military, tidak kira dalam polis, tidak kira dalam dewasa, tidak kira dalam hal lain[2], tidak kira dalam jabatan, tidak kira menjadi Dato' Khadhi, tidak kira menjadi Mufti[2], tidak kira menjadi Ahli Majlis dan lain[2] berjuta[2] tiap[2] negeri di-belanjakan.

Jadi kalau tidak di-asoh, tidak di-beri pelajaran yang sesuai yang bakal[2] penuntut[2] keluar, dia boleh hidup, dia boleh dapat ekonomi-nya di-dalam tempat[2] yang dia bekerja. Ini hendak dudok dalam pejabat ugama, mahu jadi M.C.S.; M.C.S. ya .... susunan pejabat saya tidak engkar, baik semua chukup ator, tetapi chara hendak mengembangkan itu macham mana hendak membuat kalau dia sendiri tidak tahu. Ini soal-nya. Islam menjadi ugama rasmi negeri, situ mahu M.C.S., sini mahu M.C.S., tidak apa tempat[2] yang sesuai, tetapi di-sini pun bagitu juga masok, hingga dalam majlis[2] dalam Majlis[2] Ugama orang yang dudok itu haram tidak tahu, bagaimana chara mengembang, bukan ahli-nya, sebab itu saya mahu supaya sukatan pelajaran ini di-buat benar, betul[2], mudahan[2] Kolej Islam supaya jadi Universiti Islam benar[2], baharu sesuai dengan terchatit perkara tiga, ugama Islam juga ugama negara ini. Kalau kita chatit, tidak di-laksanakan betul[2], berdosa. Hendak kata tidak rasmi, sudah rasmi, siapa juga yang menguchap *Lailah Ha Illallah* daripada turun-temurun 600 tahun dahulu sudah rasmi kita chatit kerana mahu kewangan, rasmi, rasmi lagi, rasmi, rasmi lagi. Ini chari beban, betul[2] chari beban buat chari dosa sahaja, pada hal ini-lah satu daripada-nya, kalau di-asoh, di-asoh betul[2] daripada kechil, di-asoh betul[2], barangkali Pengarah Penchegah Rasuah tidak payah jadi susah, sebab dia tahu, dia takut, sebab terasoh, kalau hendak di-lakukan kejahatan, tetapi dia tahu juga, fasal dia kata ada mata, ada perhati. Dia kata, aku masok dalam bilek senyap, masok dalam bilek senyap pun ada mata yang melihat. Jadi bila ada yang dudok

tengok, dia berasa takut juga sadikit itu. Dia hendak melanggar tidak berapa berani, itu habis kechil faedah-nya. Jadi tidak-lah berbangkit segala²-nya sebab sudah terasoh. Kalau dia pergi mengajar dalam sekolah rendah dalam bahagian ugama, sambil² dia mengajar dia boleh mengasoh, dia boleh beri fahaman² supaya dia boleh tahu yang dia itu manusia di-tuntut buat apa, menchari kebahagiaan, macham mana hendak menjadi manusia yang sa-benar, kalau dia orang Islam jadi manusia yang hamba Allah yang betul² macham mana? Guru² ini bernasib baik, tetapi kalau hantar guru² yang chukup bulan terima gaji sahaja, dan dia tidak tahu apa pun setakat mana awak mengajar, sa-takat itu sahaja. Pendek kata kalau hendak asoh anak² sembahayang itu sahaja, kalau kita asoh chukup², anak² akan jadi bahagia daripada kechil, tetapi malang orang yang hendak mengasoh, hendak mendidek itu tak erti. Fasal? Dia sendiri tidak dapat pengalaman itu, dia sendiri chetek, dia sendiri singkat, maka sebab itu-lah tidak berjalan. Oleh itu saya harap supaya bahagian ini juga di-beri bantuan, di-laksanakan mengikut macham mana tingkatan² pelajaran, saloran pentadbiran daripada bawah pergi sampai ka-atas, bagitu juga yang lain, yang itu juga mesti buat kerana empat jurusan ini jangan di-pechah².

Satu, pemerentahan dan pentadbiran, yang kedua-nya di-dalam bahagian pembenaan, dan yang ketiga di-dalam bahagian pengawal dan yang keempat dalam pengikat haji. Ini akan masok mata pelajaran sekolah daripada tamat-nya ka-Menengah Rendah ka-Menengah Atas sa-hingga sampai ka-atas, ini orang yang akan mengajar. Jadi dengan itu peluang² yang pergi sampai ka-Universiti Islam ada tempat²-nya yang akan di-letakkan, layanan² itu ada, tidak payah ambil orang lain masok, kalau dalam Majlis² Ugama, ada orang yang pergi dudok, kalau dalam kadhi sudah ada, kerani² kadhi ada, apa salah? Boleh. Sa-kali ini engkau masok jadi kadhi, tetapi engkau ada pengetahuan, kerani dulu, lepas kerani jadi kadhi, lepas itu kau, awak boleh naik, boleh beri, apa salah? Ada tingkat² saperti lain juga dari sa-tapak sa-tapak, sa-tapak boleh naik juga. Sebab itu saya berkehendak sangat supaya perkara ini di-ambil berat oleh Kementerian Pelajaran mudah²an dengan berjalan-nya saloran yang keempat ini semua saloran² akan berjalan dengan baik, sebab sekolah² rendah, sekolah² menengah semua pelajaran ugama ada, jadi orang ini akan keluar bakal menjadi guru di-tempat² itu. Tetapi tidak mahu chuma pergi dudok, nama saja guru, tidak mahu. Betul² dia jadi guru pendidek, dia faham betul² supaya kalau yang dudok di-sekolah pertanian, sambil² dia mengajar, saya mithalkan-lah, saya ambil chontoh, bila sa-orang itu sujud letak diri atas bumi, dia tentu kata, anak²: Mengapa engkau di-perentah sujud letak diri rapat² di-atas bumi, kata dia fasal apa? Oh bumi! fasal apa, kerana asal jadi manusia jadi daripada tanah, rupa-nya tanah dia tidak boleh berpisah, daripada tanah dia datang, di-atas tanah dia hidup, ka-dalam tanah dia masok. Asoh bagitu, manakala dia ada pelajaran itu tadi dia keluar terus, keliling rumah-nya pun tidak ada semak dan tidak ada ular lagi, tidak payah lagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengeluarkan Arahan 3 di-mana ada tanah² yang kosong, tanah² yang di-sekeliling rumah yang semak², hendak-lah di-changkol, hendak-lah di-tarah, hendak-lah di-tanam tanaman² yang boleh makan, tetapi di-keliling rumah macham itu juga.

Saya jadi Pengerusi Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong, bila bawa masok kampong hendak buat, kata ini kata susah, kata ini kata payah hingga terpaksa saya keluarkan perkataan kalau semua-nya susah Ahli Jawatan-kuasa ini kita berhenti, saya pun hendak berhenti. Apa sebab sa-bagitu jadi, orang yang bertanggong-jawab kata payah, kalau kita kata payah, orang lebeh² lagi payah, kalau kita tidak mahu, siapa yang mahu. Kalau kita tidak asoh, siapa lagi hendak buat. Ini-lah penyakit-nya. Yang tahu-nya tempelak. Kita tahu kata sama ada

di-kalangan rendah hingga kalangan Menteri, kalangan Menteri sendiri, Islam bukan suroh mengajar ibadat sahaja, Islam bukan suroh beribadat sahaja, bukan suroh pergi masjid sahaja, suroh belajar sains sahaja, baharu petang kelmarin, hang tahu, dia sudah buat dulu lagi. Pada hal saya tidak hendak mencherita sistem pelajaran dalam sekolah² ugama bahasa Arab, semua chukup, lebeh² lagi sekarang guru² sekolah ugama, kita tahu layanan rendah, gaji-nya rendah, di-suroh pereksa masok mengambil pelajaran L.C.E. dan F.M.C. supaya taraf dia naik, naik. Sekarang guru² ekonomi tidak tahu pelajaran ugama dah dia faham dalam kitab, tetapi sudah men-dalam. Dalam bahagian² ugama dia sudah tahu. Dia ambil bahagian L.C.E. —pas, dia ambil F.M.C.—pas. Hendak minta taraf gaji sama dengan orang yang tahu satu saloran sahaja, dia ada dua. Sudah tidak boleh. Berapa banyak, sekolah saya sendiri pun sudah banyak yang lulus L.C.E., F.M.C sekarang yang lulus L.C.E. sudah bersepah, F.M.C. sekarang yang ambil banyak sudah lulus. Ada daripada penuntut² sekolah ugama kerana dia ada didekan, dia ada asohan, dia ada pengertian, dia ada fahaman, pergi dudok sekolah menengah, mengajar perkara ugama, guru besar-nya sendiri tidak ada harapan penoh kapada dia, pentadbiran dia lain², itu pun ada. Fasal apa, kalau ini bukan cherita orang, bukan saya dengar khabaran orang, penuntut² sekolah saya sendiri. Tetapi yang susah-nya selalu keluar perkataan kalau pensharah pun macham itu, kalau dalam talivishen pun macham itu juga, hingga di-hamput kapada orang ulamak hingga di-hamput kapada sekolah ra'ayat, hingga di-hamput kapada orang ini juga. Tetapi chara untok mentadbirkan, chara untok bilangan—tidak ada.

Kalau bahagian lain ada layanan ekonomi-nya, ada tempat tumpuan-nya, tetapi ini tidak ada tempat tumpuan, pada hal mana sekolah yang tidak ada pelajaran ugama, dasar pelajaran di-mana ada lima belas orang, walau sekolah China, walau sekolah Inggeris, lima belas orang, sudah dapat sa-orang guru mengajar ugama. Orang yang hendak pergi asoh itu mana dia? Itu-lah sebab-nya saya mangambil bahagian ini sahaja, tidak mangambil bahagian² yang lain.

Lain² perkara, Tuan Yang di-Pertua, tak ada-lah yang saya sentoh, dalam perkara ini sahaja yang penting, kerana tiap² tahun bila anggaran belanjawan di-masokkan sama ada di-Dewan Ra'ayat, atau Dewan Negara, bila buka sahaja perkara itu, saya tengok Kementerian Pelajaran-lah perbelanjaan yang banyak sa-kali.

Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, kerana Menteri² hendak jawab dan Yang Berhormat Menteri Tak Berjabatan telah membawa usul supaya persidangan ini di-habiskan kesemuanya sa-kali pada hari ini, di-sebabkan esok tidak ada persidangan Dewan. Bagus juga, banyak hari sangat meshuarat, banyak duit kena keluar. Satu hari $35.00. Bila satu hari $35.00 satu hari kita boleh habis perkara ini dengan chepat, masok kali yang kedua, kalau ada, sudah berapa jumlah-nya. Ini, kita telah menyelamatkan $35.00 pada esok hari. Memanjang²kan meshuarat ini pun satu hari $35.00. Ini satu perkara kena di-fikirkan. Saya setujuï supaya meshuarat kita ini jangan meleret sangat, kalau ada bahagian ini Ahli Yang Berhormat hendak berchakap, kita tidak usah sentoh lagi. Ambil-lah bahagian yang lain pula, supaya Dewan ini tidak berpanjangan dan tak payah keluarkan $35.00 semua sa-kali. Oleh itu di-harapkan, Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya chakap tadi, kalau tersalah pun, minta ma'af. Terima kaseh.

**Tuan Chan Keong Hon:** *(dengan izin)* Mr President, Sir, I would like to add my support to the motion of thanks for the Royal Address by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. The official opening by His Majesty marks the final stage in the life of the present session of Parliament. As everyone is aware, the people will, once again, be going to the polls next year to elect their representatives to Dewan Ra'ayat.

It is the duty and responsibility of every voter to make his choice wisely because whoever they appoint to be their representatives will be the law-makers of our country for the next five years. The destiny of our young nation will be placed in their hands. Whether we sink or swim in this fast moving world during the next half decade will depend on how these legislators of the people run the nation. I don't think it is necessary for me to elaborate further the need for the people to carry out their responsibility well as citizens.

Mr President, Sir, a lot has been said and reported in the press, radio, and television lately on the Suffian Salaries Commission Report. It is true that our civil servants carried out their jobs with unswerving and loyal devotion over the past years. They fully deserve the recognition and appreciation of the Government. I sympathise whole-heartedly with their demands for improved salaries and conditions of service, particularly those in the lower grade. It is time that something must be done for them. And that was the reason behind the appointment of the Suffian Commission. Unfortunately, the completion of the Commission's onerous task coincided with the bad time we are facing at this juncture. It is only fair and realistic that our Government must not sacrifice the national interest at any cost. Our civil servants will have to be a bit more patient. I am sure the Government will not fail to give them the due recognition of their devoted service at the opportune time. It is gratifying to note that the Government has not rejected the Suffian Report. Our Deputy Prime Minister has given the assurance that its implementation is only a question of time.

Mr President, Sir, I would like to point out here that our economic and financial position stands every chance of good recovery from the setback caused generally by world recession resulting in the low prices for our primary commodities, namely rubber and tin. Although rubber and tin have been the mainstay of our economy for many decades now, it is interesting to note that our Government is going all out to expand our foreign trade. The extension of trade relations to the East European countries and Russia augurs well for the future of our trade. I must say that this bright foresight of our Government deserves commendation. If our trade drive achieves its objective, then we should be in for a good time.

Mr President, Sir, it is imperative that we must not overlook industrialisation because it is part and parcel of our overseas trade campaign. Unless we are able to offer the goods, there is no sense in seeking customers. I would like to stress here the importance of maintaining international standards for our products. Unless the quality is comparable to world standards, it is doubtful that we can ever enter the competitive world market. Most of our industries are young and being young, they must be given every protection by the Government so that they can stand on their feet and compete successfully with foreign products. It is true that the terms offered under the pioneer status are generous. It is equally true that the Government should not permit monopoly in anyone product. But, investors and industrialists must be given the incentives if they are expected to play their part in boosting the economy of our nation. Therefore, it will not be fair to these investors if pioneer status is granted to too many enterprises manufacturing the same products. The attraction will not be there. Such a policy will defeat the very purpose for which the Pioneer Status Ordinance was formulated

Mr President, Sir, before I take my seat, there is one other issue which is worrying many parents. I refer to the thousands of school-leavers each year who are faced with limited employment opportunities. Confronted by the gloom of unemployment, many of them are forced to take the easy way out—that is to resort to crime. Of late, there seems to be an increase in the crime wave throughout the country. I am sure many will agree with me that

these misguided youths are greatly influenced by the horrors of crime shown in motion pictures. The precision, the planning and the plot of these crime pictures are giving ideas to our youths. They must be thinking that if crime could be committed so easily on films why not put it into practice? After all it is easy good money, barring the consequences.

Mr President, Sir, I venture to strongly urge the Government to impose stricter censorship on crime films. I believe it will be better for the society if such films are banned. Mr President, Sir, are we to care more for the box-office collections of cinema halls or the welfare and well-being of our young citizens in particular and the society as a whole.

**Tuan Koh Kim Leng:** (*dengan izin*) Mr President, Sir, in rising to support the motion of my colleague Dato' Foo See Moi, I would like to say first that how deeply shocked we are in learning the death of Senator Robert Kennedy. I am sure all of us here in this House do want to extend our heartfelt sympathy to the bereaved family. We regret that such an incident should happen, especially to a great nation like the United States of America. The successive assassinations, first of the late President Kennedy, then the Rev. Martin Luther King, and now Senator Kennedy, have spread horror into the heart of the average man. It goes to show that it is not only important to see that democracy is practised but how easy it is just for a few men to upset the machinery of democracy at work. Senator Kennedy's death can be an object lesson to all the free nations of the world, especially to us, a small nation. We are proud of our country and the independence we achieved without any pistol shot being fired, but let us keep it this way and let us not mar our clean record of peace and harmony among the races.

Mr President, Sir, at the present moment the withdrawal of the British troops from Malaysia is received with mixed feelings. To the man in the street, in a place like Kuala Lumpur, probably no one bothers. But to a lot of people in my home town in Malacca, such a move is uppermost in the minds of the people. According to information, there are at least 10,000 people whose livelihood is directly dependent on the presence of the British troops. The withdrawal would deal a blow to the livelihood of these people I have just mentioned. Sir, I do not know what the Government intends to do with the £25 million to be received as compensation, but I do want to appeal to the Government here that the people of Malacca deserve special consideration in terms of such compensation and when the time comes let not the people of Malacca be forgotten.

Still on the subject of the withdrawal, Sir, I want to bring to the attention of the Minister of Education that it may be a fitting moment to set up a University College in Malacca. I congratulate the present preparation for the establishment of a University College in Penang, but I do want to appeal to the Minister concerned that the people south of Kuala Lumpur should also be catered for. With the withdrawal of the British troops, we have a set-up which is all ready for occupation and use. One has only just got to take a look there to know what I am talking about. Sir, the cost of setting up such a college should not be a factor for such a move.

Mr President, Sir, I also want to congratulate the Minister of Commerce and Industry for encouraging the setting up of assembly plants to assemble motor vehicles locally. While such plants create local employment, I would like to appeal to the Minister to keep a close watch on the prices of their products. We know that locally assembled cars enjoy a saving of 25% on duty, a sum which is quite substantial. But very often we find that locally assembled cars are sold at prices very nearly that of imported ones. I believe such a saving in taxes should be passed on to the consumer—some of it at least.

Mr President, Sir, the diversification of Malaysian economy is a very wise move to solve the economic ills of our country. Very often one learns of people who enjoy prosperity when the price of rubber or tin is high, and yet the same people should be very hard pressed when the price is low. However, diversification should not only be encouraged but helped. Sir I refer to the problem of converting the use of lands originally reserved for the planting of rubber. Some of them are specially restricted for the planting of tapioca. Sir, I know of cases when application is made to convert the rubber land to oil palm, for instance, the applicant land-owner is asked to pay a large sum of premium and in some cases higher quit rent. I want to appeal here to the State Government concerned not to impose such premium, as it is the aim of the Government to encourage diversification of the use of the land. In any case, if the applicant cannot afford to convert the land, the State Government will benefit nothing.

Mr President, Sir, other than the observations I have just mentioned, I beg to support the motion.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong sama usul yang di-bawa oleh Dato' Foo See Moi, ia-itu menguchap berbanyak² terima kaseh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah di-Raja yang telah di-adakan dua hari sudah. Di-dalam Titah di-Raja ini saya suka-lah membachakan satu ayat yang sangat menarek hati saya yang berbunyi-nya bagini: "Kerajaan Beta akan terus berusaha untok memperbaki chara² pasaran supaya petani² akan mendapat harga yang berpatutan dari tanaman² mereka." Ini ia-lah berkenaan dengan FAMA.

Dua hari yang sudah rakan saya telah menanya Kerajaan berkenaan dengan nelayan² di-Telok Gong yang kata-nya di-sana mereka tidak mendapat menjualkan ikan dengan harga yang berpatutan, dan Yang Berhormat Menteri kita, ia-itu Enche Abdul Ghafar Baba telah menjawab bahawa FAMA telah tahu dan FAMA telah mengambil bahagian menyelidekan supaya dapat mengatasi soalan² yang macham itu.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkut dengan FAMA pada mula² kita adakan meshuarat untok kita menerimakan undang² FAMA itu saya-lah salah sa-orang daripada-nya yang sangat bersetuju dan sangat² menyokong dasar FAMA ini. Kerana saya tahu benar² jikalau FAMA kita ini dapat juga melaksanakan dengan sempurna-nya, maka dapat-lah ra'ayat daripada nelayan² dan juga peladang² itu dapat menikmati daripada harga² yang di-beri pasaran sama ada ikan² atau tanaman², tetapi sayang sa-ribu sayang, sudah dua tiga tahun ini saya nampak FAMA nama FAMA sahaja, satu bukti yang besar saya pun tidak berapa nampak lagi. Barangkali sa-lepas ketua baharu yang baharu di-lantek ini, Yang Berhormat Enche Abdul Ghafar Baba barangkali baharu-lah boleh kita nampak. Saya suka menyebutkan di-sini bukan sahaja bagi pehak ikan, tetapi di-Kedah banyak-lah bumiputera menanam jagong. Sebab jagong itu di-ambil chuma-lah dapat mereka jual chuma tiga sen. Kalau kita beli di-pekan, sekurang²-nya sepuloh sen, kadang² lima belas sen dan juga di-tempat saya di-Bukit Meriam dekat Sungai Patani itu banyak-lah peladang² yang menanam labu manis—di-sana labu manis yang besar sampai lima enam kati. Tetapi bila masa mengetam, masa itu labu itu sudah masak, mereka ambil balek, chuma dapat jual sa-banyak empat sen sa-kati. Kalau kita beli di-pasar², di-bandar² harga-nya 20 sen. Bagitu sa-kali laris harga-nya. Jadi, oleh sebab itu saya ingat patut sangat-lah sekarang ini FAMA melihat atas perkara itu. Saya tengok, bacha surat khabar baharu² ini, sa-hari dua ini, FAMA adakan seminar. Saya suka-lah mengatakan kapada FAMA yang ketua-nya ada di-sini, jangan-lah sangat harapkan kapada seminar selalu—tidak menjadi Seminar itu, seminar ini tidak boleh

menolongkan. Dan lagi yang satu jangan-lah harap sangat kapada pakar², kapada orang² teknoloji, kapada orang yang pandai macham Bachelor of Economics, Accountants, sekian² menyediakan FAMA, kerana orang² ini baharu pass, dia tidak ada pengalaman chuma dia orang ini ada *theory*. Kita akan mengambil masa bertahun², baharu-lah mereka dapat hendak buat *practical*. Sebab itu kita mesti ingat sa-telah beratus² tahun nelayan kita dan juga peladang² negeri ini telah di-exploitkan—beratus tahun bukan baharu. Jadi, kalau kita sekarang hendak buat dengan chara sistem *trial and error* yang mana FAMA sekarang hendak buat, ini akan mengambil masa yang agak panjang—long term policy. Kita tidak boleh lagi, kita tidak boleh tunggu lagi berpuloh² tahun untok memperelokkan orang² kita ini. Kita akan ambil masa dalam sa-sengkat²-nya, berbulan sahaja yang patut, oleh sebab itu jangan-lah sangat kita ber-kira sangat jauh panjang. Kita buat, chari yang sa-chepat²-nya bagaimana kita dapat menolong, pertama-nya, nelayan² yang tadi macham di-Telok Gong. Yang kedua, peladang² yang mengeluarkan macham saya kata tanaman jagong, labu manis dan lain², ini-lah kalau kita boleh sa-chepat-lah, baharu-lah kita nampak, baharu-lah orang² ini dapat menikmati usaha² yang kita adakan FAMA, adakan MARA dan adakan sekian.

Perkara yang kedua, saya hendak-lah berchakap perkara *transport*. Perkara pengangkutan negeri kita. Saya dukachita-lah kerana hari² saya bacha surat khabar ada *accident* sana, ada di-sini. Lori berlanggar, motokar berlanggar, tahu²-lah kita sekarang banyak lori, banyak motokar, banyak sekian. Tetapi saya mari di-Kuala Lumpur ini, saya berjalan, saya bawa tidak deras-lah, tetapi laju sadikit, 60 batu sa-jam. Tahu² lori potong saya—laju 60, Tuan Yang di-Pertua. Berma'ana-nya lori itu speed 65 batu sa-jam. Di-belakang lori tulis 35 batu satu jam, dan ini apa guna di-tulis 35 batu satu jam, kalau lori itu menjalankan 65 batu satu jam? Jadi, saya ingatkan kapada Kerajaan tidak mengambil langkahan yang tepat-lah macham sekarang ini. Kalau di-tangkap lori itu, bawa pergi bichara, denda $100. Saya chadangkan-lah kapada Kementerian yang Menteri tidak ada hari ini, patut-nya bagi lori² bagini patut-lah di-denda lebeh kuat lagi, di-mana jika dia ada di-dapati dia ada *accident* satu masa, *cancel* lesen dia, tahan dia sa-tahun jangan bagi keluar. Baharu-lah taukeh itu menjaga, kerana sa-tahun dia tidak boleh gunakan lori itu, berapa belanja, berapa punya perniagaan akan rugi dan baharu dia beritahu kapada *driver*, jaga sikit—tangkap, buboh sa-tahun, "Hang dudok situ sa-tahun, tidak boleh pergi ka-mana", baharu-lah reda sadikit.

Satu perkara lagi dengan keretapi, saya hendak chakap ia-lah di-Sungai Patani ini. Selalu-nya manakala ada shunting ini kadang² motokar kena tunggu sampai sa-tengah jam. Bebe-rapa penoh sesak di-Sungai Petani, kerana ada shunting, tidak boleh pergi. Saya suka terangkan berkenaan dengan perkara ini, baharu tiga empat tahun dulu, di-mana saya ada di-dalam Sungai Patani. Kami telah membawa perkara ini dan Kerajaan telah ber-setuju bahawa Kerajaan akan membuat satu overhead bridge supaya bila buat overhead bridge, baharu-lah shunting boleh buat di-bawah bridge itu. Jadi, satu lagi gate itu boleh jalan. Kerajaan telah buat, belanja-nya $90,000. Tiga tahun sudah siap. Tetapi sampai sekarang pun railway tidak mahu buat shunting di-bawah overhead bridge itu. Dia buat di-satu lagi itu yang kena orang² tunggu sampai 30 minit. Saya hairan yang keretapi ini kenapa, orang belanja sampai $90,000 hendak tolong dia, dia tidak mahu, dia hendak jalan tentang lama juga. Ta'kan dia ta' boleh adjust sadikit² supaya menyenangkan orang ramai, kerana kalau tuan pergi ka-Sungai Patani sa-bagai yang kita tengok barangkali tuan pun terkejut; berpuloh² kereta dudok tunggu, oleh kerana gate itu sahaja.

Satu perkara lagi bersangkutan dengan keretapi juga. Saya suka-lah,

Menteri tak ada, tetapi saya hendak berchakap juga, perkara keretapi ini, saya dua malam sudah pergi Singapura naik keretapi. Saya naik keretapi pukol 10.00 mail. Patut-nya pukol 7.00 pagi sampai Singapura. Tetapi sampai pukol 11.20 esok. Kerana apa, kerana di-Gemas, keretapi itu panchet. Tuan Yang di-Pertua. Saya tak pernah dengar keretapi panchet. Saya dengar motokar panchet, keretapi itu jahanam. Terus saya dudok sampai di-Gemas, tak tahu-lah apa ada hal, orang kata panchet, saya pun tak mahu tanya. Ta'kan keretapi panchet. (*Ketawa*)

Saya bersama Dato' Haji Mohd. Noah bersama orang itu terpaksa tunggu. Jadi, bertolak daripada Gemas pukol 7.00 baru boleh bertolak. Betul berasa tak tahu, sampai di-sana, saya tak-lah sampai di-sana 11.20. Dan orang² penumpang sama saya atas keretapi itu bercherita. Kalau kita tadi datang dengan kapal terbang, berapa ringgit sahaja, $28.00 bukan-kah safe keadaan. Sa-tengah orang kata ini-lah lagu-nya keretapi. Yang tak buat itu, apa, sampai boleh jadi panchet. Lagu ini (*Ketawa*). Kemudian pula pukol 6.30 saya sudah kena pindah ka-tempat lain, sebab saya dahaga, pergi hendak minum kopi, kopi pun tak ada. Tukang masak lena tidor. Bagitu punya keadaan. Jadi itu-lah layanan yang di-beri oleh keretapi ini yang nampak tidak memuaskan. Sebab itu kita tidak hairan-lah tiap² tahun penyata-nya di-keluarkan menyatakan keretapi rugi. Deficit, deficit. Ini siapa punya keretapi, ini national railway, Government Railway, Government property, jadi Kerajaan punya benda, bukan commercial. Oleh sebab itu, Kerajaan bermillion² ringgit habis, buat-lah bagi elok sadikit. Saya dukachita-lah Menteri tidak ada, kita tahu-lah Menteri kita, Dato' Sardon Jubir, kalau kita dengar Menteri itu berchakap, macham suara rimau. Keretapi kechil, besar ini tidak terjaga. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kapada perkara yang keempat ia-itu perkara pertanian. Saya sangat dukachita sekarang ini bersangkut dengan getah. Dahulu kema'amoran kita bergantong kapada getah. Sekarang kita, sebab getah sudah jatoh, Penyata Gaji Suffian pun kita tanggoh tidak boleh bayar. Dalam Meshuarat Belanjawan yang lepas, saya telah berchakap berkenaan dengan getah. Saya nampak satu jalan sahaja, satu jalan sahaja yang ada, jika sa-kira-nya kita hendak stabilisekan harga getah, hendak memberi harga getah tetap, jangan turun dan jangan naik sangat.

Sa-bagaimana yang Kerajaan buat sekarang ini, saya nampak tidak boleh maju. Kerana apa, banyak Kerajaan² Malaya, Ceylon, Malaysia-Thailand berpakat, ia-itu negara yang mengeluarkan getah asli sudah berpakat dan berkira bagaimana kita hendak itu. Saya ingat² orang ini berpakat tidak boleh jadi, kerana getah yang di-buat ini ia-lah synthetic rubber. Tahun sudah baharu² ini, hari itu baru lima enam hari kita dengar, kata synthetic rubber keluar satu tahun dua juta tan Natural rubber keluar satu tahun dua juta tan. Berma'ana dua² ini telah mengeluarkan empat juta tan dan world consumption empat juta tan. Baharu dua tiga hari ini pula saya jumpa, saya bacha surat khabar, mengatakan sekarang ini synthetic rubber sudah buat tiga juta tan, dalam empat bulan sudah tambah satu juta lagi, berma'ana tiga juta, kita jadi dua juta, jumlah lima juta. Kalau world consumption empat juta, ma'ana satu juta tak boleh jual. Yang tidak boleh jual itu, nampak hak kita-lah tidak jadi!

Jadi oleh sebab negeri kita yang banyak sa-kali mengeluarkan getah asli dalam dunia ini, maka patut-lah Kerajaan kita mengambil daya utama bermuafakat melalui United Nations dengan segala negeri² yang mengeluarkan synthetic rubber, ia-itu Amerika, Britain, France, Jermani dan sekaliannya; mereka ini pun ahli United Nations juga supaya kedua² ini berpakat, natural sama synthetic, kedua² pakat, kemudian buatkan quota; awak sekian banyak, kami sekian banyak dan harga kita tetapkan. Awak punya first grade berapa, kami berapa, sekian banyak, maka kalau dua² ini berpakat, maka baharu-lah boleh stabilise harga

getah itu, kerana kalau hendak beli pun, datang dekat orang dua ini-lah. Maka orang dua ini-lah yang boleh mengeluarkan getah. Saya ingatkan yang itu patut Kerajaan kita mengambil daya utama kerana kita yang besar sa-kali, apa salah-nya? Saya juga berkira dengan pakar² daripada Commerce and Industry, kerana banyak mereka berkata not practical. Saya kata, kita boleh kata not practical-lah, sa-belum kita chuba mana kita tahu. United Nations ini kerja-nya menjaga keamanan dunia semua. Ini-lah satu perkara menjaga keamanan—to stabilise the price of rubber is one of the peaceful means in this world—tentu-lah saya perchaya United Nations akan bersetuju dan akan bersama² menolong menjayakan perkara ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka bacha sadikit fasal ubi kayu. Saya dengar baharu² ini ubi kayu nampak-nya maju sangat, dalam *paper* pun keluar. Saya dengar negeri Perak hendak buka besar²an ladang ubi kayu, negeri Pahang pun hendak buka perusahaan ubi kayu, MARA pun hendak mengambil bahagian perusahaan ubi kayu. Dalam *paper* ini saya tengok—tapioca is coming into its own—di-Sabah akan di-buka ladang ubi kayu. Tuan Yang di-Pertua, kalau buka *Hansard* kita lima enam tahun dahulu, perkara ubi kayu ini ada-lah mula² M.P. yang berchakap saya-lah. Menteri Kebajikan 'Am yang ada di-hadapan itu selalu dia panggil saya M.P. ubi kayu. Jadi enam tahun dahulu saya telah beri tahu Kerajaan kita bahawa ubi kayu akan jadi satu alternative crop, satu cash crop yang besar kapada negeri kita sa-kira-nya kalau harga getah dan tin turun.

Tetapi saya dukachita pada masa itu Kerajaan tidak nampak pun guna-nya ubi kayu ini. Saya beri tahu ubi kayu ini guna-nya boleh buat macham², bukan sahaja boleh makan, boleh buat kanji, boleh buat face powder, boleh buat cosmetic, boleh buat industrial dan boleh buat alcohol yang sangat berguna kapada industry. Pada masa itu Yang Berhormat Datin Fatimah dalam Dewan Ra'ayat yang Pertama marah saya, fasal saya kata boleh buat powder, dia kata bohong, tetapi pada hari ini betul boleh buat. Ini-lah yang di-buat daripada ubi kayu, sa-benar-nya boleh buat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ubi kayu ini banyak sangat kegunaan-nya dan banyak juga orang yang makan saperti orang China kebanyakan mereka makan ubi kayu dan sagu-nya, orang Jepun pun makan dan orang England pun makan.

Penjajah dahulu sudah tipu kita. Penjajah kata ubi kayu ini ia-lah satu *killer crop*. Killer crop ma'ana-nya ini satu tanaman yang menjahanamkan tanah, yang menjahanamkan pokok² lain. Masa saya masok Serdang College tahun 1940 saya buka rata buku, saya chari killer crop—saya sambil belajar saya chari—tidak ada satu buku yang mengatakan ubi kayu ini killer crop, maka kerana itu saya tidak perchaya, saya kata orang puteh ini bohong betul, sebab sa-benar-nya ini bukan killer crop. Ada periodical daripada Tanah Melayu masa orang puteh dahulu dalam M.A.J. kata chuma tapioca is an exhaustive crop, ma'ana-nya ubi kayu ini ia-lah satu tanaman yang makan banyak baja, tetapi kalau tanaman itu makan banyak baja tetapi dia mengeluarkan hasil yang banyak apa salah-nya, kita beri tambah baja banyak. Jadi ma'ana-nya kalau sa-orang makan nasi satu kepol, tetapi Ahmad itu dia boleh makan nasi dua kepol tetapi dia boleh bekerja kuat lebeh sama dengan tiga orang kita, berma'ana dia lebeh untong daripada kita lagi. Dia makan dua kepol dia bekerja sama dengan tiga orang yang makan satu kepol, dia lebeh kuat, baik kita ambil dia itu. Bagitu juga ubi kayu, dia makan lebeh, tetapi dia mengeluarkan hasil lebeh. Saya ada experience kerana saya sendiri biasa tanam: saya ada tanah, saya tanam.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ubi kayu ini pada masa sekarang harga-nya lebeh $2.60 sa-pikul. Tolak kapada kilang $2.60. Daripada $2.60 ini chuchi berseh untong $1.00. Sa-kira-nya kalau kita tanam satu ekar kita boleh dapat hasil-nya sa-kurang² 200 pikul. Berma'ana satu ekar kita tanam sampai

musim-nya sa-lama 14 bulan, kita upah orang korek, upah orang jual, satu ekar kita boleh untong sa-banyak $200.00. Jadi kalau masa saya berchakap dahulu F.L.D.A. turut chadangan saya itu, maka F.L.D.A. yang telah membuka kawasan sa-luas 1,000 ekar itu, kalau di-tanam dahulu ubi kayu berma'ana-nya pada satu ekar yang di-buka itu dia boleh dapat $200.00 pada satu musim, pada masa buka itu sa-kurang²-nya dapat tiga musim, jadi F.L.D.A. boleh dapat 600 ekar, sa-lepas itu baharu boleh potong getah atau kelapa bali. Jadi dengan kerana itu kalau 100,000 ekar sudah berma'ana $60 juta Kerajaan boleh dapat daripada ubi kayu ini sahaja. Kalau duit itu dapat sekarang hendak bayar gaji Penyata Suffian itu boleh, tidak gadoh. Kerajaan tidak buat itu. Kita rugi $60 juta. Walhal bukan tidak boleh kerana tanah itu-lah yang kita gunakan tanam getah, tanah hendak tanam ubi kayu itu-lah kita gunakan tanam kelapa bali, bukan tanah lain, tanah itu. Jadi sebab kita tidak buat itu $60 juta—kita buang. Itu ta' apalah. Yang ka-hadapan ini kita buat.

Itu-lah sebab saya kata ubi kayu ini satu cash crop yang besar. Sekarang ini oleh sebab harga getah turun patutlah kita membuka dengan sa-elok²-nya. Dan saya juga meminta kalau sa-benarnya macham Tun Haji Abdul Razak telah pergi ka-Eropah, kalau kita boleh masok Common Market saya perchayalah bahawa production (keluaran) ubi kayu, daripada tepong dan juga daripada sagu ini akan dapat kita jual dengan besar²an di-negeri Eropah dan kita akan dapat banyak duit lagi. Saya harap Menteri Perdagangan dan Perusahaan patut memberi arahan kapada Trade Commissioner kita, yang saya minta dahulu yang Kerajaan telah hantar di-semua Consulate dan Embassy kita, suroh Trade Commissioner selidek tempat yang mereka dudok itu bagaimana chara, siapa yang mahu ubi kayu dan juga sagu ini supaya kita dapat jual lagi berlebehan, barangkali satu hari kita boleh dapat ganti getah.

Perkara yang ketiga yang saya hendak chakap ia-lah padi. Sa-bagaimana saya berchakap fasal padi dua tiga tahun dahulu, saya meminta kapada Kerajaan membuka luas bendang di-Sarawak dan Sabah, kerana saya perchaya bahawa Sarawak ini kalau kita develop betul² tanam padi Sarawak itu boleh jadi jelapang padi bukan untok Sarawak sahaja malahan seluroh Malaysia.

Saya sangat suka hati kerana saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri telah bersetuju bahawa hendak di-buka berluasan di-Sabah dan Sarawak, tetapi sampai hari ini—Menteri Penerangan tidak ada—saya hendak tanya dia, sa-takat hari ini saya tidak dapat tahu bagaimana chara hendak buka ini, chara bagaimana hendak buka tanah itu. Jadi kita chakap hendak buka senang, saya dengar, kita hendak pakai pakar. Saya minta kapada Kerajaan kalau chuma hendak buka tanah di-Sarawak dan di-Sabah itu untok tanam padi tidak usah panggil pakar dari Jepun, tidak usah panggil pakar dari Amerika, buat habis duit sahaja. Pakar kita yang ada di-Tanah Melayu ini boleh buat. Saya sendiri pun boleh buka walau pun saya bukan pakar (*Tepok*). Saya beri tahu mithal-nya kita buka Muda Scheme yang besar sa-kali di-Kedah dahulu berapa banyak pakar kita guna, pakar Jepun, pakar Belgium berapa banyak kita rugi duit. Lagi banyak pakar datang lagi banyak habis duit. Walhal benda itu pakar kita pun chukup, tetapi yang ini irrigation, drainage, barangkali susah sadikit sebab hendak kira alignment, waterfall. Kalau hendak buat bendang pakar kita dalam Pejabat Tanaman ada beribu, siapa pun boleh buat. Kalau kita pakai Head of Department kita bukan sahaja kita boleh dapat chepat tetapi kita untong kerana tidak bayar satu sen pun, mereka ada gaji chuma barangkali kita bayar elaun dia buat kerana di-sana. Kalau kita pakai pakar luar beribu wang kita habis, jadi kita pakai pakar kita sudah-lah.

Yang kedua saya hendak chakap ia-lah perkara bagaimana—tidak ada guna beribu pakar ka-mari menunjokkan kalau orang yang hendak buat itu

tidak boleh buat, pakar bukan hendak pergi tanam sendiri, pakar itu bukan hendak bajak sendiri, pakar chuma khabar bagini²—tetapi orang yang hendak buat itu. Jadi kalau hendak buat bendang jadi maju, saya chadangkan hendak-lah Kerajaan buat pilot scheme, ambil orang sa-ramai 1,000 orang; buat pilot scheme ma'ana-nya orang yang pandai buat bendang daripada orang Perlis, orang Kedah, orang Perak, orang Selangor, orang Kelantan mereka ini orang pandai, bawa mari 1,000 orang buka 5,000 atau 100,000 ekar. Kerajaan mesti tolong beri tractor, tolong beri beneh, Kerajaan tolong mula² beri baja, semua Kerajaan tolong sa-hingga mereka boleh dapat hasil sa-lepas itu baharu-lah kurangkan pertolongan. Apabila kita tengok sa-tahun dua sudah nampak maju, buka lagi, tambah 1,000 ekar lama² boleh banyak.

Jadi kalau kata macham saya, macham dahulu kita dalam surat khabar kalau Kerajaan hendak panggil orang Indonesia datang ka-mari, buka sawah², itu pun tidak jadi Kalau orang itu nama sahaja orang kampong biasa buat bendang, tidak usah pergi-lah, tidak pula buat. Orang yang biasa toreh getah, pergi buat bendang, dia tidak boleh buat. Kalau hendak suroh buat bendang, chari betul² orang buat bendang, baharu-lah boleh buat bendang. Jadi, oleh sebab itu saya fikir kalau Kerajaan hendak buat, kena-lah Kerajaan mengadakan pilot scheme saperti saya kata tadi, yang mengambil betul² orang yang membuat bendang, hantar ka-sasuatu tempat, sa-tempat habis, sa-tempat, sa-tempat, sa-tempat, baharu-lah esok² boleh selesai pula.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, perkara luar negeri. Saya selalu-lah berchakap perkara luar negeri. Ada satu perkara yang saya hendak berchakap ia-itu fasal Consulate kita. Kita sudah ada banyak Consulate kalau boleh kita buka sampai ka-Russia, sampai Yugoslavia, sampai di-South Africa, sampai ka-Africa. Saya yang hairan dengan sa-ribu hairan di-New Zealand kita ini fasal apa New Zealand kita tidak adakan High Commissioner, sudah lima tahun New Zealand ada High Commissioner di-Kuala Lumpur. Kalau Singapura baharu merdeka yang kechil boleh hantar High Commissioner di-New Zealand, mengapa kita tidak boleh hantar? Jadi saya berasa malu, bukan malu sahaja, kerana masa saya pergi sana, saya dapat tahu kalau kita ada High Commissioner kita di-sana, kita ada Trade Commissioner di-sini, maka kita boleh berniaga sa-luas-nya dengan Australia, dengan New Zealand, kerana mereka berkehendakkan banyak kayu balak daripada kita. mereka berkehendak perkara ubi² kayu hendak buat biscuit, hendak buat apa daripada kita dan kita berkehendakkan makanan banyak daripada mereka, daripada mutton, beef, daripada susu dan lain²-nya. Jadi, dengan kerana kita tidak ada, kita hanya ada High Commissioner di-Australia itu. mana-kah hamba Allah itu boleh pergi, Australia satu continent dan hendak mari pun tidak menchukupi.

Saya harap-lah kapada Kerajaan tolong-lah sa-berapa daya hantar-lah kalau tidak boleh, skeleton pun jadi-lah buat sementara dahulu supaya nampak saya, diri saya, saya pun tidak seronok barangkali mendengar High Commissioner New Zealand mereka pun merasa kechil, kita pun tidak seronok. Kalau mereka boleh hantar kapada kita, patut-lah kita hantar kapada mereka.

Yang penghabisan sa-kali ia-lah perkara MARA oleh kerana Yang Berhormat Enche Ghafar Baba ada ini, saya suka dia mendengar perkara MARA ini. Saya sangat-lah bersetuju dan saya menguchapkan tahniah kapada MARA sekarang ini kerana kejayaan MARA baharu² ini sangat-lah bagus, tambahan pula Enche Ghafar Baba masok ini nampak-nya chukup giat kerana MARA kita ada banyak budak² yang meminta masok ka-School of Technology, yang mana saya pun recommend banyak dapat. Saya tengok bagus-lah sebab budak² bumiputera boleh belajar dan di-situ juga-lah di-MARA itu boleh belajar typing semua macham², tetapi saya susah sadikit ini

satu perkara MARA scholarship yang hendak saya chakap.

Saya ada anak sa-orang yang dudok di-University Tasmania, Australia, dia beritahu saya, dia pun macham saya juga-lah, dia kasehan tengok budak² MARA scholarship, kerana dia kata scholarship dapat terlampau sadikit sangat dan tidak menchukupi. Jadi MARA bagi scholarship itu ia-lah sa-banyak $70 Australian kapada sa-orang sa-bulan. Dalam $70 itu dia kena bayar $60 untok makan, dan untok tidor. Jadi, ada baki sa-banyak $10 bersamaan duit kita $40. $40 duit kita ini ia-lah beli buku, dan juga hendak beli kain baju sa-bulan, nasib baik-lah budak² itu tidak hisap rokok, kalau hisap rokok, duit rokok sahaja habis $40 sa-bulan. Jadi, sebab itu kasehan-lah budak² ini sampai masa dia tidak belajar tidak boleh dia pergi berkawan² dengan penuntut² lain, oleh sebab tidak chukup duit. Jadi oleh sebab itu dia kata sa-bagai kita ra'ayat Malaysia ini malu juga kapada orang yang dudok kata orang chakap apa budak² Malaysia ini tidak boleh, kalau Kerajaan sudah tidak boleh bagi tidak usah datang-lah.

Oleh itu saya minta-lah kapada Enche' Ghafar Baba ia-itu Pengerusi MARA patut-lah timbang perkara ini, kerana saya tahu baik² sekarang ini MARA yang di-beri kapada bumiputera di-hantar di-beri scholarship sakian, dia tidak kira bapa-nya itu boleh bayar atau tidak, bapa-nya Officer Division I-kah, bapa-nya Division II-kah, bapa Division IV-kah, bapa peladang-kah, semua di-beri scholarship sa-macham. Jadi saya fikir untok mengatasi ini kalau saya chadang bagi MARA College yang hantar keluar negeri ini patut-lah di-timbang sama bapa itu sa-kali, kalau bapa-nya kata-lah M.C.S. punya orang, kita bagi scholarship dia itu kurang sadikit, sebab-nya bapa-nya boleh menghantar sadikit tambah. Kalau bapa-nya si-peladang itu kita bagi lebeh sadikit. Jadi, macham ini saya kata pendek-nya kalau yang bapa yang ini bagi $70 bapa yang susah bagi $100. Jadi, ada-lah beza itu sadikit. Kalau macham sekarang ini nampak MARA kira-nya anak bumiputera dia pakai lochoh, awak orang miskin, awak orang kaya; yang kaya tidak apa-lah, bapa dia boleh beri, yang miskin ya-Allah kasehan-lah dia itu.

Jadi, saya harap kapada MARA yang lain semua ia buat, bagus-lah! Yang ini pun kalau boleh perelok sadikit, kasehan-lah budak² itu, anak saya pun dia kata dia sendiri pun tidak keluar kerana kasehan budak² ini, dia sama juga dengan mereka. Oleh sebab itu saya harap-lah kapada Enche Abdul Ghafar Baba tolong-lah tengok atas scholarship MARA ini dan perelokkan supaya kena-lah kapada budak² bumiputera yang miskin itu. Sakian-lah.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang sa-penoh-nya atas Uchapan Terima Kaseh yang telah di-lafazkan oleh Yang Berhormat Dato' Foo See Moi di-atas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ka-dalam kedua² buah Dewan ia-itu Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara pada 6 haribulan Jun yang baharu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil masa yang panjang hanya hendak menyentoh sadikit uchapan² yang berguna yang telah di-lafadzkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kapada kedua² buah Dewan ini. Satu perkara yang sangat menarek perhatian saya ia-lah berkenaan dengan kemajuan pelanchongan yang telah berjalan dalam negara kita sejak beberapa waktu yang kebelakang ini dan kemajuan pelanchong ini telah membawa satu hasil negara yang besar, ia-itu sa-banyak $28.5 juta kapada hasil negara kita. Ini-lah ada satu²-nya saya nampak, satu badan pelanchongan yang telah betul² berusaha untok membawa mata-wang luar kapada negara kita dan saya nampak dalam segi pelanchongan ini patut-lah kita mengadakan lebeh banyak usaha² dan tenaga bagi memperkenalkan negara kita kapada negara² jiran yang berdekatan. Mithalnya kalau-lah dapat bagi pehak badan pelanchongan ini bekerjasama dengan

Jabatan Penerangan juga saperti Film Negara dan sa-bagai-nya bagi memperkenalkan bagaimana chorak pemerentahan tanah ayer kita, juga dengan memperkenalkan tentang tingkah laku yang tulus ikhlas, pendudok2 di-Malaysia dan juga tentang rupa bangsa yang ada dalam negara kita dan lagi perkara pemandangan2 yang indah2, dan perkara2 macham ini yang saya kaitkan dengan Kementerian Penerangan tadi ia-lah berkenaan dengan risalah2. Risalah2 ini harap-lah dapat risalah2 yang baharu yang dapat di-sebarkan di-hotel2 yang mana menjadi tempat tumpuan pelanchong2, tidak usah kata kapada Station Hotel sahaja sudah-lah. Kita nampak tidak ada sa-barang risalah yang hendak memperkenalkan negara Malaysia ini terpaksa macham pehak pelanchong2 ini pergi ka-Kementerian Penerangan kita, atau pun pergi tertanya2 bagaimana-kah bentok rupa pemerentahan Malaysia dan berbagai2 lagi.

Ini ada-lah satu perkara yang saya rasa mustahak sangat bagi negara kita, bagaimana menarek pelanchongan2 kita juga. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Duta2 kita yang ada pada negeri2 yang berdekatan saperti di-negeri Thailand, gunakan-lah sapenoh2 kesempatan, kerana pelanchong2 banyak-nya singgah di-negeri Thailand, kalau-lah ada saudara-mara daripada pehak orang2 Amerika pergi melawat, mengziarahi anak dan saudara mereka yang ada di-Vietnam sadikit sabanyak mereka singgah di-Thailand, tetapi tidak ada sa-barang penerangan pun berkenaan dengan Malaysia ini yang dapat di-sampaikan kapada pelanchong2 itu. Gunakan-lah saperti Jabatan2 Pelanchong yang ada di-Lapangan2 Terbang International di-Bangkok sana dan juga segala jalan yang boleh bagi hendak memajukan Jabatan Pelanchong ini.

Ini terutama sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, sa-masa lawatan saya ka-India baharu2 ini saya dapat singgah di-Pejabat Pesurohjaya kita di-India, ia-itu di-masa itu saya berdiri lebeh daripada sa-tengah jam, tidak ada sa-orang pegawai pun mempelawa saya masok sa-telah mengenalkan diri saya dan juga ada empat lima orang penuntut2 yeng bersama dengan saya. Tidak ada sa-orang pun daripada pegawai yang ada di-pejabat Pesurohjaya kita itu mempelawa masok, jauh sa-kali kalau hendak memberi risalah yang berkenaan dengan Malaysia. Sa-tengah2 daripada penuntut2 kita telah ada sampai tiga empat tahun di-India sana, tidak tahu apa-kah perubahan yang berlaku kapada negara-nya; jauh sa-kali kalau hendak dapat membacha surat2 khabar negeri kita. Ini-lah perkara2 yang patut Kerajaan kita mengambil tindakan dengan tegas-nya dan sa-terus-nya betul2 memperkenalkan negara kita.

Kita tidak hairan-lah kalau macham di-Thailand sana bukan ada banyak sangat perkara, melawati Chengmai (a land of beautiful women) dan sa-bagai-nya, tetapi apabila kita pergi di-Chengmai, tidak ada apa benda yang hendak kita lihat. Bagitu-lah chara publicity telah di-gunakan sa-bagai memperkenalkan negeri Thailand itu. Berduyun2 orang pergi ka-sempadan Siam pada tiap2 minggu, kalau di-Golok dengan chara Golok-nya, Rantau Panjang dengan chara Rantau Panjang-nya, semua hendak melawat keadaan ka-indahan-nya, tetapi apa yang dapat di-lihat di-Golok sana tidak ada benda. Bagitu juga kalau hendak di-katakan di-Rantau Panjang, tetapi pandai-nya Jabatan2 Pelanchong di-sana menarek perhatian orang2 di-Malaysia sini.

Saya minta-lah kalau dapat ia-itu saya hendak berchakap panjang sadikit ia-itu kalau boleh-lah bagi pehak Kementerian Penerangan berhubong dengan panggong2 wayang, gunakan-lah sa-genap aspek yang ada untok memperkenalkan negeri kita kapada orang kita sendiri. Jangan-lah saperti keadaan orang2 Melayu kita, ma'af saya mengatakan kalau yang mana dapat pergi menunaikan fardu Haji-nya mengatakan bahawa Mekah itu ada-lah sa-buah negeri besar yang chantek dan sa-bagai-nya oleh kerana orang2 ini jarang berjalan dalam negeri-nya sendiri. Tetapi apabila mereka telah

melangkah laut, telah pergi sampai ka-Tanah Suchi chuma keindahan tempat orang sahaja yang nampak, tapi kalau hendak suroh tanya apa-kah yang berlaku di-sana mereka sendiri kadang² Kuala Lumpur pun tidak pernah sampai. Ini-lah dia keadaan-nya. Orang kita bukan tidak ingin hendak melanchong, ingin hendak melanchong, tetapi saperti penerangan dan galakan untok melakukan kunjongan² ka-tempat² itu tidak ada. Dan saya rasa kalau-lah keadaan kita memaksa orang membayar chukai, memang orang membayar-nya tetapi dengan keadaan kurang menyenangkan, tetapi dalam hal ehwal melanchong ini dengan senang sahaja mereka telah mengeluarkan wang ringgit dan dengan rasa puas hati.

Dalam Titah Uchapan pada hari itu tidak-lah hendak saya menyentoh perkara² yang besar², tetapi satu perkara yang tidak patut saya lupakan ia-lah berkenaan dengan Persidangan Perjanjian Pertahanan bagi Tenggara Asia yang di-adakan di-Kuala Lumpur pada hari ini, suka-lah juga saya mengambil sempena itu, ia-itu merayu kapada pehak Kementerian Pertahanan ia-itu kenang-lah tentang nasib tentera² wataniah kita, yang mana telah di-berhentikan perkhidmatan mereka itu. Tentera² Wataniah ini mengikut dalam Hujongan Khas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebut bahawa dekat 1,000 orang telah di-beri peluang untok menyertaï Ranchangan Tanah F.L.D.A. dan sa-bahagian-nya. Ini ada-lah satu penghormatan yang baik yang telah di-berikan kapada sa-bahagian daripada berpuloh² ribu lagi Tentera² Wataniah ini. Tetapi yang lain² itu hanya uchapan terima kaseh yang telah di-lafadzkan oleh Seri Paduka Baginda kapada mereka itu

Saya rasa dengan hanya menguchapkan terima kaseh tidak-lah memadaï, Dato' Yang di-Pertua, kerana khidmat mereka ini sejak tahun 1953 lagi, lima tahun telah berlampau dan lima tahun ini pemuda² kita yang mana di-masa itu berumor 20 tahun meningkat 25 tahun. Kalau-lah mereka hendak menchari sa-barang pekerjaan di-dalam Jabatan² Kerajaan jauh sa-kali, kalau umor mereka telah lewat dan kalau hendak mengkaji tentang kebolehan mereka ini, mereka telah di-beri peluang ia-itu sa-lama lima tahun melatehkan diri mereka dalam sa-genap tindak-tandok sa-bagai sa-orang askar dan saya rasa untok menampong tempat² yang di-tinggalkan oleh Tentera² British ini sadikit sa-banyak-nya, bukan-nya semua, ia-itu di-mana yang patut, saya rasa, patut-lah kita ambil kembali Tentera² Wataniah ini, kerana mereka, jasa² mereka, dan juga semangat perwira yang ada kapada mereka itu sudah sa-patut-nya kita mengambil budak² kita yang telah berkhidmat itu. Daripada mula kita hendak rekerut pemuda² yang baharu, memberi latehan baharu yang akan mengambil masa bertahun² pula lama-nya. Ini-lah saja rayuan yang saya minta kapada Dewan ini, ia-itu supaya kalau dapat kita di-samping kita memberi uchapan terima kaseh, kenangkan-lah jasa dan khidmat mereka itu.

Dato' Yang di-Pertua, kerana kita perchaya dalam hal ehwal pertahanan ini negara kita akan menggunakan banyak daripada wang negara kita dalam soal pertahanan, maka saya suka-lah menchadangkan kapada pehak Kerajaan kita sampai-lah masa-nya bagi pehak Kerajaan kita mengeluarkan Bon² Pertahanan Negara. Kerana masa ini-lah kita hendak menguji tentang ta'at setia ra'ayat² yang ada dalam negeri kita ia-itu di-samping mereka hidup bersenang lenang dalam negeri kita, kenang-lah kapada negara apabila kedudokan kewangan negara kita yang kurang menyenangkan hati masa sekarang ini.

Dato' Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya pada 12hb Mach, 1968 ini juga, di-mana bank telah mengishtiharkan bahawa chek² Singapura tidak dapat di-tukarkan buat beberapa hari sahaja di-Malaysia ini, maka telah timbul-lah kegelisahan di-antara hartawan², di-antara orang² yang mempunyaï wang ringgit yang banyak yang

mereka telah menanam modal ia-itu serupa macham fixed deposit di-Bank² di-Singapura. Orang² macham ini telah merasa gelisah sangat, termasok-lah Dato' Cheah Toon Lok, ia-itu orang macham ini telah merasa gelisah. Mengapa yang saya rasa pelek sa-kali, mengapa yang mereka itu tidak menanamkan wang mereka di-dalam bank² yang ada di-Malaysia sendiri daripada orang yang macham Dato' Cheah Toon Lok dan berbagai² lagi-lah minta mereka itu tolong-lah membeli Bon² Pertahanan Negara dan Bon² Pertahanan Negara ini juga akan memberi faedah yang setimpal dengan penanaman modal mereka itu. Di-samping mereka boleh berkhidmat kapada negara di-situ-lah juga mereka akan mendapat keuntongan yang berpatutan dan tidak lagi menyimpan wang² yang banyak di-dalam bank² yang ada di-negara tetangga kita. Kalau kita mengharapkan pertukaran wang asing saperti foreign exchange tidak apa-lah kalau negara² yang lain, tetapi kalau macham wang nilaian Singapura dengan nilaian wang Malaysia ini bedza-nya itu tidak banyak sangat, maka dari itu-lah, Dato' Yang di-Pertua, saya shorkan sudah sampai masa-nya Kerajaan kita mengeluarkan Bon² itu bagi keselamatan negara kita juga.

Satu perkara sahaja yang saya hendak menyentoh ia-lah berkenaan dengan Perjanjian Persahabatan kita dengan pehak Indonesia. Perjanjian ini telah di-tanda-tangani dan saya nampak Perjanjian Persahabatan kita dengan Indonesia memang telah baik sa-mula, tetapi yang rasa kurang senang hati pada diri saya ia-lah sa-telah selesai Perjanjian Persahabatan ini di-tanda-tangani, yang nampak untok-nya ia-lah bagi pehak orang Indonesia saja ia-itu rombongan demi rombongan, daripada seni budaya-nya, rombongan pop dan berbagai lagi banyak sangat yang datang ka-Malaysia ini. Tetapi balasan daripada kita kapada negara mereka itu tak nampak jalan langsong. Jauh sa-kali kalau hendak di-katakan perdagangan antara kita dengan Indonesia. Ini-lah masa-nya, Dato' Yang di-Pertua, yang patut pemuda² kita, bumiputera² yang mana yang chenderong di-dalam hal ehwal perdagangan dengan pehak² Indonesia ini, patut-lah daripada sekarang ini mengambil langkah, kerana dalam segi ekonomi kita baik-nya negara tetangga kita Indonesia dengan Malaysia di-situ-lah terjamin-nya persahabatan dan seterus-nya ekonomi bagi kedua² buah negara. Ini-lah, Dato' Yang di-Pertua, yang patut kita minta kapada semua Kementerian yang berkenaan, ia-itu persahabatan ini jangan-lah tinggal sa-bagai persahabatan di-samping itu dalam segi perdagangan juga hendak-lah sama selaraskan dengan hal ehwal persahabatan.

Dalam hal ehwal yang lain tidak ada-lah yang saya hendak kemukakan hanya satu perkara sahaja ia-itu kalau-lah perkara ini melibatkan wang negara, tetapi sadikit sangat ia-itu dalam satu masaalah yang di-hadapi di-antara sempadan Kedah dengan Perak, ia-itu sa-buah bandar yang terpenchil sa-kali ia-itu Bandar Baharu dalam daerah Kedah Selatan yang mana menghubongkan di-antara Bandar Baharu dengan Parit Buntar terpaksa di-gunakan ferry Ferry ini pada masa dahulu kena bayar tambang, tetapi sa-telah rayuan demi rayuan di-buat, maka ferry ini telah tidak di-kenakan tambang. Maka akhir²-nya yang saya dapat tahu satu ferry yang terpaksa di-tarek wayar sahaja. Orang² telah menaiki ferry itu 50 atau 60 orang, hampir² ferry itu akan karam dan perkara ini telah berlarut dari satu masa ka-satu masa. Timbul kegelisahan kapada pehak orang² yang tinggal di-seberang Bandar Baharu itu, kerana di-gunakan ferry itu bukan untok orang ramai, tetapi untok kereta, untok lori dan sa-bagai-nya. Nampak-nya hanya sa-buah kereta sahaja yang dapat naik, yang lain di-penohi dengan orang². Kalau-lah dapat saya merayu kapada Kerajaan kita adakan-lah jambatan yang sementara atau pun apa chara juga bagi hendak merenganken daripada berlaku-nya kemalangan kapada pendudok2 yang ada di-situ.

Jadi perkara yang macham ini tidak dapat di-elakkan. Kalau hendak di-bandingkan ferry² di-tempat lain boleh di-katakan tidak ada sama sa-kali, tetapi malang-nya negeri Kedah yang menghubongkan antara Kedah dengan Perak sahaja ada lagi sa-buah ferry yang betul² akan memakan nyawa kalau tidak dapat di-selamatkan dengan segera.

Saya rasa sa-takat itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, dan saya ulang-kan lagi sokongan saya kapada Uchapan Terima Kaseh kapada Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sakian sahaja, terima kaseh.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Sir, as a matter of clarification, as I did not want to disturb the trend of thought of the charming Senator. I have all my money deposited in Malayan banks, not in Singapore banks. (*Laughter*)

**Tuan K. R. Somasundram** (*dengan izin*) Mr President, Sir, I have great pleasure in rising and joining the many Honourable Members of this House to support the Motion of Thanks to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong for his Gracious Speech outlining the progress and achievements of our Government. There is no doubt whatsoever that we have made great progress politically, economically and, of course, in paving ways and means for a prosperous future to the coming generations. In the midst of this happy situation, as has rightly been pointed out by His Majesty, we cannot afford to be complacent. Our strides of progress, national unity, and providing a happy and harmonious environments for the people of the country should not and cannot be slowed down even if we have to make sacrifices to achieve our aims. In this respect, Sir, I feel more emphasis should be made for austerity in not only the Government sector but in the commercial sector too, starting from the highest strata. The ordinary man in the street, every citizen in this country, be he rich or poor, should be made to realise and feel the stringent financial situation the nation is facing today. Then, I feel, Sir, the ground for the people of this country to face the situation cheerfully and squarely would have been made. As it has always been, the loyal people of this country have made sacrifices and are capable of making sacrifices in the face of such difficulties. And even if it is too much to assume that some would take a cut in their pay packet, at least the demand for higher remuneration can be sacrificed or at least withheld until the nation is placed in a more happier financial situation. There may be genuine hardships and insufficiency in the lower income groups, which must be looked into and grievances solved as early as possible.

Mr President, Sir, apart from this I have only one point. Coming from a predominantly agricultural State, that is, Kedah, and having been associated with rural people, particularly those on plantations, it is not only natural but also my duty, as one of Kedah's representatives in this House, to express my concern and my suggestion regarding the often publicised but not to a similar extent emphasised and given specific due treatment, i.e. the subject of sub-division of estates. The Government has, since 1957, examined the effects of sub-division of estates and various committees and other authorities have reported elaborately and have recommended specifically in many instances the measures to control and combat the ill-effects of sub-division. Some of these recommendations have since been implemented by Government. Although these measures have undoubtedly contributed towards the easing, to some extent at least, of the considerable hardship and difficulties experienced by the workers and their dependents, a lot of them have lost their only means of livelihood, namely, their employment, as a result of sub-division of estates, which still remains a major problem, the solution to which can be brought about, without exaggeration, only by the Government. Scores of estates have been sub-divided resulting in thousands of

workers losing their employment and they and their dependants being uprooted, in a majority of cases, from their birth places and having to go round for alternative employment and accommodation. This process still continues and it is paining to see that this state of affairs should be permitted, or even allowed to continue, or even to exist at all, by our Government at a time when it has dedicated itself to the introduction of social security measures for the workers of this country. It is not uncommon to see that workers on these sub-divided estates earn as little as $1.50 a day. The problem of these unemployed and underemployed workers is not without solution. In support of this, Sir, with your permission, I would like to cite paragraph 6 of the Appendix to His Majesty's Address, that is—

"This country is endowed with ample unused land of potentially high fertility and unemployed and under employed labour. This year should witness the capitalising upon these potentialities by the application of liberal land alienation policies for accelerated agricultural development."

Sir, I fervently hope that my observations on the Royal Address and the Appendix thereto have been correct and that the unfortunate workers and their dependants will soon benefit from the Government's agricultural policy and thereby have restored to them the opportunity to earn their livelihood and self-respect, and at the same time the opportunity to make their contribution towards the nation's productivity and economic advancement. As these people with their traditional agricultural characteristics, training and experience can be expected to fit into any Government agricultural schemes, almost as naturally as a duck takes to water, there need be no fear in giving them top consideration for land allotments under Government's agricultural schemes, especially at the present juncture when their chances of finding any alternate employment have been very poor, particularly depleted by the current unfavourable price of rubber. Thank you, Sir.

**Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Tuan Senu bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya chuma ada satu jawapan sahaja yang hendak saya jawab di-sini, ia-itu tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat Senator Saidon Kechut berhubong dengan menambahkan ranchangan bahasa Melayu di-dalam talivishen. Memang-lah menjadi dasar Kerajaan ia-itu hendak memperbanyakkan lagi ranchangan² bahasa kebangsaan ini di-dalam talivishen, tetapi pada masa ini oleh kerana kekurangan kelengkapan², alat² dan juga tempat kerana talivishen ini pun maseh menggunakan tempat yang lama juga belum berpindah ka-tempat yang baharu. Maka dengan sebab itu-lah ranchangan di-dalam bahasa kebangsaan itu tidak dapat di-tambahkan. Walau bagaimana pun, ranchangan apa yang telah di-buat, umpama-nya, mengadakan siaran², keterangan² dalam bahasa kebangsaan telah di-buat dan dalam bulan akan datang ini ia-itu dalam bulan Julai, satu ranchangan atau satu programme, dubbing dalam sa-buah filem ka-dalam bahasa kebangsaan akan di-jalankan ia-itu sa-bagai satu perubahan yang saya harap perchubaan ini akan dapat berjaya dan dengan demikian dapat-lah Kementerian ini menambahkan lagi mendubbingkan filem² dalam bahasa Inggeris ka-bahasa kebangsaan.

Dalam soal ini sa-kali lagi suka menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu ada-lah menjadi dasar Kementerian saya, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, ia-itu menjadi dasar Kerajaan juga kerana bahasa kebangsaan telah di-terima menjadi bahasa rasmi yang tunggal, semenjak pada 1hb September, 1967, maka semenjak bulan September, 1967 itu, ranchangan², baik di-dalam radio atau pun talivishen, ada-lah di-dasarkan kapada menambahkan ranchangan² di-dalam bahasa kebangsaan sa-mata². Dengan lain perkataan, manakala ada kelengkapan², kemampuan² untok menambahkan ranchangan² dan menukarkan ranchangan² daripada bahasa Inggeris sa-umpama-nya, maka ranchangan akan di-buat

daripada bahasa Inggeris ka-bahasa kebangsaan. Ini ada-lah menjadi ranchangan daripada pehak Kementerian dan juga dasar Kerajaan.

Saya suka tegaskan di-sini juga supaya jangan ada lagi kesalahan², kesilapan daripada sa-tengah² pehak yang menuntut supaya bahasa² lain di-perbanyakkan lagi, sama ada di-Radio dan Talivishen. Dasar Kerajaan sa-bagaimana yang saya katakan tadi, semenjak 1hb September, 1967, ia-lah kalau hendak menambahkan ia-lah menambahkan dalam bahasa kebangsaan. Tetapi bahasa² lain yang ada dalam talivishen dan radio hari ini tidak akan di-kurangkan dan tidak pun juga akan di-tambahkan. Itu-lah dasar yang ada pada hari ini, saya harap jangan-lah ada kekeliruan lagi, kerana daripada satu masa ka-satu masa saya memang dapat surat dan berbagai² dari berbagai² golongan yang meminta di-tambahkan programme, ada yang meminta di-tambahkan programme bahasa Inggeris, ada yang minta tambah programme bahasa Melayu, Tamil atau pun bahasa China. Jadi ini dasar yang berjalan dan akan berjalan pada masa yang akan datang. Jadi itu-lah satu nampak-nya soalan yang tepat di-tujukan kapada Kementerian saya.

Chuma saya suka memperbetulkan sadikit Yang Berhormat Senator Bibi Aishah ada menyebut² berkenaan dengan Jabatan Pelanchongan. Yang sa-benar-nya pelanchong bukan di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Pelanchongan ada-lah mempunyaï Jabatan sendiri di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, tetapi walau bagaimana pun saya memang bersetuju kapada chadangan Yang Berhormat Senator itu, ia-itu di-antara dua Kementerian ini memang kita bekerjasama. Kementerian Penerangan dan Penyiaran kita mempunyaï wakil² di-luar negeri dan kita menchuba sa-berapa banyak yang kita boleh sa-bagaimana yang kita buat sa-bagai tanggong-jawab² kita memberi penerangan kapada negeri² lain kapada orang² luar. Tetapi tanggong-jawab yang tetap mengenaï pelanchongan itu ada-lah di-letakkan di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, dan saya perchaya sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat juga faham, ia-itu Kerajaan telah pun menetapkan perbelanjaan yang sa-bagitu banyak mulaï pada tahun ini untok memperhebatkan lagi atau pun memperkuatkan lagi ranchangan² mengenaï pelanchong ini, kerana kita tahu pelanchongan ini ada-lah satu perusahaan yang besar, kerana sa-tengah² negeri bergantong besar kapada pelanchongan ini. Dan sa-tengah negeri pelanchongan ini ada-lah merupakan satu perusahaan yang paling besar. Jadi saya perchaya di-Malaysia ini juga kita pun mempunyaï harapan yang penoh yang pelanchongan ini akan menjadi satu perusahaan yang besar kapada negeri kita.

Lagi satu berkenaan dengan perkara ini juga Puan Aishah tadi ada menyebutkan berkenaan dengan Perjanjian Persahabatan dengan Indonesia dan saya sebutkan di-sini kerana Puan Bibi Aishah ada menyentoh sadikit berkenaan dengan lawatan di-antara kedua buah negara ini sa-lepas kita mengadakan Perjanjian Persahabatan atau sa-lepas tamat-nya konfrantasi. Puan Bibi Aishah menyatakan nampak-nya sa-lepas kita mengadakan Perhubongan Persahabatan ini chuma one way street sahaja. Jadi chuma yang datang daripada Indonesia ka-sini, dan kurang sangat daripada sini ka-Indonesia. Saya fikir masaalah itu bukan-lah masaalah yang sengaja kita buatkan, tetapi masaalah itu kalau kita pandang balek daripada segala segi, daripada financial position, economic position, daripada social position macham² lagi segi-nya. Jadi kita akan dapat tahu mengapa dan apa sebab-nya, mengapa tidak banyak, pendek-nya rombongan² daripada sini pergi ka-Indonesia, tetapi lebeh banyak lagi rombongan² daripada Indonesia datang ka-sini. Saya ingin tidak payah saya hendak terangkan dengan panjang lebar, tetapi itu-lah keadaan-nya yang sa-benar-nya, bukan-nya kita tidak

mahu. Saya sendiri pun bagi Kementerian saya memang sedang meranchang untok menghantarkan satu rombongan kebudayaan yang akan di-sokong oleh Kerajaan sendiri untok melawat Indonesia.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi sadikit penjelasan atas uchapan Yang Berhormat Senator Abdul Samad bin Osman terutama sa-kali berkenaan dengan lori² yang lari laju². Ini memang-lah bukan satu perkara yang baharu bahkan pehak polis—kita menguchapkan terima kaseh kapada Polis Lalu-lintas—terutama sa-kali di-jalan² besar di-Kuala Lumpur ini memang di-ambil tindakan yang keras dan baharu² ini Pesurohjaya Pengangkutan Jalan Raya telah pun memberi penjelasan dalam surat khabar ia-itu lebeh 100 pemandu² lori yang mana daripada pehak orang ramai telah merepotkan kerana lori laju² dengan tetap tempat-nya, waktu-nya di-mana batu dan pemandu² lori itu telah pun di-panggil dan di-siasat dan banyak telah pun mengaku salah, sebab itu telah pun di-gantongkan lesen-nya, kerana membawa lori²-nya mengikut pada beberapa kali-nya dan berapa laju-nya. Maka saya minta Ahli Yang Berhormat itu sendiri bekerjasama, kerana tentu-lah ia berchakap daripada pengalaman-nya dalam perjalanan beliau, kalau tidak naik keretapi, kerana keretapi ini banyak asap, kotor kata-nya, barangkali bawa kereta sendiri bagus.

Kalau-lah dalam perjalanan dari Sungai Patani sampai ka-Kuala Lumpur ini barangkali nampak lori² lari laju tolong-lah beri nombor lori itu, tarikh-nya, jam dan haribulan-nya. Maka sama ada hantar terus kapada saya atau pun kapada Pesurohjaya Pengangkutan atau pun kapada Pendaftar yang berhampiran, maka kami akan memanggil pemandu² lori itu, dan kebanyakan mereka itu telah sedar, mereka tidak-lah hendak bersoal jawab, tetapi malang-nya kalau ia hendak soal jawab, kita kena juga, pada satu waktu, mengadakan saksi, kerana kita tidak boleh menghukum atau menahan lesen-nya, melainkan chukup keterangan, tetapi kebanyakan-nya mereka mengaku salah.

Saya terlebeh dahulu mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh bagi pehak orang ramai yang telah memberi kerjasama-nya, ia-itu menyebabkan banyak-nya tindakan² yang telah di-ambil kapada pemandu² lori—itu akan menjadi satu chontoh kapada yang lain. Maka saya minta-lah Ahli Yang Berhormat itu, terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Sungei Patani, kalau ada lagi ingat di-mana tempat atau batu-nya, tolong-lah di-beritahu, kita akan siasat dan akan ambil tindakan. Kalau betul ia lari kuat, dia mengaku.

Berkenaan dengan shunting di-Sungei Patani—ini bukan shunting, bukan saja Sungei Patani baik pun di-Tanjong Malim baik pun dalam negeri saya sendiri Johor Bahru, ini kena-lah pehak keretapi kerana rel keretapi itu dah ada lebeh dulu ikut polisi mana yang datang kemudian kalau jalan itu datang kemudian, maka pehak Kerajaan Negeri kalau-lah jalan itu Jalan Federal, Kerajaan Federal yang kena buat jambatan atau hendak tinggi atau macham chara, ini soal perbelanjaan. Bagitu juga pada waktu bas berlanggar di-negeri Perlis crossing yang tidak ada jambatan dan tidak ada orang menjaga di-situ, saya sendiri telah mengambil berat menyiasat segala²-nya dan telah pun di-persetujui tentang hendak buat jambatan tinggi, di-mana keretapi boleh jalan di-bawah-nya, tetapi apabila soal wang hampir $1,000,000 Kerajaan Persekutuan pun keadaan kewangan hari ini tidak-lah bagitu senang, maka perkara itu kena-lah di-tanggohkan. Walau macham mana pun Ahli Yang Berhormat itu mengatakan yang jambatan itu kalau buat berharga barangkali $40,000 itu agak Ahli Yang Berhormat. Kita akan siasat-lah dan akan berhubong dengan

pehak Keretapi dan pehak yang berkenaan sama ada Kerajaan Negeri, atau Kerajaan Persekutuan yang akan kena-mengena dengan perkara jambatan atas, kerana hendak mengelakkan tutup jalan lama², jadi susah orang hendak lalu-lalang.

Yang ketiga-nya berkenaan keretapi, kata-nya tadi pamchit. Yang saya tahu keretapi tidak pakai tayar, ada dinamakan tayar, tetapi tayar itu baja, dia tidak ada pamchit, dia tergelinchir ada.

Saya faham-lah bila pamchit itu berma'ana keretapi atau kereta tidak jalan, boleh jadi injin rosak, kereta baru pun boleh jadi rosak, dia kena berhenti, kena pereksa, tetapi antara Gemas dengan Johor Bahru, Gemas dengan Kuala Lumpur, ada beberapa tempat selekoh² dan jalan-nya ada juga rel tidak bagitu kuat dan sedang di-perbaiki bergilir² dari satu masa ka-satu masa. Sebab itu kita bagi basi di-Gemas itu dalam satu jam, maka kalau terlewat 10 atau 20 minit, atau pun sa-tengah jam, dia boleh mengejar waktu, tetapi kalau Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd. Noah geleng² kepala barangkali lebeh daripada satu jam atau dua jam ada lebeh empat jam, barangkali ada lebeh besar lagi kerja rel itu kerana membetulkan tergelinchir, kereta yang membawa gerabak atau cargo, tetapi malang-nya Ahli Yang Berhormat barangkali tak nampak di-situ kerana perkara ini telah jadi jauh lebeh dulu, apabila di-betulkan memakan waktu.

Dengan itu, saya bagi pehak Kementerian Pengangkutan dan bagi pehak Perkhidmatan Keretapi, kami lebeh² lagi tidak mahu lambat, tak mahu menchari fasal dan bala, tetapi kalau malang itu tidak berbau, ini-lah sa-kali sa-kala kita kena-lah minta ma'af tetapi kalau Ahli² Yang Berhormat hendakkan supaya lekas, saya juga bertanggong-jawab atas polisi M.S.A. atas Malaysia-Singapore Airlines, saya harap Ahli² Yang Berhormat tidak usah-lah naik keretapi lagi, kalau hendak lekas, naik-lah kapal terbang dan saya perchaya dalam urusan Parlimen ini ada tiga peluang, naik keretapi, naik kapal terbang, naik kereta; itu terpulang-lah. Tetapi kalau sudah naik dan tergendala, saya minta ma'af lebeh dahulu, kerana pehak keretapi memang sa-berapa daya upaya mahu melekaskan, mahu lebeh chermat dan jangan ada kemalangan dan membawa kapada benchana bagaimana yang ada hari ini sedang di-siasat atas kemalangan di-Layang².

Saya uchapkan berbanyak terima kaseh ....

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Nampak-nya Menteri ini suroh naik keretapi, habis-lah bankrupt; suroh orang naik kapal terbang, keretapi tidak laku-lah!

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya tidak kata semua orang, yang saya kata yang mana Yang Berhormat yang hendak lekas kerana Yang Berhormat yang berkenaan dari Johor Bahru, saya pun faham juga jalan yang selalu ada kemalangan tergelinchir antara Kluang dengan Gemas. Saya suka nasihatkan perjalanan yang lebeh baik oleh itu kita hendak membaiki lagi rel² keretapi kita. Walau macham mana pun, kalau ada peruntokan yang saya akan kemukakan nanti di-Dewan Ra'ayat atau di-Dewan ini saya minta Ahli² Yang Berhormat sokong kerana hendak membaiki jalan² keretapi, hendak membeli kepala² keretapi yang tidak lagi pakai steam, tetapi pakai diesel enjin bagaimana Yang Berhormat Enche' Abdul Samad pun kata, fasal apa pakai keretapi yang ada asap banyak. Saya kata kita ada pakai diesel kepala-nya ini chuma ada dalam 51 buah, kadang² semua sudah di-pakai, kadang² ada yang rosak, tidak chukup, terpaksa juga kita menggunakan oil burner steam, tetapi soal pakai steam atau soal² pakai diesel, kalau-lah rel itu tidak boleh hendak jalan laju, terpaksa juga di-sekat tentang laju-nya itu tidak lebeh daripada 35 atau 40 batu. Kalau hendak laju, rail car, tetapi rail car itu tiga saja gerabak-nya, kadang² yang naik pula kata-nya terlampau gonchang, kalau dalam laut jadi mabok pula saperti mana yang saya telah dengar satu cherita dari

sa-orang penumpang. Kami dari pehak keretapi ini serba salah. Laju macham ombak pula kata-nya mabok. Lambat, kata-nya macham kereta lembu. Saya minta-lah kerjasama sama² kita berdo'a satu hari nanti kita akan berjumpa keretapi yang pakai kuasa angin hoover train sampai 400 batu satu jam. Tetapi tunggu-lah pada waktu-nya dan ongkos-nya. Itu-lah sahaja dan saya uchapkan terima kaseh atas segala pandangan dan saya harap pehak Yang Berhormat sokong-lah saya tentang membaiki keadaan keretapi.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab bagi pehak dua Kementerian yang telah di-minta kapada saya untok menjawab-nya. Yang pertama ia-lah bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat Senator Amaluddin dari Kelantan telah merayu kapada Kerajaan supaya jangan menekan Parti² Pembangkang dalam pilehanraya yang akan datang. Dia telah membuat tudohan bahawa Kerajaan sentiasa di-desak oleh ahli² Parti Perikatan supaya Parti P.M.I.P. itu di-tutup dan ahli² parti itu di-tangkap dan di-tahan. Sa-bagai chontoh kata-nya Yang Berhormat itu telah menyebutkan perkara tahanan Haji Wan Ismail bin Wan Ahmad yang telah di-tangkap dan di-tahan pada 30hb November, 1967. Ia juga telah menyatakan bahawa ia-itu kes Haji Wan Ismail telah di-timbangkan oleh Lembaga Penasihat dan Lembaga itu berpendapat bahawa tudohan² ka-atas Haji Wan Ismail itu tidak benar. Ini kata dia, sunggoh pun bagitu Kerajaan maseh menahan-nya. Kata-nya tudohan² yang di-buat itu ada-lah palsu belaka. Tudohan menyatakan ia telah mengadakan meshuarat di-Golok itu ada-lah fitnah. Kata-nya oleh kerana pada tarikh itu Haji Wan Ismail menghadhiri meshuarat di-Kota Bharu. Ini tudohan yang apa di-katakan oleh Ahli daripada P.M.I.P. ia-itu Yang Berhormat Enche' Amaluddin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab-nya, saya suka-lah menyatakan ia-itu tudohan Senator Amaluddin, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan Perikatan tidak pernah menarek apa² Parti Pembangkang dalam Pilehanraya. Tangkapan atau tahanan ka-atas sasaorang mengikut kuasa di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri, di-buat berdasarkan kapada anchaman kapada keselamatan dalam negeri yang di-paparkan oleh orang² yang berkenaan.

Berhubong dengan Haji Wan Ismail, suka saya mema'alumkan kapada Dewan ini bahawa beliau telah di-tangkap dan di-tahan kerana menjalankan tindakan² yang menganchaman keselamatan dalam negeri, sebab² itu di-tahan sudah pun di-sampaikan kapada-nya untok membolehkan ia membuat aduan kapada Lembaga Penasihat. Kes Haji Wan Ismail itu telah pun di-timbangkan oleh Lembaga Penasihat dan Lembaga itu telah membuat laporan-nya kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut kehendak Undang² Keselamatan Dalam Negeri. Atas laporan Lembaga itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong telah memutuskan supaya perentah tahanan yang telah di-kenakan ka-atas Haji Wan Ismail itu di-teruskan kuatkuasa-nya.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Penasihat itu ada-lah sa-buah Lembaga yang bebas dan di-tubohkan mengikut Perlembagaan Malaysia.

Ada satu dua perkara yang saya suka menjawab bagi pehak Menteri Kesihatan, ia-itu perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Puan Senator Aishah Ghani. Yang pertama Puan Aishah ada menyatakan banyak kanak² Melayu di-luar bandar yang mengidapi penyakit chaching dan kurang zat makanan, sunggoh pun kadar kematian kanak² telah di-katakan berkurangan. Pegawai² Perubatan hendak-lah memberi perhatian yang lebeh di-dalam rawatan kanak² di-kawasan luar bandar sa-bagaimana yang di-minta oleh Puan Aishah.

Bagi menjawab-nya saya suka menyatakan Kementerian Kesihatan ada-lah sedar bahawa penyakit chaching dan kurang zat makanan di-kalangan kanak² di-kawasan luar

bandar ada terjadi dan rawatan ada-lah sedang di-beri kapada kanak² sa-umpama itu di-semua Rumah² Sakit, Pusat² Kesihatan Ibu dan Kanak² apa-bila mereka pergi ka-tempat² itu dan di-dapati mengidapi penyakit chaching. Kekurangan zat makanan, terutama-nya kekurangan zat protein, ada juga di-dapati di-separoh kawasan² luar bandar dan kajian² di-atas perkara ini telah pun di-jalankan di-beberapa kawasan di-dalam Malaysia Barat. Susu jenis skim milk yang di-dermakan oleh U.N.I.C.E.F. ada-lah di-bekalkan kapada kanak² yang di-dapati meng-idap kekurangan zat protein di-Pusat² Kesihatan dan di-Kelinik² Kesihatan Ibu dan Kanak². Sharahan² mengenaï pelajaran kesihatan, terutama-nya di-dalam lapangan membaiki kebersehan keliling di-kampong², mithal-nya mem-buat dan menggunakan perigi² yang baik, tandas² pembuangan sampah rumah dan kawasan kebersehan di-kampong² ada-lah di-beri kapada pendudok² luar bandar oleh Merinyu² Kesihatan Umum, Pengawas Kesihatan Umum di-dalam usaha untok mengatasi masaalah penyakit chaching itu.

Sharahan² dan juga pertunjokan ada-lah di-beri di-Pusat² Kesihatan dan Kelinik² Kesihatan Ibu dan Kanak² oleh Jururawat² Kesihatan mengenaï perkara makanan yang chukup dan sa-imbang bagi ibu² yang mengandong dan kanak² dengan menggunakan makanan tempatan yang boleh di-dapati dengan murah harga-nya. Kementerian ini akan melipat-gandakan segala usaha² dalam bidang kuasa-nya untok menghadapi penyakit chaching dan kekurangan zat makanan.

Perkara yang kedua yang di-bangkit-kan oleh Puan Aisha Ghani ada-lah, ia-itu mendesak Kementerian ini mengambil perhatian di-atas perkara kelengahan melayan pesakit² yang meminta rawatan di-Kelinik², dan Jabatan² Sakit di-luar Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan dalam perkara ini ada di-antara 7 hingga 10 orang doktor yang di-tugaskan di-Jabatan Pesakit Luar, ia-itu Outdoor Patients Depart-ment, Kuala Lumpur, tiap² hari di-antara 7 hingga 10 orang doktor di-situ. Dan saya suka menyatakan juga ia-itu ada dalam hitongan panjang lebeh kurang 800 orang pesakit² yang datang pada tiap² hari untok mendapat rawatan. Ini berma'ana kalau ada 800 orang pesakit datang, ada 8 doktor, berma'ana satu Doktor mesti memberi rawatan kapada 100 orang pesakit. Hitong panjang sa-orang doktor akan mengambil masa lebeh kurang 4 minit, untok memereksa sa-orang pesakit, dan oleh kerana itu ada-lah nyata bahawa pesakit² terpaksa-lah menunggu giliran. Kalau 2 minit satu orang, 100 orang sudah 200 minit, jadi masing² terpaksa-lah menunggu giliran. Bagaimana pun, saya suka menyatakan ia-itu Kemen-terian Kesihatan akan mengambil tindakan untok menchari jalan, untok menchari langkah yang harus di-buat untok memendekkan perkara ini.

Bagi menjawab perkara yang ketiga yang di-bangkitkan oleh Puan Aisha Ghani, ia-itu meminta Kementerian memberi kursus perhubongan raya kapada kaki-tangan² rumah sakit, bagaimana merawat dan menunjokkan kejujoran mereka di-dalam menjalan-kan tugas, Tuan Yang di-Pertua, semua Juruwarat² dan Kaki-tangan² Rumah² Sakit sa-masa mereka dalam latehan, kaki-tangan rumah sakit ada-lah di-ajar antara lain² atoran adab professional. Ini termasok perkara perhubongan dengan pesakit² dan orang ramai. Dan lagi Gerakan Mesra ada-lah di-jalankan di-mana telah di-tegaskan bahawa kaki-tangan² rumah sakit hendak-lah bersopan santun, bertimbang rasa, saling mengerti, bersimpati dan bersedia menolong di-dalam tugas²-nya dengan pesakit² dan orang ramai. Ini ada-lah di-beri latehan dan juga di-minta supaya mekera menjalankan kerja-nya meng-ikut apa yang telah di-lateh. Kaki-tangan jururawat yang kanan ada menghadhiri Kursus di-Pusat Latehan Kati-tangan² Kerajaan, di-Petaling Jaya dan satu di-antara perkara² yang di-masokkan dalam kursus itu ia-lah perhubongan dengan orang ramai dan jururawat² ini akan memberi pula

latehan dalam perkhidmatan kapada jururawat² dalam Negeri mereka masing². Jadi, ma'alum saja-lah perkara sa-umpama ini kita memang ada beri latehan supaya jururawat dan kaki-tangan² hospital ini bersopan santun dan baik dalam kerja mereka itu, sa-bagaimana saya telah nyatakan tadi.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah kali yang pertama bagi saya dapat peluang hadhir di-dalam Majlis Dewan Negara dan saya merasa sangat suka hati kerana dapat bergaul dengan Ahli² Dewan Negara yang lain. Sa-panjang beberapa hari yang lalu Ahli² Dewan Negara telah mengeluarkan fikiran² yang sangat besar faedah-nya kapada pembangunan negara kita, maka dengan sebab itu saya mengatakan bahawa Dewan Negara ini sangat-lah berguna untok kemajuan kita pada masa yang akan datang. Beberapa pandangan, chadangan, tegoran, telah pun di-keluarkan, dan saya tidak-lah berchadang hendak memberikan jawapan kapada semua pandangan dan fikiran yang di-keluarkan itu. Tetapi saya mengakuï mana² perkara yang tidak di-jawab di-sini ada-lah di-ambil ingatan dan akan di-kemukakan kapada Kerajaan.

Chadangan daripada Dato' Foo See Moi supaya Kerajaan menubohkan satu Committee yang di-namakan Committee Economic Experts. Ini ada-lah satu pandangan yang baik dan saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sendiri telah pun memulakan ranchangan ini di-mana² ada Badan Pembangunan Kerajaan ada-lah juga di-sertaï oleh pehak² orang ramai, ahli² perniagaan, saperti F.L.D.A. dan sekarang ini Kerajaan sedang menubohkan sa-buah Committee yang di-namakan Advisory Committee kapada N.D.P.C. (National Development Planning Committee) yang mengandongi Pegawai² Kerajaan, private, individual dan juga orang persaorangan yang lain bagi menasihatkan badan Kerajaan ini untok melaksanakan ranchangan² kemajuan yang lebeh besar pada masa yang akan datang kerana pandangan orang ramai ada-lah sangat di-hargaï oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Saidon bin Kechut menerangkan soal buah²an yang maseh di-bawa dari negeri luar dan yang terutama-nya di-bawa dari negeri Israel. Saya akan kemukakan perkara ini kapada Kerajaan menjalankan penyiasatan dan berikhtiar bagaimana buah²an tempatan akan dapat lebeh di-galakkan pada masa yang akan datang. Dan FAMA sendiri sedang mengambil langkah, sedang mengator satu kempen bagaimana hendak menggalakkan ra'ayat negeri ini supaya lebeh suka menikmati buah²an tempatan lebeh daripada buah²an yang di-bawa masok daripada luar negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamed Noah dari Johor mengatakan banyak tanah² yang tertinggal tidak di-kerjakan akan merugikan negara. Ini memang-lah satu perkara yang betul, tetapi soal tanah, saperti Ahli² Yang Berhormat ketahuï, ada-lah terletak dalam kuatkuasa Kerajaan Negeri. Dan apabila di-adakan persidangan Majlis Kebangsaan Tanah Negara, saya akan kemukakan perkara ini kapada Menteri² Besar supaya mereka bertindak tegas, tanah² yang tidak di-kerjakan itu dapat di-kerjakan sama ada di-beri kapada orang lain atau pun memberi pertolongan kapada petani² yang tidak mampu. Tentang soal chadangan beliau supaya di-adakan hadiah² kapada petani², yang sa-benar-nya hal ini sudah lama di-jalankan ia-itu apabila di-adakan Gerakan Maju, maka hadiah² di-adakan sa-bagai incentive atau menarek hati petani di-kampong², tetapi tidak-lah di-adakan pertandingan perengkat kebangsaan, chuma di-adakan di-perengkat daerah sahaja. Jika di-fikirkan perengkat kebangsaan boleh memberi faedah maka hal ini juga akan di-timbangkan.

Berhubong dengan soal hutang MARA yang di-sebutkan-nya bukan $600,000 saperti yang tersiar dalam surat² khabar tempatan tetapi ia-lah $240,000 sahaja. Hutang ini ia-lah hutang lapok yang tidak dapat di-pungut daripada RIDA yang di-tubohkan 10 tahun yang lalu, sebab²-nya tidak dapat di-pungut itu kerana sa-tengah² peminjam itu telah meninggal

dunia dan keadaan-nya sa-tengah² itu terlampau miskin boleh menyusahkan mereka dan perbelanjaan membawa ka-mahkamah lebeh besar daripada hutang yang akan dapat di-tuntut. Dan dalam tempoh 10 tahun yang lalu RIDA dan juga MARA telah meminjamkan wang sa-banyak $40 juta kapada ahli² perniagaan bumiputera dan daripada sa-banyak itu wang interest yang di-perolehi ia-lah $3½ juta, maka jika di-bandingkan dengan wang yang hilang dengan interest yang di-dapati tidak-lah boleh di-katakan ini satu kerugian yang besar sangat.

Chadangan-nya hendak mengadakan satu jawatan-kuasa menimbangkan soal pengeluaran barang² perengkat kebangsaan, ini telah saya jawab tadi ada-lah sa-rupa dengan chadangan yang di-keluarkan oleh Dato' Foo See Moi.

Wakil daripada Orang² Asli telah menyuarakan tidak puas hati Orang² Asli berkenaan dengan pekerjaan mereka telah hilang dalam pasokan askar. Saya minta wakil Orang² Asli yakin bahawa Kerajaan tidak-lah sama sa-kali hendak membelakangkan nasib orang² asli ini. Orang² Asli ada-lah mendapat pandangan yang istimewa daripada Kerajaan terutama sa-kali dalam ranchangan pembangunan dan memang di-akui tentang kebijaksanaan, kepandaian, kepintaran Orang² Asli untok bekerja dalam hutan menolong pasokan² keselamatan, dan kita ada-lah sentiasa mengingati di-atas kechemerlangan-nya dan usaha mereka menolong pasokan keselamatan terutama dalam masa dharurat dahulu dan hal ini akan di-ambil tindakan yang berat dan akan di-sampaikan kapada pehak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Dr Cheah Toon Lok dari Kedah berkali² menyebutkan pergi ka-Taiwan. Ahli² Yang Berhormat, keadaan di-Taiwan ada-lah berlainan sangat dengan keadaan kita di-Tanah Melayu atau di-Malaysia ini. Kerana negeri Taiwan itu ada-lah sa-buah negeri yang kechil, barangkali besar sadikit daripada negeri Pahang, sedangkan pendudok-nya ada sa-ramai 11 juta manusia berbanding dengan Malaysia yang mempunyai pendudok sa-banyak 9 atau 10 juta dan kawasan negara kita sa-puloh kali lebeh luas barangkali daripada Pulau Taiwan. Jadi mereka di-sana terpaksa menggunakan sa-tiap inchi, sa-tiap kaki tanah yang ada di-gunakan penoh dalam tempoh sa-tahun, kalau tidak, tentu-lah mereka akan susah hendak memberi makan ra'ayat sa-ramai 11 juta orang itu. Dan keadaan hawa serta tanah di-negeri itu tidak dapat di-samakan dengan keadaan tanah dan hawa di-negeri kita ini, tetapi saya puas hati mendengarkan uchapan beliau menyatakan kejayaan Kerajaan Perikatan kerana menanam padi dua kali sa-tahun dan ranchangan yang raksaksa yang sedang di-jalankan di-Muda Scheme itu.

Pandangan yang di-bawa oleh Yang Berhormat Nik Hassan ia-itu berkenaan quota membawa barang² masok, ini akan di-ambil perhatian yang berat, dan saya sendiri akan mengambil tahu hal ini kerana ini ada-lah menjadi tanggong-jawab MARA yang saya sendiri menjadi Pengerusi-nya sekarang.

Chadangan beliau supaya G.O., F.G.O. dan Schemes of Service di-semak kembali. Pada masa ini memang telah di-bentok oleh Kabinet sa-buah jawatan-kuasa untok menimbangkan Schemes of Service yang baharu supaya dapat di-sesuaikan dengan perkembangan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi dalam negeri kita ini.

Uchapan yang di-keluarkan oleh Yang Berhormat Senator Amaluddin bin Darus daripada Parti PAS ada-lah satu perkara yang banyak yang hendak saya berikan jawapan. Yang pertama sa-kali beliau mengatakan Kerajaan Pusat sudah bankrupt. Apa-kah beliau ini lupa siapa-kah yang sa-benar-nya bankrupt. Walau pun Kerajaan Pusat sukar dengan keadaan kedudokan kewangan-nya, tetapi belum-lah pernah ada terdengar Pegawai² Kerajaan tidak dapat gaji sa-lama 10 tahun kita memerentah negeri ini (*Tepok*). Walau pun kita kesusahan wang tetapi kita maseh mampu juga menolong sa-buah negeri yang sa-benar²-nya bankrupt iaitu-lah negeri Kelantan di-mana

tempat datang-nya Senator Amaluddin bin Darus itu.

Beliau mendesak supaya Penyata Gaji Suffian di-jalankan dengan segera. Beliau lupa bahawa Penayta ini jika di-jalankan ada-lah juga menchekek batang leher Kerajaan Negeri Kelantan sendiri, kerana Penyata Suffian bukan-lah mengenaï kapada Kerajaan Pusat sa-mata², tetapi ada-lah juga terlibat dengan pegawai² Kerajaan Negeri. Jika pada hari ini pun Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa meminjam wang daripada bank, daripada Kerajaan Pusat, kadang² tidak dapat hendak bayar gaji, maka bagaimana-kah agak-nya Kerajaan Kelantan hendak berikhtiar apabila Penyata Suffian di-jalankan dengan sa-penoh-nya bagi membayar gaji² tambahan kapada Pegawai² Kerajaan Negeri itu?

Baik saya panjangkan juga tentang Penyata Gaji Suffian ini. Kerajaan ada-lah berchita² hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat. Kalau boleh Malaysia ini dapat di-jadikan saperti negeri Amerika dengan sa-kelip mata, maka tidak lengah² lagi kalau ada jalan terbuka Kerajaan Perikatan akan melaksanakan-nya. Apa-kah faedah-nya Kerajaan melihat ra'ayat tinggal dudok dalam kemiskinan, tetapi tentu-lah sa-lama 10 tahun pemerentahan kita tidak akan dapat mengejar kemajuan 375 tahun kemerdekaan negeri Amerika itu. Sa-benar-nya Kerajaan suka, kalau sa-kira-nya semua ra'ayat termasok Pegawai² Kerajaan mendapat gaji yang lebeh besar daripada yang ada sekarang supaya negeri kita ma'amor dan negeri kita aman dan dapat lebeh kemajuan.

Kerajaan berchadang Penyata Surohanjaya Gaji Suffian ini akan di-jalankan dengan chara beransor². Di-sini saya suka menerangkan bahawa Pegawai² Kerajaan bekerja dengan Kerajaan tidak-lah sama saperti employees bekerja dengan company², sebab di-dalam company ada share holders, share holders chuba hendak mendapat faedah yang besar. Taukeh² berkehendakkan keuntongan yang banyak. Kadang² mereka suka menindas pekerja² di-bawah-nya, tetapi di-dalam Kerajaan jika sa-kira-nya Kerajaan dapat wang yang banyak, maka ini tidak bererti Menteri², Wakil² Ra'ayat, atau Ahli² Dewan Negara akan dapat faedah bertambah gaji atau sa-bagai-nya daripada keuntongan yang di-perolehi. Tiap² satu sen wang keuntongan di-perolehi oleh Kerajaan semua-nya di-pulangkan balek kapada ra'ayat sama ada mereka itu Pegawai Kerajaan atau pun orang ramai. Jadi, nyata-lah sekarang ini yang Pegawai² Kerajaan kalau boleh mereka faham perbezaan di-antara pekerja dengan company dengan pekerja dengan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari PAS ini juga mengatakan Ranchangan Luar Bandar tidak memberi faedah saperti balai raya, buat jalan dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat menudoh bahawa ranchangan² yang tidak berfaedah ini ada-lah di-keluarkan oleh sa-orang Inggeris yang bekerja di-dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini ada-lah satu tudohan yang sangat liar, kerana yang bertanggong-jawab di-dalam pembangunan ini ia-lah datang terus daripada Menteri kita, ia-itu Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Segala ranchangan² yang di-jalankan, terutama-nya di-kampong², bukan-nya dengan kehendak Kerajaan, tetapi sa-bahagian besar daripada-nya dan desakan itu datang daripada ra'ayat di-tempat itu sendiri. Kalau boleh Kerajaan sendiri tidak mahu mengeluarkan wang² itu, tetapi kerana desakan² ra'ayat terpaksa juga di-adakan. Ini ada-lah menunjokkan ra'ayat sendiri berkehendakkan ranchangan² yang ada di-buat di-merata² tempat dalam tanah ayer kita ini

Enche' Saidon bin Kechut mengatakan orang² PAS menudoh balai raya tidak berguna, tetapi mereka juga meminjam balai² raya yang di-dirikan oleh Perikatan untok mengadakan kempen² pilehanraya-nya. Pada satu malam orang PAS, saya lihat tidak mahu menggunakan balai raya yang di-buat oleh Perikatan. Mereka kempen di-tengah padang. Dengan takdir

Tuhan hujan pun turun, maka susup sasap mereka lari masok dalam balai raya Perikatan. Jadi, saya beritahu orang² PAS itu-lah dia, Tuhan hendak tunjok dengan kamu bahawa sa-nya balai² raya ini sa-benar-nya berguna, kalau tidak tentu-lah banyak yang kena demam kura pada malam itu. Jadi, memang-lah balai² raya itu di-adakan supaya orang² kampong dapat bermeshuarat. Dahulu mereka dudok bertedoh, dalam masjid bersila. Orang² China tidak boleh naik masjid. Jadi hendak berchampor China-Melayu pun susah, tetapi sekarang ini dengan ada-nya balai² raya itu dapat-lah mereka berkumpul, bermeshuarat dengan tidak kena panas dan hujan.

Tentang soal ada sa-tengah mengatakan ada kambing masok di-balai raya dan sa-bagai-nya; ini bukan kambing Perikatan. Ini kambing orang² kampong sendiri. Kambing² itu, tidak usah-lah kata dalam balai raya, kalau di-rumah kita pun tidak di-jaga, kambing dudok bawah di-tempat tidor rumah kita. Jadi, tuan² sekalian balai raya ini memang berguna, dalam satu masharakat, tidak usah kata di-Malaysia, di-mana² negeri saya lihat saperti di-Amerika, di-mana² ada kampong, village, ada-lah juga masjid, church atau pun balai raya di-mana tempat mereka itu berkumpul.

Kemudian saya suka menyebutkan lagi tentang kedudokan Ahli PAS ini di-dalam Dewan ini mereka berchakap dengan lantang menudoh Kerajaan tidak menjalankan kemajuan, tetapi apabila mereka balek di-Kelantan mereka-lah yang menentang kemajuan. Apabila Parti Perikatan memberitahu orang² kampong hendak mengadakan jalan raya itu dan ini, mereka-lah yang menakut²kan orang² kampong, jangan terima ranchangan Kerajaan Parti Perikatan kata-nya. Jadi, saya sunggoh² hairan di-mana-kah pendirian mereka yang betul, sama ada uchapan-nya dalam Dewan ini yang betul atau pun di-negeri Kelantan itu yang betul. Apabila Kerajaan Perikatan berjanji hendak buat jalan raya, orang² kampong berasa sangat-lah suka hati, tetapi apabila orang PAS pula masok kampong mengatakan, jangan terima ranchangan jalan raya Kerajaan Perikatan. Apabila jalan raya siap, anak ayam awak, anak itek awak mati habis di-langgar oleh motokar yang masok daripada pekan², sampai bagini rendah pandangan mereka itu. Anak² awak sendiri akan di-langgar oleh motokar. Orang² China daripada Kuala Lumpur nanti bawa motokar besar rampas rumah awak, maka dengan hal yang bagini orang² kampong menolak tidak mahu di-adakan jalan² raya. Sa-tengah² yang dudok di-hulu² tidak pernah turun ka-bandar, tidak pernah naik bas hendak pergi menengok pekan Kota Bharu, maka di-sini-lah tempat-nya sarang² PAS dudok untok hendak mengekalkan mereka itu memerentah negeri Kelantan.

Sa-lain daripada itu PAS mengatakan atau pun Senator Amaluddin Darus mengatakan supaya harga getah ini kita sendiri menetapkan-nya kejatohan harga getah dia tidak perchaya kerana pasaran dunia. Kita punya barang, kita sendiri mesti tetapkan. Kata-nya ini bukan-lah soal hendak menikahkan anak kita, yang kita hendak tetapkan harga-nya. Ini soal harga pasaran dunia. Kalau boleh-lah kita sendiri menetapkan harga getah dan semua orang terpaksa beli, Kerajaan Perikatan-lah yang akan menaikkan harga getah di-sini $100 sa-kati supaya kita semua hidup mewah. Ini soal sama ada orang itu suka beli atau pun tidak. Kita tidak dapat menetapkan harga getah itu mesti di-jual sekian harga, kalau tidak, kita tidak boleh jual. Kalau kita ta' boleh jual, di-mana-kah kita hendak bawa getah yang bagitu banyak. Chadangan² beliau mengatakan supaya getah di-jadikan barang², ini telah mula di-jalankan, mithal-nya factory membuat tayar² motokar telah mula di-adakan di-negeri kita.

Beliau juga mengatakan ada satu news keluar daripada Hongkong, ia-itu Kominis China akan mengembangkan sayap-nya ka-sabelah Selatan dan rupa-nya Ustaz Amaluddin Darus ini pun takut juga kapada kominis dan

dia minta Kerajaan Perikatan berikhtiar macham mana hendak menyekat kemasokan kominis. Kerajaan Perikatan memang daripada mula lagi sedarkan bahaya kominis ini. maka sebab itu-lah di-adakan Perjanjian Pertahanan dengan Kerajaan British. Perjanjian Pertahanan dengan Kerajaan British bukan sa-bagai satu sharat yang kita menchapai kemerdekaan dahulu. Apabila saya sampai ka-negeri Russia, saya telah beritahu dengan Menteri[2] Kerajaan Russia bahawa Perjanjian Pertahanan Malaysia dengan Kerajaan British bukan sa-bagai satu sharat yang membolehkan Malaysia menchapai kemerdekaan dahulu. Ini ia-lah dengan kehendak ra'ayat Malaya pada waktu itu, kerana bimbangkan sa-buah negara yang baharu menchapai kemerdekaan tidak dapat hendak berdiri di-atas kaki sendiri dalam pertahanan meminta untok sementara Kerajaan British menolong kita, dan sekarang British hendak keluar daripada tanah ayer kita. Kita tidak pernah pergi ka-London menyembah supaya British tetap juga hendak kekal di-tanah ayer kita ini. Kalau mereka hendak keluar, biar-lah mereka keluar, hidup dan mati kita akan berdiri di-atas kaki kita sendiri.

Jadi, tuan[2] sekalian apa-kah ikhtiar daripada orang[2] PAS ini hendak menyelamatkan tanah ayer kita, dia tidak sebut; chuma minta kita berikhtiar. Apa-kah faedah-nya beliau dudok dalam Dewan ini, kalau chuma hendak minta[2] Kerajaan berikhtiar yang beliau sendiri datang daripada sa-buah parti tidak mahu mengeluarkan pendapat bagaimana chara kita hendak menyelamatkan tanah ayer kita ini.

Tuan[2] sekalian sekarang ini Kerajaan kita berikhtiar apabila British berundor daripada Malaysia, kita mengajak Australia, New Zealand, Singapura. Malaysia berunding bersama[2] dan jika Kerajaan British suka, Kerajaan British boleh menolong bersama[2] kerana Kerajaan British pun ada mempunyai

Kemudian beliau membangkitkan tentang soal tuntutan Filipina. Beliau langsong menchadangkan supaya di-adakan pungutan suara—referendum, menentukan sama ada ra'ayat Sabah suka kapada Malaysia atau pun tidak. Kerajaan Malaysia tidak dapat menerima pandangan saperti ini, kerana jika di-adakan pungutan suara ini menunjokkan kapada mata dunia bahawa Kerajaan Malaysia sendiri tidak perchaya dengan sa-penoh-nya tentang keinginan ra'ayat Sabah hendak masok ka-dalam Malaysia. Ini akan memberi peluang kapada Kerajaan Filipina menudoh bahawa sa-nya Kerajaan kita sendiri belum yakin penoh orang[2] Sabah itu sa-benar-nya hendak masok ka-dalam Malaysia dan ini akan melemahkan kedudokan kita dalam pembicharaan kita dengan Kerajaan Filipina pada masa yang akan datang. Dan beliau mengatakan bahawa Perdana Menteri kita, Tunku Abdul Rahman sengaja menchari kachau-bilau dalam soal tuntutan Filipina ka-atas Sabah, kerana ini-lah satu issue election yang akan di-buat oleh Perikatan dalam pilehanraya tahun 1969.

Tuan[2] sekalian sama ada perkara ini jadi issue atau tidak, itu perkara biasa sahaja. Kalau sa-kira-nya berlaku kekechohan yang hebat di-antara dua negeri ini, sudah tentu perkara ini akan di-bangkitkan yang mana Parti Perikatan akan mempertahankan Malaysia dan tidak ada siapa yang boleh memechahkan-nya. Tetapi kalau satakat tuntutan saperti yang ada pada hari ini, saya tidak perchaya hal ini boleh menjadi issue yang boleh menarek orang ramai untok mengundi Perikatan. Ada banyak lagi issue lain yang akan di-kemukakan oleh Parti Perikatan. Parti Perikatan tetap dalam beberapa kali pilehanraya yang sudah dan yang akan datang, akan berjuang untok kema'amoran, keamanan, kesejahteraan, keselamatan dan kemajuan negeri ini. Ini-lah sahaja moto Per-



lalu menunjokkan bahawa ra'ayat tidak mahu meniru mana[2] sahaja

tiap² tahun di-negeri Kelantan itu. Dan jika di-tambah lagi dengan usaha² mengeluarkan kayu balak dan sa-bagai-nya, tentu negeri itu akan menjadi sa-buah negeri yang kaya, kerana negeri Kelantan sangat besar, sedang-kan pendudok-nya chuma ada lebeh kurang 600,000 orang sahaja.

Tuan² sekalian, saya suka juga menerangkan keadaan penganggoran pada hari ini. Di-mana² negeri dalam dunia yang saya telah lawati apabila saya berjumpa dengan Menteri² dan bertanya apa-kah masaalah yang ada dalam negeri tuan² itu, maka jawab-nya yang pertama sa-kali ia-lah masaalah penganggoran, penganggoran menjadi perkara yang utama. Jadi tidak-lah hairan kalau sa-kira-nya soal penganggoran maseh ada lagi wujud dalam tanahayer kita ini tetapi Kera-jaan tidak berdiam diri; kalau sa-kira-nya Kerajaan berdiam diri sa-lama ini, saya fikir negara kita separoh daripada orang² kita terdiri daripada penganggor, tetapi tidak-lah sa-burok itu keadaan yang ada sekarang. Penganggoran yang ada hanya merupakan satu perkara biasa yang berlaku di-negeri² lain juga.

Di-sini saya suka menerangkan dasar Kerajaan Perikatan saperti yang tuan² ma'alum yang pertama sa-kali membuka tanah sa-luas² yang boleh. Dalam tempoh lima enam tahun yang lalu F.L.D.A. telah membuka tanah sa-luas 180,000 ekar dan jika di-tambah lagi dengan Ranchangan² Tanah Pinggir ini sudah berapa ribu ekar jumlah tanah yang telah di-buka dan sekarang ini ranchangan tanah yang luas sa-kali sedang di-buka di-Jengka Triangle sudah pun di-mula-kan 60,000 ekar tanan itu telah mula di-tanam dengan getah dan kelapa sawit dan menunggu masa-nya sahaja akan di-bawa peserta² masok ka-dalam-nya. Jika tanah 300,000 ekar ini siap kelak maka boleh di-masokkan sa-ramai 180,000 nyawa manusia ka-dalam kawasan ini. Ini berma'ana seluroh ra'ayat negeri Perlis dapat di-pindahkan masok ka-dalam satu ranchangan tanah di-negeri Pahang; itu pun ada lebeh lagi, sebab ra'ayat Perlis chuma ada 120 ribu orang sahaja. Dan sekarang Kerajaan sedang menyiasat sa-keping tanah lagi, di-antara negeri Pahang dan Johor luas-nya 1 juta ekar. Ada negeri sahabat yang telah menawarkan supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan untok menjalankan sia-satan membuatkan programme bagai-mana chara-nya tanah² ini hendak di-buka dan jika di-dapati tanah ini layak untok di-tanam getah atau kelapa sawit, saya perchaya Bank Dunia tentu akan memberikan pin-jaman wang kapada kita sebab kita ada-lah sa-buah negara pembayar hutang yang sangat ta'at setia dalam dunia ini, dan oleh kerana ranchangan² kita berjalan dengan baik, tentu-lah mudah dapat pinjaman wang dan ini akan memberi peluang kapada lebeh kurang sa-tengah juta manusia dapat di-masokkan ka-situ dalam satu kawa-san itu. Ini berma'ana seluroh orang negeri Kelantan dapat di-pindahkan ka-dalam satu kawasan yang baharu saya sebutkan tadi. Ini-lah ranchangan raksaksa yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan dalam segi mem-buka tanah.

Di-sini saya suka menasehatkan ibu bapa orang ramai yang menghantar anak-nya masok ka-sekolah menengah jangan-lah mereka ini berharap² anak² mereka semua-nya hendak jadi doktor, hendak jadi C.P.O., hendak jadi D.O. sahaja, kerana tentu-lah Kerajaan tidak boleh ambil semua orang penuntut² yang keluar daripada sekolah masok bekerja dengan pejabat² Kerajaan. Saperti di-negeri Melaka yang saya alami dahulu, tiap² tahun lebeh kurang chuma 10 orang sahaja Pegawai² Kerajaan yang berhenti, 5 orang bersara, 5 orang mati, tetapi penuntut² yang keluar sekolah 9,000 orang satu tahun. Kalau semua-nya hendak di-ambil masok ka-dalam Pejabat² Kerajaan, tentu tidak chukup kerusi yang mereka hendak dudok dan negeri kita tidak boleh maju. Jadi hendak-lah di-tanamkan dalam sema-ngat anak² kita, kalau kamu boleh menjadi sa-orang loyar, sa-orang doktor, ini sa-baik²-nya, tetapi tentu tidak semua orang boleh sampai ka-peringkat saperti itu, kerana dalam

dunia mana pun hanya 20% sahaja manusia yang boleh menggunakan otak di-dalam lapangan professional, yang lain²-nya itu boleh di-katakan terpaksa bekerja dalam usaha pertanian, perikanan dan sa-bagai-nya lagi. Dan apabila Yang Berhormat Enche' Abdul Samad menyebutkan soal ubi kayu, maka kita beri-lah tahniah kapada dia atas pandangan-nya yang jauh 10 tahun dahulu berkenaan dengan ubi kayu, nampak-nya ada di-jalankan pada hari ini dan saya harap beliau keluarkan lagi pandangan untok 10 tahun yang akan datang apa lagi tanaman yang hendak di-keluarkan. Saya tidak-lah malu menerima apa sahaja chadangan² yang tuan² keluarkan yang di-fikirkan baik.

Sa-lain daripada ubi kayu juga ada di-sentoh MARA. MARA bukan-lah hendak tanam ubi kayu. MARA telah pun bersetuju hendak mendirikan kilang ubi kayu. Ini akan memakan belanja sa-banyak $1½ juta dan Kerajaan Negeri Pahang telah pun memberikan sa-keping tanah sa-luas 4,000 ekar kapada MARA jika MARA suka hendak menanam ubi kayu, tetapi saperti kata saya tadi MARA tidak-lah berhajat hendak menanam ubi kayu dan ini akan di-berikan kapada peladang² menanam-nya sendiri dan MARA hanya menyiapkan kilang-nya sahaja dan kilang ini pun apabila telah maju nanti akan di-serahkan kapada bumiputera di-kawasan itu, atau pun bangsa asing yang suka hendak berchampor untok memileki kilang² tersebut.

Yang Berhormat Enche' Abdul Samad telah juga menyebutkan berkenaan dengan scholarship MARA. Ini saya sangat-lah terhutang budi atas pandangan beliau ini dan saya akan jalankan penyiasatan dan saya sendiri bersetuju pada masa yang akan datang penuntut² yang datang daripada keluarga yang berkemampuan supaya di-kurangkan sadikit scholarship dan di-tambah kapada penuntut² yang lebeh miskin. Kemudian di-sebut juga fasal pakar menanam padi. Pakar² yang hendak di-ambil oleh Kerajaan bukan-lah pakar untok menanam padi, bagaimana-kah sa-orang daripada England yang tidak kenal padi boleh datang menolong kita menanam padi di-sini. Yang di-kehendaki itu ia-lah hendak menyelesai tentang soal irrigation, soal taliayer-nya, bagaimana chara hendak di-buat, jadi kalau sa-kira-nya ada orang kita yang boleh jalankan itu, tentu-lah kita tidak ambil orang daripada luar dan kebanyakan orang daripada luar yang kita terima ini sa-tengah-nya dari Colombo Plan atau pun daripada United Nations Development Committee biasa-nya dapat dengan perchuma sahaja menjalankan penyiasatan itu.

Kemudian di-sebut lagi soal labu tak laku. Jadi ini saya minta ma'af kerana tidak masok dalam pekerjaan FAMA. Kalau FAMA hendak jaga labu, hendak jaga pisang, hendak jaga kachang panjang, hendak jaga sayor, tentu-lah saya tidak boleh balek ka-rumah terpaksa hendak jaga benda ini semua. FAMA chuma mengambil perkara yang besar² sahaja, ia-itu saperti padi, kelapa, ayam-itek, telor, lada hitam, perikanan. Macham sayor dan sa-bagai-nya FAMA tidak-lah dapat hendak champor tangan, kerana barang² ini lekas busok dan keadaan-nya sangat rumit yang tak dapat hendak di-kawal. Saya tidak bersetuju dengan pandangan beliau yang mengatakan FAMA tidak menunjokkan apa² kerja. Saya suka menyatakan bahawa FAMA telah berjaya dalam usaha yang pertama menolong menaikkan harga² padi dan saya suka menguchapkan tahniah kapada Enche' Hanafiah Hussain yang menjadi Pengerusi Lembaga FAMA yang telah lalu yang telah memulakan kerja-nya. FAMA baharu di-tubohkan dua tahun dan pada permulaan ini tentu-lah tidak banyak kerja yang boleh di-tunjokkan. FAMA terpaksa berhati² jangan sampai wang Kerajaan akan habis, kerana kalau FAMA rugi, maka tuan² juga yang akan bersungut dalam Dewan menudoh FAMA tidak bertanggong-jawab, tidak betul saperti tudohon yang di-datangkan kapada MARA. Apabila MARA lambat mengeluarkan pinjaman wang, ada-lah orang bersungut menga-

takan MARA lambat, MARA lembab, tetapi tujuan MARA hendak adakan penyiasatan dengan teliti, tetapi apabila di-keluarkan wang dengan chepat dengan tidak chukup teliti, maka banyak wang yang tidak dapat di-pungut balek. Ini pun akan jadi sungutan juga. Jadi saya minta-lah bukan sahaja Ahli2 Yang Berhormat dalam Dewan ini sahaja, di-luar pun, memahamkan bahawa segala ranchangan itu terpaksa di-jalankan dengan teliti supaya wang Kerajaan di-gunakan dengan sempurna-nya.

Ahli Yang Berhormat Tuan K. R. Somasundram berkenaan dengan fragmentation, ini ada-lah soal tanggongjawab Kerajaan Negeri dan perkara ini telah lama di-binchangkan dan saya perchaya Kerajaan Pusat sedang berunding dengan Kerajaan Negeri supaya soal2 fragmentation ini dapat di-selesaikan.

Senator Puan Aishah Ghani pun banyak mengeluarkan pandangan2 berkenaan dengan privilege leave dan sa-bagai-nya. Ini akan di-timbangkan oleh Kerajaan, tetapi kalau berhubong dengan accumulation leave ia-itu chuti yang di-champor2kan, ini tidak dapat di-elakkan terpaksa di-beri kapada Pegawai2 Kerajaan.

Berkenaan dengan chuti masa bekerja pada Bulan Puasa, ini ada kita dengar sungutan daripada orang ramai dan sa-bagai-nya, tetapi tak pernah di-kemukakan dengan sa-chara rasmi, tetapi apabila telah di-bawa ka-dalam Dewan ini akan di-timbangkan sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah tahu apa perkara lagi yang patut saya kemukakan di-sini, jika Ahli2 Dewan yang suka hendak perkara-nya tidak di-sebutkan dan bertanya, saya suka-lah memberi jawapan dan sa-kali saya menguchapkan terima kaseh memberi peluang saya menjawab dengan rengkas segala uchapan Ahli2 Dewan pada petang ini. (*Tepok*)

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa suatu uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya—

'Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli2 Dewan Negara Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu uchapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara menguchapkan berbanyak-banyak shukor dan terima kaseh kapada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Yang Kelima Parlimen Yang Kedua.'

**Tuan Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli2 Yang Berhormat, persidangan ini di-tanggohkan sa-hingga hari Ithnin, 17 haribulan Jun, 1968, pukul 10.00 pagi.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 5.40 petang.*

196/69-JCK.J.